

UNSUR-UNSUR KEROHANIAN DALAM TEKS CERITA  
*RAKYAT KELANTAN: HIMPUNAN SELURUH  
JAJAHAN*

NURAINA SHUHADA BINTI ROZMAN

UNIVERSITI

---

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

MALAYSIA

2024

---

KELANTAN



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

UNSUR-UNSUR KEROHANIAN DALAM TEKS *CERITA*  
*RAKYAT KELANTAN: HIMPUNAN SELURUH*  
*JAJAHAN*

NURAINA SHUHADA BINTI ROZMAN

TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA  
PENGAJIAN WARISAN

---

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari Tarikh.....sehingga.....

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

---

Tandatangan

---

Tandatangan Penyelia

Nuraina Shuhada Binti Rozman

Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob

C20A1299

Tarikh: / / 2024

Tarikh: / / 2024

## PENGHARGAAN

Bismillahir-Rahmanir-Rahim dan Assalamualaikum WBT.

Buat pertama kalinya, ucapan syukur Alhamdulillah dan juga puji-pujian kepada Allah SWT Yang Maha Pengasih, Maha Pemurah dan lagi Maha Penyayang. Bahkan, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan berkat izin dan juga limpah-Nya, penulisan berkaitan dengan projek penyelidikan akhir ini dapat dilaksanakan serta disempurnakan dengan jayanya.

Seterusnya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob merangkap penyelia dan pensyarah sebagai peranan penting untuk proses menyempurnakan penulisan projek penyelidikan akhir ini dapat dilaksanakan dengan cemerlang serta berkualiti. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau sentiasa prihatin, penuh dengan ketelitian dalam memberi dorongan, teguran, nasihat, bimbingan, mencurahkan pelbagai idea yang bernas serta sabar dalam memberi kritikan sebagai usaha untuk memurnikan setiap perkara dalam proses penghasilan projek penyelidikan akhir ini. Hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalas segala kebaikan dan juga pengorbanan yang beliau telah lakukan.

Di samping itu, saya juga turut merakamkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa dan juga keluarga yang telah banyak memberi dorongan serta tidak pernah jemu mendoakan kejayaan saya sepanjang melalui liku-liku sebuah kehidupan di muka bumi Allah SWT. Dengan berkat doa dan kata-kata semangat daripada mereka, maka saya telah berjaya menyiapkan projek penyelidikan akhir ini dengan cemerlang dan berkualiti walaupun menghadapi pelbagai ujian, dugaan, cabaran serta rintangan yang penuh dengan sebuah penderitaan. Namun demikian, tidak lupa juga saya ingin berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu, memberi sokongan dan saling bertukar pendapat. Saya amat menghargai segala jasa baik kalian dan didoakan agar kita semua beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Sekian, terima kasih.

*AmARozman*

Nuraina Shuhada Binti Rozman

Batu 9, Jalan Maran,

Kampung Awah,

28000, Temerloh,

Pahang Darul Makmur.

01137435113

Emel: [c20a1299@siswa.umk.edu.my](mailto:c20a1299@siswa.umk.edu.my)

## JADUAL KANDUNGAN

| KANDUNGAN  | HALAMAN |
|--|---------|
| Pengesahan Tesis   | i       |
| Penghargaan  | ii      |
| Jadual Kandungan   | iii     |
| Senarai Jadual   | v       |
| Senarai Carta  | vi      |
| Senarai Rajah  | vii     |
| Abstrak  | viii    |
| Abstract   | ix      |
| <br>   |         |
| BAB 1 PENDAHULUAN  | HALAMAN |
| 1.1 Pengenalan   | 1       |
| 1.2 Penyataan Masalah  | 5       |
| 1.3 Persoalan Kajian   | 7       |
| 1.4 Objektif Kajian  | 8       |
| 1.5 Batasan Kajian   | 9       |
| 1.6 Kepentingan Kajian   | 13      |
| 1.7 Definisi Operasional   | 15      |
| 1.7.1 Cerita Rakyat  | 15      |
| 1.7.2 Unsur Kerohanian   | 15      |
| 1.7.3 Teori Pengkaedahan Melayu                                    | 16      |
| 1.8 Organisasi Kajian  | 18      |
| 1.9 Penutup  | 20      |
| <br>   |         |
| BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS   | HALAMAN |
| 2.1 Pengenalan   | 21      |
| 2.2 Pengkajian Cerita Rakyat di Malaysia                           | 22      |
| 2.3 Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu dalam Karya-karya Sastera | 52      |
| 2.4 Penutup  | 67      |
| <br>   |         |
| BAB 3 METODOLOGI KAJIAN  | HALAMAN |
| 3.1 Pengenalan   | 68      |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian   | 69      |
| 3.3 Kaedah Kajian  | 69      |
| 3.3.1 Kajian Kepustakaan   | 69      |
| 3.3.2 Teks   | 69      |
| 3.4 Teori Pengkaedahan Melayu                                      | 70      |
| 3.4.1 Pengkaedahan Alamiah   | 70      |
| 3.4.1.1 Pendekatan Gunaan  | 71      |
| 3.4.1.2 Pendekatan Moral   | 72      |
| 3.4.1.3 Pendekatan Firasat   | 72      |
| 3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan                                       | 73      |
| 3.4.2.1 Pendekatan Dakwah  | 73      |
| 3.4.2.2 Pendekatan Kemasyarakatan                                  | 74      |
| 3.4.2.3 Pendekatan Seni  | 75      |
| 3.5 Kerangka Konseptual  | 75      |
| 3.6 Penutup  | 76      |


|  |                |
|--|----------------|
| <b>BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b> | <b>HALAMAN</b> |
| 4.1 Pengenalan                           | 77             |
| 4.2 Konsep Emosi                         | 78             |
| 4.2.1 Unsur Kerohanian Ketakwaan         | 79             |
| 4.2.2 Unsur Kerohanian Ketaatan          | 83             |
| 4.2.3 Unsur Kerohanian Kesyukuran        | 86             |
| 4.2.4 Unsur Kerohanian Pemurah           | 89             |
| 4.2.5 Unsur Kerohanian Kesabaran         | 91             |
| 4.2.6 Unsur Kerohanian Keprihatinan      | 93             |
| 4.2.7 Unsur Kerohanian Keikhlasan        | 95             |
| 4.2.8 Unsur Kerohanian Tawakal           | 96             |
| 4.2.9 Unsur Kerohanian Keinsafan         | 99             |
| 4.2.10 Unsur Kerohanian Pengorbanan      | 100            |
| 4.2.11 Unsur Kerohanian Belas Kasihan    | 102            |
| 4.2.12 Unsur Kerohanian Kebijaksanaan    | 104            |
| 4.3 Konsep Jasmani                       | 106            |
| 4.3.1 Unsur Kerohanian Amanah            | 106            |
| 4.3.2 Unsur Kerohanian Keprihatinan      | 108            |
| 4.3.3 Unsur Kerohanian Tanggungjawab     | 110            |
| 4.4 Penutup                              | 112            |
| <br>                                     |                |
| <b>BAB 5 KESIMPULAN</b>                  | <b>HALAMAN</b> |
| 5.1 Pengenalan                           | 113            |
| 5.2 Rumusan                              | 114            |
| 5.3 Cadangan                             | 118            |
| 5.4 Penutup                              | 121            |
| <br>                                     |                |
| <b>RUJUKAN</b>                           | <b>122</b>     |
| <b>BIODATA PENULIS</b>                   | <b>131</b>     |



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

SENARAI CARTA

Carta 3.4.1: Jenis Pengkaedahan Alamiah

Carta 3.4.2: Jenis Pengkaedahan Keagamaan

HALAMAN

71


73



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN





UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

UNSUR-UNSUR KEROHANIAN DALAM TEKS *CERITA RAKYAT KELANTAN*:  
*HIMPUNAN SELURUH JAJAHAN*

ABSTRAK

Pada hakikatnya, cerita rakyat Melayu merupakan suatu kisah yang disampaikan oleh seseorang penglipur lara dengan memiliki kepetahan berkomunikasi di antara masyarakat di kampung atau di desa dan di sampaikan dari satu generasi ke satu generasi. Oleh itu, dalam konteks penyampaian cerita rakyat, kebijaksanaan penglipur lara turut digambarkan bertapa kayanya warisan bangsa ini tergambar unsur kerohanian yang dapat dijadikan sebagai garis panduan serta pedoman dalam kalangan masyarakat tanpa mengira peringkat umur. Lantaran itu, unsur kerohanian mendasari kepada sesuatu sifat yang merangkumi naluri kejiwaan dan bukan bersifat jasmani serta mental. Menerusi perspektif agama Islam, unsur kerohanian melibatkan perasaan dalaman manusia yang baik dan tidak boleh ditanggapi oleh mata kasar manusia. Oleh itu, menerusi kajian lepas adalah mendapati bahawa sarjana-sarjana di Malaysia telah giat melaksanakan penyelidikan terhadap cerita rakyat dan menggagaskan pelbagai aspek seperti nilai-nilai murni, unsur moral, watak dan perwatakan, gaya bahasa, kritikan sosial dan agak kurang menyeluruh menitikberatkan unsur-unsur kerohanian yang terkandung dalam penyampaian cerita rakyat Melayu. Sehubungan dengan itu, penyelidikan ini dilaksanakan untuk mengisi kelompangan kajian berdasarkan kepada kajian-kajian sebelum ini agar ia menjadi titik tolak kepada proses pemartabatan dan pendokumentasian cerita rakyat di Malaysia. Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur-unsur kerohanian yang terkandung dalam teks *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan* oleh Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Abdul Latif Abu Bakar sebagai penulis-penulisnya. Selain itu, unsur kerohanian dijalinan dengan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989 sebagai langkah untuk memperincikan analisis data kajian secara mendalam. Seterusnya, penyelidikan ini membataskan sejumlah 20 buah cerita rakyat iaitu, *Asal Usul Nama Jelawat, Jin Islam, Tok Mat Balar, Pengembara dan Kolam Mistik, Kampung Pinggir Stong, Madrasah Sungai Kenderung, Aksara Sebjji Padi Sebesar Buah Kelapa, Puteri Buluh Perindu Penyembuh Sumpahan Seekor Gajah, Buluh Kubu, Kebijaksanaan Pok Teh, Telaga Tok Uban (Mek Kalsum), Keajaiban Tokoh Ilmuan Agama, Asal Usul Pasir Mas (Si Pendakwah Bersama Si Pembawa Perahu), Penunggu Air, Perompak Durjana Kampung Pauh, Kisah Sihir Katak Puru, Jeram Kopeh, Tragedi Bukit Batu Pengasah, Jambatan Dua Beradik dan Jebak Puyuh*. Tambahan pula, reka bentuk kajian ini bersifat kualitatif yang membataskan terhadap kaedah kepustakaan dan teks. Di samping itu, Teori Pengkaedahan Melayu turut dijadikan sebagai diduktif kajian untuk membuktikan jalinan akrab antara unsur kerohanian dengan pendekatan Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Justeru dapatan kajian ini telah membuktikan kewujudan unsur kerohanian yang diamalkan oleh masyarakat pada zaman dahulu dan sewajarnya dijadikan sebagai pedoman untuk membentuk sahsiah diri sebagai lambang masyarakat bertamadun.

Kata Kunci: Unsur Kerohanian, Cerita Rakyat, *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan*, Teori Pengkaedahan Melayu.

THE SPIRITUAL ELEMENTS CONTAINED IN THE TEXTS OF *CERITA RAKYAT  
KELANTAN: HIMPUNAN SELURUH JAJAHAN*

ABSTRACT

In actuality, Malay folklore is a narrative that is passed down from one generation to the next and is narrated by someone who has the power to interact with the villagers and comfort the sick. Therefore, the wisdom of consoling the sick is also portrayed in the framework of telling folktales, since this country's rich legacy is portrayed as spiritual aspects that can be used as guidelines and guidelines in the society regardless of age. Consequently, rather than being based on physical or mental nature, the spiritual aspect is based on a nature that incorporates psychological inclinations. From the viewpoint of Islam, the spiritual aspect consists of good, inward human emotions that are not visible to the naked eye. As a result, previous research has shown that academics in Malaysia have actively studied folklore and explored a variety of topics, including moral elements, noble values, character development, language style, social criticism, and the presentation of Malay folk tales' spiritual components, which has received less attention than it deserves. In light of that, the purpose of this study was to close the research gap based on earlier research, serving as a springboard for the process of documenting and elevating Malaysian folklore. Therefore, the purpose of this study is to identify and analyse the spiritual aspects found in the text of *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan Kelantan*, which was written by Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob, and Abdul Latif Abu Bakar and covers the entire colony of Kelantan. Furthermore, the spiritual component is intricately linked to the utilisation of the Malay Methodology Theory, which was introduced by Hashim Awang in 1989 as a means of thoroughly analysing research data. Next, this research limited a total of 20 folktales which is , *Asal Usul Nama Jelawat, Jin Islam, Tok Mat Balar, Pengembara dan Kolam Mistik, Kampung Pinggir Stong, Madrasah Sungai Kenderung, Aksara Sebiji Padi Sebesar Buah Kelapa, Puteri Buluh Perindu Penyembuh Sumpah Seekor Gajah, Buluh Kubu, Kebijaksanaan Pok Teh, Telaga Tok Uban (Mek Kalsum), Keajaiban Tokoh Ilmuan Agama, Asal Usul Pasir Mas (Si Pendakwah Bersama Si Pembawa Perahu), Penunggu Air, Perompak Durjana Kampung Pauh, Kisah Sihir Katak Puru, Jeram Kopeh, Tragedi Bukit Batu Pengasah, Jambatan Dua Beradik and Jebak Puyuh*. Additionally, this study's qualitative methodology restricts the use of text and library methods. Moreover, the Malay Methodology Theory is employed as a deductive research tool to demonstrate the close relationship between spiritual components and the methodologies of Natural Methodology and Religious Methodology. Thus, the results of this study have established the existence of spiritual components that the community previously practiced, and they ought to serve as a guide for shaping a person's personality as a representation of a civilised society.

Keywords: Spritual Aspects, Folk Story, *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan*, Malay Methodology Theory.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Pada hakikatnya, bidang kesusasteraan merupakan wadah terpenting untuk dijadikan sebagai karya terulung yang termuat segala nilai, budaya, adat dan warisan agar dapat ditanggapi serta dipelajari dalam kalangan masyarakat tanpa mengira peringkat umur, agama, bangsa serta adat resam. Di samping itu, Hashim Awang (1997) telah melakukan kritikan bahawa bidang kesusasteraan ini adalah suatu usaha yang akan menilai hasil-hasil dari ciptaan bagi seseorang yang bergelar sasterawan ataupun penulis sastera ia bertujuan bagi mengembangkan sesuatu untuk menjadi lebih baik. Bahkan, perkara ini telah di sokong oleh Samsudin (2001) kerana beliau menyatakan bahawa kandungan-kandungan yang terdapat dalam karya-karya sastera yang merangkumi norma, nilai dan juga berkaitan dengan gaya hidup masyarakat terutamanya berkaitan dengan gaya kehidupan yang perlu diwarisi dan juga dikekalkan bagi generasi yang seterusnya. Selain itu, Braginsky (1994) turut menyatakan bahawa salah satu dari keunggulan terhadap karya sastera yang dianggap sangat penting melalui aspek keindahan iaitu ia mencerminkan cerminan yang baik dalam sistem imej serta susunan kata. Hal ini bertujuan bagi memelihara aspek ketamadunan dan juga perpaduan dalam kalangan masyarakat terutamanya pada masa kini. Hal ini dikatakan demikian kerana, bidang kesusasteraan ini sangat relevan untuk digunapakai kerana ia mempunyai hubungkait yang rapat dengan pemikiran yang terdapat dalam diri masyarakat tanpa mengira bangsa, agama, peringkat umur dan juga status. Selain itu, menurut *Kamus Dewan* (2017) kesusasteraan ini membawa makna penghasilan karya-karya yang telah dicipta dengan adanya keindahan dari sudut penggunaan bahasa yang

pelbagai. Bahkan, perkataan bagi kesusasteraan ini telah ditambahkan dengan imbuhan *ke* dan *an*. Sekaligus, ia merujuk sedikit sebanyak berkaitan dengan aspek seni yang terdapat dalam persuratan yang dapat dilihat melalui penggunaan bahasa-bahasa yang indah dan juga bahasa-bahasa yang halus (Ali Ahmad, 1994). Manakala, menurut Muhammad Salleh (1995) menyatakan pendapat berkaitan dengan kesusasteraan iaitu dalam karya-karya kesusasteraan yang bersifat lisan dan juga tulisan yang mempunyai pelbagai unsur penceritaan. Bahkan, ia juga disampaikan dengan pelbagai versi dan juga pelbagai bahasa.

Di samping itu, agama Islam ini merupakan satu agama dakwah. Hal ini disebabkan oleh agama Islam ini lahir dan wujud serta disebarkan dengan cara berdakwah dalam aspek Islamiah. Berdakwah ini merupakan satu perkara atau perbuatan Rasulullah SAW laksanakan dan akitiviti berdakwah ini masih diteruskan oleh umat Islam sehingga hari kiamat. Bahkan, dalam era globalisasi kini, manusia semakin hari semakin mengejar duniawi sehingga alpa dengan perkara-perkara yang dituntut dalam agama Islam. Bahkan, masyarakat juga turut terlupa akan unsur rohani dan juga jasmani ini perlulah seimbang dalam kehidupan supaya dapat menjadi seorang hamba yang berjaya di dunia dan di akhirat. Sementelahan, penghayatan agama Islam yang baik ini berkait rapat dengan unsur kerohanian. Unsur kerohanian ini adalah satu unsur yang sangat penting bagi mempengaruhi corak pemikiran dan juga keperibadian bagi seseorang hamba.

Tambahan pula, unsur kerohanian yang wujud dalam diri manusia ini adalah paksi yang sebenar-benarnya dalam diri seseorang. Unsur kerohanian ini haruslah diperkukuhkan lagi dengan sewajar-wajarnya dalam diri seseorang individu dalam aspek keimanan yang wujud dan juga amal soleh yang dituntut dalam agama Islam. Tidak boleh dinafikan, sebagai seorang umat Islam yang bertakwa perlulah adanya unsur kerohanian dalam diri agar menjadikan seorang umat itu lebih kearah kebaikan dan sekaligus mendapat keredhaan Allah SWT. Hal ini telah dinyatakan oleh seorang

sarjana yang bernama Rezki Perdani Sawai (2018) yang menyatakan bahawa nilai-nilai Islam ini telah merangkumi nilai moral dan juga nilai akhlak yang merujuk kepada tingkah laku, kepercayaan, perangai, tabiat dan juga pegangan agama yang telah dipelajari, didengari dan juga dilihat dengan mata sendiri. Bahkan, menurut sarjana yang bernama Mohd Rosli Saludin (2007) menyatakan bahawa nilai Islam ini adalah nilai yang bukan ditentukan oleh kalangan manusia tetapi ia ditentukan oleh Allah SWT serta telah diwahyukan kepada seluruh kalangan umat manusia yang ada dimuka bumi ini. Hal ini jelaslah menunjukkan bahawa nilai Islam adalah nilai yang diwahyukan kepada kalangan umat manusia yang bertujuan bagi membawa manusia ke arah yang lebih baik serta berpegang teguh kepada ajaran agama Islam.

Seterusnya, penciptaan bagi sesebuah cerita rakyat Melayu ini kebiasaannya tertumpu kepada kisah masyarakat pada zaman nenek moyang lagi dan ia berterusan sehingga kini. Bahkan, dalam cerita rakyat ini acap kali menceritakan dan menggambarkan berkaitan dengan suasana tempat dan juga asal usul kehidupan harian masyarakat yang telah diolah menjadi cerita rakyat. Menurut Mohd Taib Osman (1965) menegaskan bahawa karya sastera iaitu sastera lisan ataupun dikenali sebagai sastera rakyat dan juga cerita rakyat merupakan sastera yang tertua dan ia turut dimiliki oleh seluruh bangsa serta ia juga adalah warisan bagi bangsa yang telah diperturunkan daripada generasi ke satu generasi baharu. Selain itu juga, menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) menyatakan bahawa cerita rakyat ini sangat sesuai untuk dijadikan sebagai medium kerana ia telah merangkumi adat istiadat, pemikiran, kebudayaan, kepercayaan cara hidup masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Bahkan, menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menyatakan bahawa cerita rakyat ini dilahirkan oleh masyarakat tersendiri dan oleh sebab itu ia dikenali sebagai kesusasteraan rakyat dalam makna yang lain adalah sastera daerah yang juga telah disebarkan oleh para etnik dan juga kelompok masyarakat tertentu yang sangat kaya dengan nilai-nilai murni. Bahkan, cerita rakyat ini merupakan sesebuah cerita ataupun kisah yang telah dijumpai oleh

masyarakat yang hidup pada zaman dahulu dan ia telah berkembang sehingga pada zaman kini. Cerita rakyat ini juga memiliki corak penceritaan yang unik di mana penceritaan ini perlu ditonjolkan dan diteruskan kepada masyarakat kini sehingga ke masyarakat yang akan datang supaya cerita rakyat ini tidak ditelan zaman. Tambahan pula, cerita rakyat perlulah diperluaskan lagi supaya ia dapat diwarisi dan tersebar dengan luas sehingga ke seluruh pelusuk dunia.



## 1.2 Penyataan Masalah

Setiap sesuatu penyelidikan dijalankan oleh pengkaji sudah pasti adanya penyataan masalah berkaitan kajian tersendiri yang telah dilakukannya. Seperti yang pengkaji dapat lihat berkaitan dengan kajian yang dijalankan, antaranya ialah cerita rakyat ini merupakan sebuah karya masyarakat Melayu terutamanya pada zaman terdahulu yang mempunyai nilai yang sangat berharga. Hal ini disebabkan kerana, khalayak kita memiliki kekreatifan terhadap pengolahan atau penciptaan bagi berbagai-bagai cerita. Oleh sebab itu, cerita rakyat yang telah dihasilkan masyarakat terdahulu ini memiliki matlamat dan juga tujuan yang sama. Ia dijadikan sebagai panduan untuk memberi pengajaran dan teladan kepada semua individu. Walau bagaimanapun, melalui cerita rakyat yang telah di sampaikan oleh penglipur lara ini, adanya pelbagai cara penyampaian bagi sesuatu cerita akan lebih menarik perhatian dan juga minat masyarakat untuk mendalami berkaitan dengan cerita rakyat dengan cara lebih mendalam. Tambahan pula, pada zaman serba moden ini masyarakat kurang cakna dengan hal-hal sebegini.

Selain itu, pengkaji juga telah melaksanakan penelitian terhadap beberapa penyelidikan oleh penyidik-penyidik di Malaysia, antaranya Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) yang bertajuk *Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat, Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* yang telah dilakukan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan juga Normaliza Abd Rahim (2016), *Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2016), *Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian* oleh Fifi Anak Rinyuk (2017), *Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Melayu Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Pengaplikasian Sastera Warisan* oleh Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), *Nilai-Nilai Islam Dan Pembentukan Akhlak*



*Dalam Cerita Rakyat Melayu* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020). Oleh hal yang demikian, berdasarkan terhadap kajian-kajian lepas yang digariskan, maka pengkaji telah membuat satu keputusan yang tepat untuk mengetengahkan suatu penyelidikan baharu berkaitan dengan unsur kerohanian berdasarkan cerita rakyat Melayu.

Berdasarkan daripada hasil penelitian yang dijalankan jelaslah bahawa kajian-kajian lepas yang dilakukan lebih menumpukan kepada cerita rakyat sahaja. Bahkan, kajian yang berunsurkan genre cerita rakyat ini sememangnya menjadi pilihan para sarjana. Oleh yang demikian, ia menunjukkan bahawa berdasarkan cerita rakyat ini boleh mendorong masyarakat kita untuk berfikir dengan kritis supaya mereka boleh menjadikan ia sebagai pengajaran. Hal ini kerana, sememangnya melalui cerita-cerita rakyat ini bersangkut paut dengan unsur pengajaran dan juga teladan.

### 1.3 Persoalan Kajian

Berikut adalah merupakan persoalan berkaitan dengan kajian yang timbul ketika kajian dilakukan:

- 1.3.1 Apakah unsur-unsur kerohanian yang terkandung dalam teks *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan*?
- 1.3.2 Bagaimanakah unsur-unsur kerohanian yang terkandung dalam teks *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan*?
- 1.3.3 Sejauh manakah unsur-unsur kerohanian yang terkandung dalam teks *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan* dapat diaplikasikan dengan Teori Pengkaedahan Melayu?

#### 1.4 Objektif Kajian

Berikut adalah objektif kepada kajian yang hendak dijalankan:

- 1.4.1 Mengenal pasti unsur-unsur kerohanian yang terkandung dalam teks *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan?*
- 1.4.2 Bagaimanakah unsur-unsur kerohanian yang terkandung dalam teks *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan?*
- 1.4.3 Membincangkan unsur-unsur kerohanian yang terkandung dalam teks *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan* dapat diaplikasikan dengan Teori Pengkaedahan Melayu?

## 1.5 Batasan Kajian

Berdasarkan kajian yang mahu dilakukan, pengkaji telah membataskan beberapa kajian lepas yang telah dapat dikenalpasti. Kajian kali ini memfokuskan kepada unsur-unsur kerohanian dalam teks *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan*. Teks *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan* karya Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob dan juga Abdul Latif Abu Bakar. Buku *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan* merupakan terbitan Penerbit UMK dan dicetak oleh Reka Cetak Sdn. Bhd. Bahkan, buku ini juga memiliki sebanyak 172 buah cerita rakyat. Tambahan pula, buku *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan* ini merupakan sebuah buku cerita rakyat yang terbaharu yang diterbitkan pada tahun 2023. Penggunaan bahasa yang terdapat dalam buku ini menggunakan bahasa Melayu keseluruhannya. Malah, pengkaji juga berpendapat bahawa buku *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan* ini sangat bersesuaian untuk dijadikan medium dalam aspek pendidikan kepada seluruh masyarakat kerana ia mempunyai banyak nilai yang positif yang boleh dicontahi.

Selain itu, bagi meneruskan kajian berkaitan dengan unsur kerohanian ini pengkaji juga turut meneliti setiap teks cerita yang terdapat dalam *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan* berkenaan. Sementelahan, pengkaji juga telah menyenaraikan beberapa tajuk teks bagi membataskan berkaitan dengan kajian yang mahu dijalankan dengan membuat penelitian cerita-cerita rakyat Melayu yang terpilih.

| BIL. | TAJUK CERITA RAKYAT   | UNSUR KEROHANIAN | KONSEP |
|------|---|------------------|--------|
| 1.   | <i>Asal Usul Nama Jelawat</i>                                       | Ketakwaan        | Emosi  |
| 2.   | <i>Jebak Puyuh</i>  | Ketakwaan        |        |
| 3.   | <i>Jin Islam</i>  | Amanah           |        |
| 4.   | <i>Pengembara dan Kolam Mistik</i>                                  | Ketaatan         |        |
| 5.   | <i>Penunggu Air</i>   | Ketaatan         |        |
| 6.   | <i>Jeram Kopeh</i>  | Ketaatan         |        |
| 7.   | <i>Madrasah Sungai Kenderung</i>                                    | Kesyukuran       |        |
| 8.   | <i>Telaga Tok Uban (Mek Kalsom)</i>                                 | Kesyukuran       |        |
| 9.   | <i>Kampung Pinggir Stong</i>  | Pemurah          |        |
| 10.  | <i>Aksara Sebiji Padi Sebesar Buah Kelapa</i>                       | Pemurah          |        |
| 11.  | <i>Tok Mat Balor</i>  | Kesabaran        |        |
| 12.  | <i>Buluh Kubu</i>   | Keprihatinan     |        |
| 13.  | <i>Asal Usul Pasir Mas (Si Pendakwah Bersama Si Pembawa Perahu)</i> | Keikhlasan       |        |
| 14.  | <i>Perompak Durjana Kampung Pauh</i>                                | Tawakal          |        |
| 15.  | <i>Kisah Sihir Katak Puru</i>                                       | Keinsafan        |        |
| 16.  | <i>Tragedi Bukit Batu Pengasih</i>                                  | Pengorbanan      |        |
| 17.  | <i>Puteri Buluh Perindu Penyembuh Sumpahan Seekor Gajah</i>         | Belas Kasihan    |        |
| 18.  | <i>Keajaiban Tokoh Ilmuana Agama</i>                                | Kebijaksanaan    |        |
| 19.  | <i>Kebijaksanaan Pok Teh</i>  | Bertanggungjawab |        |
| 20.  | <i>Jambatan Dua Beradik</i>   | Bertanggungjawab |        |

Jadual 1.5: Senarai tajuk cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan*.

Berbalik kepada pemilihan teks cerita rakyat ini, terdapat beberapa justifikasi yang menjadi pendorong bagi pengkaji untuk menjadikan teks *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan* ini sebagai sumber rujukan yang penting dan juga yang utama. Antara, merujuk kepada teks cerita rakyat Melayu yang terdapat dalam *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan*. Kosa kata yang digunakan dalam teks cerita rakyat berkenaan sangat teratur dan mudah difahami oleh semua peringkat umur terutamanya golongan kanak-kanak. Hal ini kerana, sesetengah kanak-kanak masih tidak dapat memahami makna sebaiknya jika menggunakan bahasa aras yang sedikit tinggi.

Seterusnya, berkaitan dengan penggunaan bahasa. Penggunaan bahasa perlulah bersesuaian dengan lapisan umur kerana para pembaca dapat memahami setiap bait-bait teks cerita rakyat Melayu berkenaan. Hal ini kerana, sesetengah pembaca merupakan golongan kanak-kanak prasekolah. Mereka masih tidak boleh membaca dengan lancar

terutamanya suku kata yang panjang dan berbelit. Pemilihan suku kata yang pendek dan senang adalah sangat penting. Walaupun dalam teks cerita rakyat ini menggunakan ayat yang sama berulang kali dalam menceritakan sesebuah kisah tetapi ia masih menggunakan bahasa-bahasa yang ringkas, padat dan dramatis. Lain daripada itu, semua lapisan masyarakat dapat mengenal pasti berkaitan dengan matlamat yang utama.

Di samping itu, pengkaji tertarik dengan penggunaan bahasa yang sopan santun. Masyarakat kita terutamanya masyarakat Melayu sangat suka berkias apabila bercakap sama ada mereka menyampaikan pesanan atau sindiran mahupun nasihat. Masyarakat Melayu sememangnya tidak suka akan sikap berterus-terang bagi menyampaikan sesuatu perkara. Hal ini kerana, orang Melayu memang terkenal dengan sifat kesopanan dalam berkomunikasi. Seterusnya, mahu menjaga aib seseorang dan tidak mahu untuk memalukannya. Ini dapat dilihat melalui teks cerita rakyat terdapat dalam cerita rakyat menggunakan bahasa-bahasa yang sopan dan berlapik.

Bahkan, pengkaji memilih teks *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan* berkenaan terdapat penggunaan gambaran visual yang berwarna, yang terdapat pada kulit buku berkenaan juga sangat memainkan peranan yang penting. Hal ini kerana, ia dapat menarik minat semua golongan menghayati teks *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan* berkenaan. Bahkan, penggunaan visual yang menarik mampu mempengaruhi emosi masyarakat tersebut. Jikalau, buku berkenaan hanya menggunakan teks sahaja sudah pasti masyarakat tidak akan tertarik untuk menghayati cerita rakyat berkenaan. Malah, penggunaan visual-visual ini juga bertujuan untuk daya tarikan para audiens bagi mengetahui kisah atau perkara tersebut dengan lebih mendalam lagi.

Tambahan pula, cerita-cerita rakyat dalam *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan* ini mengandungi pelbagai kisah yang sangat sesuai dengan semua golongan

tanpa mengira bangsa, umur dan juga status. Hal ini kerana, dalam teks cerita rakyat turut berkait dengan jenaka, asal usul, binatang, mitos dan lain-lain. Dengan adanya pelbagai kisah yang wujud dalam cerita-cerita rakyat berkenaan dengan tidak langsung membuatkan pengkaji serta audiens terhibur dan tidak akan merasa bosan untuk menghayati kisah-kisah rakyat berkenaan. Seterusnya, setiap cerita rakyat yang wujud memiliki jalan cerita serta kisah yang tersendiri. Malah, dari cerita rakyat ini juga para audiens dapat memperolehi sedikit sebanyak pengetahuan yang berkaitan dengan negeri Kelantan, Darul Naim.

Di samping itu, pengkaji menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Hashim Awang (1989) telah mengasaskan Teori Pengkaedahan Melayu ini sewaktu seminar pada peringkat Antarabangsa Kesusasteraan Melayu. Malah, teori ini telah diasaskan oleh kerana adanya kelemahan yang terdapat pada teori-teori Barat. Bahkan, menurut Hashim Awang (1989) dan beliau berpendapat bahawa teori-teori kritikan dari negara-negara Barat bersifat berat sebelah ataupun dengan erti lain tidak adil dan tidak bersesuaian untuk digunakan bagi menganalisis karya sastera Melayu. Malah, karya-karya kesusasteraan Melayu ini tidak akan sesekali lari dari aspek yang melibatkan bangsa Melayu serta agama Islam. Malah, Hashim Awang (2002) Teori Pengkaedahan Melayu ini mempunyai dua bahagian. Bahagian yang pertama adalah Pengkaedahan Alamiah dan bahagian kedua pula adalah Pengkaedahan Keagamaan.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Bagi penyelidikan dijalankan, ia memiliki kepentingan dalam kajian penyelidikan ini juga sekaligus memberitahu kepada generasi-generasi yang akan datang berkaitan dengan cerita-cerita rakyat yang ada sebahagiannya jarang didengari ataupun belum diketahui kewujudannya oleh masyarakat kini. Bahkan, berkaitan dengan kajian yang telah dijalankan ini mempunyai kepentingan serta memberi manfaat dan juga impak yang baik kepada semua masyarakat secara langsung atau tidak langsung dan bukan sahaja untuk pengkaji. Terdapat beberapa kepentingan kajian:

Kepentingan terhadap cerita rakyat ini terhadap individu antaranya ialah khalayak atau individu dapat mengenali dengan lebih mendalam berkaitan cerita-cerita rakyat terutamanya cerita rakyat bagi negeri Kelantan yang belum pernah mereka dengari. Oleh itu, melalui kajian yang dijalankan ini dapat memberikan pengetahuan yang lebih mendalam kepada masyarakat bagi mengenali cerita rakyat tersebut. Selain itu, dengan melakukan kajian berkaitan dengan cerita-cerita rakyat ini mampu mendidik masyarakat terutamanya masyarakat zaman kini yang penuh dengan cabaran untuk menghargai dan menyayangi khazanah-khazanah warisan bangsa Melayu yang tidak dapat dijual beli. Mempunyai nilai dan ia mempunyai makna yang tersurat dan tersirat. Bahkan ia juga turut menceritakan atau menggambarkan situasi atau suasana pada zaman terdahulu.

Melalui cerita-cerita rakyat ini juga dapat menambahkan ilmu pengetahuan yang sedia ada berkaitan kehidupan masyarakat Melayu terutamanya di negeri Kelantan. Malah, ia juga turut memberi sedikit sebanyak kesan kepada negara kita melalui bidang politik, ekonomi dan sosial. Di samping itu, pihak yang berwajib perlulah mengambil peluang bagi mempertingkatkan pertubuhan-pertubuhan ataupun badan-badan kerajaan yang bertanggungjawab bagi mengekalkan dan menjaga koleksi-koleksi cerita rakyat ini. Lain daripada itu, cerita rakyat ini juga boleh menceburi bidang keusahawanan dengan cara



menghasilkan sebuah buku cerita rakyat yang menghimpunkan pelbagai jenis cerita rakyat di seluruh pelusuk tanah Melayu. Dengan kaedah sebegini memberi kemudahan kepada masyarakat bagi menghayati teks cerita rakyat berkenaan. Dengan cara sebegini juga, semua lapisan umur masyarakat dapat mengetahui jenis-jenis cerita rakyat sekaligus dapat memperkenalkan cerita-cerita rakyat ini seantero dunia.

Di samping itu, setiap daripada hasil segala maklumat yang baru diperoleh sedikit sebanyak berguna kepada masyarakat dan juga negara. Hal ini demikian kerana, setiap maklumat atau data-data yang telah diperoleh akan dikongsi bersama-sama kerana dengan cara sebegini ia sekaligus dapat memberikan manfaat dalam semua aspek dengan secara langsung atau tidak langsung. Rentetan itu, cerita rakyat ini adalah sebuah khazanah yang sangat berharga dan ia tidak dapat dijual beli. Oleh itu, masyarakat haruslah sentiasa memastikan bahawa khazanah negara ini mampu dilestari sehingga bila-bila untuk generasi yang akan datang.

Tambahan pula, penyelidikan ini juga turut memberikan manfaat kepada khalayak kerana ia banyak memberikan pendedahan awal dan berguna berkaitan dengan cerita rakyat yang telah di sampaikan oleh penglipur lara melalui gambaran-gambaran kehidupan masyarakat. Malah, masyarakat dapat merasakan bahawa diri mereka sangat hampir dan juga sehati dengan cara hidup yang telah digambarkan. Oleh sebab itu, setiap nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat berkenaan dapat membentuk perbuatan yang baik sekaligus dapat membentuk masyarakat yang bertamadun tinggi. Bahkan, setiap nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat berkenaan dapat memberi manfaat dan juga membentuk jati diri yang baik dalam kalangan masyarakat. Hal ini jelaslah menunjukkan bahawa cerita rakyat ini dapat membuktikan masyarakat Melayu sangat kaya dengan sikap sopan santun dan juga tingkah laku yang positif dan ia boleh dijadikan sebagai contoh.

## 1.7 Definisi Operasional

Definisi bagi operasional ialah dimana penyelidik akan memberikan tiga buah konsep iaitu cerita rakyat, unsur kerohanian serta Teori Pengkaedahan Melayu berdasarkan kepada pendapat-pendapat yang telah diberikan pengkaji yang lepas dengan lebih mendalam dan jelas.

### 1.7.1 Cerita Rakyat

Menurut seorang sarjana yang bernama Harun Mat Piah, et al. (2006) menyatakan bahawa cerita rakyat disampaikan daripada satu peringkat generasi ke satu peringkat generasi lain ia bertujuan membentuk pertuturan kata dan ia merupakan milik bagi bangsa Melayu. Selain daripada itu juga, cerita rakyat juga memiliki berbagai-bagai unsur yang berkaitan dengan aspek sindiran, nasihat, penyampaian dan juga pengajaran, menurut Ding Choo Ming (2013). Manakala, menurut Tjetjep Rosmana (2010) juga menyatakan bahawa definisi bagi naratif rakyat boleh diguna pakai menjadi kawalan sosial yang mencorakkan kehidupan yang bahagia serta harmoni.

Tambahan pula, dapat disimpulkan keseluruhannya bahawa cerita rakyat ini sememangnya 100 peratus hak milik bangsa Melayu bersama-sama. Di samping itu, kita tidak mengetahui siapakah pengarang bagi setiap cerita rakyat tersebut dan cerita-cerita rakyat tersebut hanya tersebar dari mulut ke mulut. Namun demikian, di sebalik wujudnya cerita-cerita rakyat ini sudah pastinya berlaku tokok-tambah pada setiap cerita rakyat. Tokok-tambah ini terjadi kerana ia bertujuan untuk memberi pengajaran, nasihat, didikan dan lain-lain dan ia bukan hanya sekadar hiburan semata-mata.

### 1.7.2 Unsur Kerohanian

Begitu juga dengan unsur kerohanian, menurut *Kamus Dewan* (1996) menyatakan bahawa definisi bagi perkataan rohani ini adalah lebih kepada sifat kerohanian dan juga kejiwaan. Menurut, Rezki Perdani Sawai (2018) menegaskan bahawa nilai Islam ini telah merangkumi akhlak dan juga moral yang membawa makna kepada tingkah laku,

kepercayaan, tabiat dan juga pegangan hasil daripada sesuatu yang telah dipelajari, didengari dan juga dilihat. Selain itu, menurut Abd. Rahim Abd. Rashid (1993) menegaskan bahawa nilai Islam ini didefinisikan sebagai suatu nilai yang berkait rapat dengan kepercayaan ataupun akidah, rohani dan juga amalan kehidupan seseorang berdasarkan kepercayaan adanya Allah SWT dan tuhan. Bahkan, yang paling penting ia juga bukan bersifat kepada jasmani dan juga fizikal. Bahkan, menurut Mohd Rosli Saludin (2007) menegaskan bahawa nilai Islam merupakan suatu nilai yang bukan ditentukan oleh kalangan manusia tetapi ditentukan oleh Allah SWT yang telah disampaikan kepada umat manusia di muka bumi melalui utusan iaitu Nabi Muhammad SAW. Malah, dari sudut perspektif agama Islam sendiri, menyatakan bahawa rohani ini adalah unsur pada bahagian dalaman manusia yang tidak boleh dilihat melalui pancaindera. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa manusia yang sempurna ini memiliki keseimbangan antara aspek rohani dan juga jasmani. Bahkan, dalam agama Islam sendiri menyatakan bahawa kekuatan bagi rohani ini berasaskan kepada dua perkara iaitu tauhid dan juga iman kepada Allah SWT. Tambahan pula, rohani sangat penting kerana ia akan menjadi sebagai panduan bagi umat manusia.

### 1.7.3 Teori Pengkaedahan Melayu

Seterusnya berkaitan dengan Teori Pengkaedahan Melayu ini, Hashim Awang merupakan pengasas bagi teori ini pada tahun (1989). Teori ini wujud kerana bagi Hashim Awang teori-teori dari Barat ini berat sebelah dan ia juga tidak bersesuaian untuk digunapakai dalam karya kesusasteraan Melayu. Hal ini kerana, sastera Melayu ini mempunyai jati diri bagi masyarakat Melayu dan juga agama Islam. Namun demikian, menurut seorang sarjana bernama Mana Sikana (1991), menyatakan bahawa ia adalah penghasilan bagi nilai kesusasteraan dan juga budi pekerti Melayu. Terdapat dua cabang berkaitan dengan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu dalam konteks Pengkaedahan Alamiah dan juga konteks Pengkaedahan Keagamaan. Menurut Hashim Awang (2002) menyatakan bahawasanya Pengkaedahan Alamiah ini terdiri

daripada Pendekatan Kegunaan, Pendekatan Firasat dan juga adanya Pendekatan Moral. Manakala, bagi Pengkaedahan Keagamaan pula berkait rapat dengan kemasyarakatan, seni, dah juga dakwah. Dapat disimpulkan, pandangan-pandangan tokoh berkenaan menunjukkan bahawa Teori Pengkaedahan Melayu ini sangat berasaskan pengajaran dan juga keagamaan.



## 1.8 Organisasi Kajian

Seterusnya berkaitan dengan organisasi kajian. Organisasi kajian ini adalah satu ringkasan yang berkaitan penyelidikan yang dijalankan pada setiap bab yang terdapat dalam projek penyelidikan. Dapat disimpulkan, secara keseluruhannya mempunyai lima bab sahaja dalam penyelidikan ini. Setiap bab kandungan aspek yang terdapat dalam kajian ini mempunyai perbezaan.

Pada bahagian bab satu ini berkaitan dengan pendahuluan. Antara konteks yang telah dibincangkan dalam bab ini adalah berkaitan dengan pengenalan, pernyataan masalah, persoalan tentang kajian, objektif berkaitan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional, organisasi kajian dan juga penutup. Dapat disimpulkan bahawa, pada bahagian satu ini telah memberi penerangan dengan keseluruhan berkaitan dengan penyelidikan.

Seterusnya, pada bab dua ini menceritakan berkaitan dengan sorotan-sorotan bagi kajian lepas. Pada bahagian ini, pengkaji lebih kepada melakukan pembacaan dan juga meneliti berkaitan dengan kajian lepas yang telah dibuat oleh pengkaji yang lepas yang hebat. Bahkan, ia juga adalah untuk melihat bahawa kajian yang berkaitan dengan cerita rakyat ini pernah dilakukan sarjana-sarjana ataupun sebaliknya. Tambahan pula, dengan adanya sorotan kajian lepas pengkaji dapat menjadikan sumber rujukan serta dapat memahami kajian yang dijalankan dengan lebih mendalam lagi. Malah, pengkaji juga turut memilih beberapa kajian lepas mengikut kesesuaian serta berkait rapat dengan pemilihan tajuk kajian iaitu berkaitan dengan Unsur-Unsur Kerohanian Dalam Teks *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan*.

Selain itu, pada bahagian bab tiga berkait rapat dengan metodologi kajian. Bahkan, pengkaji juga telah memilih atau menetapkan kaedah-kaedah yang harus dijalankan agar kajian dapat dijalankan dengan jayanya. Pengkaji juga turut menjelaskan kaedah-kaedah yang diguna pakai iaitu kaedah perpustakaan, teks cerita rakyat dan juga

analisis yang berkaitan dengan teks penggunaan teori. Seperti yang kita semua maklum, metodologi kajian ini adalah sangat penting bagi menghasilkan satu kajian ataupun penyelidikan yang sistematik dan juga rapi.

Bab empat ini membincangkan berkaitan dapatan analisis dan juga dapatan kajian. Pengkaji juga akan membuat analisis melalui penelitian dan juga analisis cerita rakyat dalam unsur-unsur kerohanian dalam *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan*. Bahkan, pengkaji juga mendapati dalam cerita rakyat dengan mengaplikasikan satu teori tempatan iaitu teori Pengkaedahan Melayu yang telah diasaskan oleh Hashim Awang (1980). Unsur kerohanian yang terdapat dalam cerita rakyat ini banyak memberikan teladan dan juga iktibar kepada khalayak.

Akhir sekali, dalam bab lima ini menyentuh mengenai kesimpulan pada bahagian terakhir dalam penyelidikan yang telah dilakukan. Pengkaji membuat rumusan bagi kesimpulan berdasarkan hasil dari dapatan kajian yang telah diperolehi berdasarkan objektif-objektif kajian yang telah dijalankan di peringkat awal penyelidikan dilakukan. Bahkan, rumusan dan cadangan perlu ada supaya ia akan melengkapkan kajian ini.

## 1.9 Penutup

Intinya, dalam kajian ini menyentuh dan juga hanya memfokuskan mengenai unsur-unsur kerohanian yang terdapat dalam naratif rakyat. Melalui naratif rakyat ini para audiens boleh mengambil iktibar melalui teks cerita rakyat berkenaan kerana sudah pastinya mempunyai maksud yang tersurat dan juga tersirat. Bahkan, unsur-unsur kerohanian ini juga memainkan peranan yang sangat penting. Hal ini kerana ia akan memberi impak yang positif kepada kehidupan masyarakat. Begitu juga dengan, bahagian-bahagian yang terdapat di atas ialah aspek yang harus dibincangkan serta dikaji dengan lebih mendalam agar dapat menjadi sebuah landasan terhadap sebuah perbincangan bagi bab-bab yang akan datang. Maka, sebagai seorang pengkaji saya berharap dapat melakukan serta menjalankan kajian ini dengan sebaik mungkin serta menepati objektif agar ia berjalan dengan lancar.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.1 Pengenalan

Pada bahagian ini, pengkaji telah meneliti dengan lebih mendalam berkaitan dengan artikel-artikel dan juga kajian yang telah dilakukan terdahulu yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji dan sarjana-sarjana. Bahkan, penyelidik juga turut melakukan satu proses yang dipanggil sebagai proses penelitian yang teliti. Hal ini kerana, pengkaji mahu melihat sama ada kajian berkaitan dengan cerita rakyat ini pernah dijalankan atau ia masih tidak dipandang berat oleh masyarakat. Oleh hal yang demikian, dalam bahagian sorotan kajian lepas ini, pengkaji telah memecahkannya kepada dua bahagian. Pada bahagian pertama pengkaji telah memfokuskan berkaitan dengan kajian berkaitan cerita rakyat. Manakala, pada bahagian kedua pula pengkaji telah merujuk kepada kajian berkaitan Teori Pengkaedahan Melayu secara terperinci.



## 2.2 Pengkajian Cerita Rakyat di Malaysia

Menurut, Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) melalui kajian *Unsur-Unsur Murni* yang terdapat dalam *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kajian ini tertumpu kepada aspek unsur murni yang ditemui dalam cerita rakyat. Bahkan, pengkaji juga hanya memilih 52 buah cerita rakyat sahaja dan juga pengkaji telah menemukan sebanyak 16 cerita rakyat yang berkaitan dengan unsur-unsur murni. Penyelidik telah memilih kaedah kualitatif serta penerapan yang berkaitan Falsafah Pendidikan Kebangsaan agar kajian yang dilakukan ini tepat dan juga kukuh. Bahkan, pengkaji juga mendapati Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini dapat merangsang minda, emosi, jasmani dan juga rohani yang mempunyai kaitan dengan nilai-nilai murni. Oleh hal demikian, unsur nilai yang terdapat dalam naratif rakyat ini berkenaan tentang memberi pendedahan terhadap khalayak berkaitan dengan kehebatan masyarakat kita terdahulu dan juga unsur-unsur murni yang wujud dalam diri masyarakat bertujuan untuk melahirkan satu generasi yang hebat.

Di samping itu, kajian yang dijalankan oleh Siti Zuhaidah Zakeria pada (2015) mengupas tajuk *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Pilihan* dalam *Majalah Dewan Pelajar*. Kajian ini mementingkan konteks stilistik yang telah digunakan oleh pengkarya dalam menyampaikan cerita rakyat melalui teksnya. Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah meneliti dan membuat rumusan cara khusus pengarang menyampaikan mesej melalui pemanfaatan cerita rakyat Melayu yang disampaikan kepada penonton muda dalam lingkungan *Dewan Pelajar*. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif serta mengaplikasikan teori Psikologi Perkembangan Kanak-Kanak untuk menguatkan lagi penyelidikan ini. Pengkaji telah memilih 21 buah cerita yang berkaitan dengan cerita rakyat Melayu untuk dijadikan rujukan dalam menguatkan lagi analisis. Dapat dirumuskan bahawa, cara penyampaian pengarang bagi cerita rakyat tersebut menarik dan juga unik. Bahkan, ia juga mempunyai unsur-unsur pengajaran yang boleh dicontohi.

Menurut kajian yang dilaksanakan oleh Minah Sintian (2015) melalui kajian *Keperibadian Ibu Bapa Berdasarkan Teks Cerita Rakyat Kadazan Dusun*. Objektif utama penyelidikan ini adalah untuk mengkaji dan membezakan pelbagai jenis tokoh ibu bapa yang digambarkan dalam kesusasteraan cerita rakyat. Pengkaji telah memutuskan untuk memfokuskan kepada cerita rakyat khususnya berkaitan etnik Kadazan Dusun dengan menggunakan dua teori yang menonjol iaitu teori Hierarki Keperluan Maslow dan teori Psikoanalisis Sigmund Freud bertujuan untuk mengukuhkan dan mempertingkatkan lagi hasil yang diperolehi daripada kajian ini. Hal ini, bersifat kualitatif yang hanya menumpukan kepada enam buah teks cerita rakyat yang bertajuk *Ikan Menjadi Manusia, Buaya Menjadi Manusia, Sugaring Si Hati, Poinuun dan Poundapu, Batu Besar dan Telur Ayam* dan *Rakian dan Bulontoi*. Dapatkan kajian ini mendedahkan bahawa ibu bapa yang ditekankan dalam imej mempunyai ciri personaliti neurotik. Neurotikisme boleh digambarkan sebagai keadaan kebimbangan moral dan emosi yang timbul apabila terdapat kekurangan rangsangan dan keseronokan. Keadaan ini dicirikan oleh rasa kurang senang dan tertekan yang memuncak, yang boleh memberi kesan negatif kepada keseluruhan kesejahteraan individu. Contohnya seperti, perasaan takut, gelisah, kecewa dan lain-lain lagi. Melalui kajian ini dapat menyelusuri dan juga memahami perbuatan dan tingkah laku dalam kalangan ibu bapa yang terdapat dalam cerita rakyat masyarakat Kadazan Dusun.

Seterusnya, Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd Sharifudin Yusop (2015) yang bertajuk *Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jadi Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu*. Disebabkan pada masa kini penggunaan teknologi sangat meluas dan tiada had merupakan salah satu punca yang besar yang memberi impak negatif berkaitan dengan cerita rakyat Melayu yang tidak mendapat sambutan di kalangan masyarakat kita. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mempertahankan martabat bagi cerita rakyat agar ia tidak ditelan zaman. Hal ini mengakibatkan, cerita rakyat Melayu ini

perlu dikenal pasti dan juga membuat analisis bagi mengukuhkan lagi kajian dan kajian ini dijalankan secara kualitatif. Para pengkaji telah memilih 12 buah cerita rakyat untuk dijadikan sebagai alat rujukan untuk merungkai nilai-nilai jati diri dalam kalangan masyarakat Melayu. Melalui hasil dapatan kajian telah mendapati bahawa nilai jati diri ini terdapat dalam kalangan masyarakat terutamanya masyarakat Melayu ini antaranya seperti kerjasama, kasih sayang, berhemah tinggi, rasional, kerajinan dan juga keberanian. Sebagai kesimpulannya, nilai-nilai yang positif ini yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat tersebut telah menunjukkan fungsi-fungsinya bagi menarik minat para audiens.

Tambahan pula, Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2015) berjudul *Hikayat Awang Sulung Merah Muda Dari Perspektif Pendekatan Pengurusan*. Kajian ini dijalankan kerana untuk menganalisis berkaitan dengan konteks pengurusan dalam aspek kepimpinan yang terdapat dalam cerita lipur lara berkenaan. Dalam kajian ini hanya menggunakan cerita *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* sahaja. Pengkaji telah menggunakan pendekatan Pengurusan iaitu dengan mengkhususkan kepada pengaplikasian prinsip Kepimpinan. Para pengkaji juga telah membuat analisis dokumen dan juga kepustakaan dalam kajian ini. Oleh yang demikian, ia membuktikan cerita lipur lara ini kaya dengan prinsip-prinsip Kepimpinan. Melalui prinsip Kepimpinan yang ditunjukkan berkenaan jelas menunjukkan berkaitan dengan wawasan, pandangan jauh, berjiwa rakyat dan juga kebijaksanaan. Tuntasnya, dengan menggunakan prinsip Kepimpinan melalui pendekatan Pengurusan ini sangat bersesuaian bagi menghasilkan kajian ini.

Menurut, Ezzah'afifah Nasrudin dan Che Ibrahim Salleh (2015) kajian yang berjudul *Pemikiran Melayu Dalam Cerita Lipur Lara*. Seperti yang kita tahu bahawasanya cerita 26 lipur lara ini adalah sebageian daripada cerita rakyat. Terdapat tiga komponen berkaitan dengan kajian yang dijalankan ini ia melibatkan aspek mengenal pasti, membuat analisis dan melakukan rumusan yang bersangkutan paut dengan pemikiran.

Pengkaji telah memilih empat buah cerita lipur lara dan membuat rujukan teks serta telah melibatkan kaedah kepustakaan dengan pendekatan teori Sosiologi bagi menghasilkan analisis yang tepat. Oleh sebab itu, dapat dirumuskan bahawa pemikiran masyarakat Melayu ini tidak lari daripada aspek agama, moral, sosioekonomi, kepahlawanan, kepimpinan, sosiopolitik dan budi.

Di samping itu, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) berjudul *Pengurusan Konflik Dalam Cerita Rakyat Nusantara Abad Ke-19*. Menyatakan bahawa konflik ini adalah berkait rapat dengan situasi diantara perselisihan dan juga persengketaan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membahaskan berkaitan dengan pengurusan bagi konflik yang terdapat dalam buku cerita rakyat nusantara yang lama. Pengkaji telah melakukan analisis terhadap teks dan juga kepustakaan dalam kajian ini. Melalui pendapatan kajian, dapat lihat bahawa masyarakat kita menggunakan sesuatu kaedah yang bersesuaian untuk menguruskan konflik. Tuntasnya, konflik ini akan sering terjadi dalam kehidupan kita dan ia merupakan lumrah dalam kehidupan.

Selain itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2016) yang bertajuk, *Impak Cerminan Seni Budaya Berfikir Masyarakat Melayu Ke Arah Kemajuan Multimedia Menerusi Cerita Rakyat*. Menerusi kajian ini membahaskan berkaitan dengan kesan-kesan daripada seni budaya dari aspek pemikiran bagi masyarakat Melayu untuk menjadikan cerita rakyat ini dijadikan multimedia. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk menilai impak yang berpunca daripada aspek seni budaya pemikiran komuniti kita untuk memartabatkan lagi khazanah yang sangat bernilai yang merupakan cerita rakyat ke dalam bentuk multimedia di tanah air kita. Menggunakan kaedah kualitatif agar hujahan yang diberikan benar dan tepat. Oleh sebab itu, berdasarkan kajian yang dijalankan ini telah menunjukkan bahawa kesan dari cerminan seni budaya pemikiran masyarakat Melayu dalam cerita rakyat memberikan kesan yang baik dan ia mempunyai kebolehan bagi dibentuk dalam aspek multimedia. Tuntasnya, melalui kajian yang dijalankan ini

berkaitan dengan cerita rakyat dapat diperluaskan serta menambahbaik agar ia lebih menarik minat para audiens.

Menurut kajian, Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) bertajuk *Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur Dalam Cerita Rakyat Untuk Kanak-Kanak*. Disebabkan oleh perkembangan teknologi dan juga pembangunan serta pendidikan yang semakin pesat telah memberi impak yang negatif kepada nilai kebudayaan. Bahkan, ada sebahagian masyarakat berfikir cetek yang menganggap dengan berpegang kepada nilai tradisional dan budaya ini akan menyebabkan pembangunan tidak maju. Oleh hal demikian, pengkaji telah menjalankan kajian yang meluas untuk membuat kesimpulan dan perspektif yang komprehensif berkaitan dengan pengekaln warisan budaya, khususnya berkaitan tradisi bercerita dalam masyarakat Melayu, terutamanya tertumpu di Wilayah Pantai Timur dan secara khusus menyasarkan generasi muda. Bagi menjalankan kajian ini, kaedah kualitatif akan digunakan bersama dengan buku bertajuk *366 Koleksi Cerita Rakyat Malaysia* sebagai rujukan. Pengkaji telah memilih 68 buah cerita rakyat. Setelah menjalankan analisis, didapati bahawa teks cerita rakyat merangkumi tiga aspek berbeza yang berkait rapat dengan budaya: kepercayaan, perubahan, dan seni budaya ekspresif. Malah, ia juga berupaya untuk mempengaruhi dan juga budaya tersebut tetap menjadi amalan bagi khalayak Melayu di kawasan Pantai Timur. Tuntasnya, melalui kajian yang dijalankan ini banyak memberikan pendedahan kepada golongan kanak-kanak bagi mengenali citra budaya masyarakat Melayu pada zaman dahulu dan sekaligus ia akan membuka minda mereka.

Berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh Roslina Abu Bakar dan Aone Van Engelenhoven (2016) berkaitan dengan budaya masyarakat Melayu yang terdapat dalam *Hikayat Pelanduk Jenaka*. Naratif ini mengenai kewujudan pelbagai jenis haiwan yang mendiami kawasan hutan yang luas. Objektif utama penyelidikan ini adalah untuk menganalisis secara menyeluruh dan melibatkan diri dalam perbincangan yang

berkaitan dengan gaya hidup dan amalan budaya masyarakat Melayu. Secara khusus, kajian ini akan memfokuskan kepada penerokaan cerita rakyat yang kebanyakannya berkisah tentang watak haiwan, sekali gus memberikan pandangan berharga tentang kepercayaan, nilai dan tradisi masyarakat ini. Pengkaji telah membuat analisis terhadap teks dan mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaji telah mengkhususkan cerita *Hikayat Pelanduk Jenaka* sahaja sebagai sumber utama bagi rujukan. Tuntasnya, daripada kajian yang telah dilakukan ini telah menunjukkan bahawa kisah berkenaan mempunyai hubung kait yang rapat antara masyarakat Melayu dengan kehidupan yang terdapat di muka bumi serta kebudayaan yang telah dibawa masyarakat Melayu kita.

Begitu juga dengan, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016) *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. Dalam cerita rakyat ini terdapat banyak nilai murni yang sangat berharga. Bahkan, cerita rakyat ini perkara yang sangat penting dikekalkan serta sekaligus boleh diterapkan dalam kalangan masyarakat Melayu. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti secara menyeluruh dan melibatkan diri dalam perbincangan mengenai kehadiran nilai-nilai murni yang telah disesuaikan secara khusus dengan konsep ihsan, mendapat inspirasi daripada cerita rakyat yang kaya dalam masyarakat Melayu. Pengkaji telah memutuskan untuk menggunakan buku *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Di samping itu, mereka telah memilih untuk menggunakan teori Pengkaedahan Melayu untuk menjalankan penyelidikan mereka. Selepas menjalankan penyelidikan yang meluas, penyelidik telah mengesahkan kehadiran yang tidak dapat dinafikan dan kepentingan kebaikan sebagai nilai teras. Tambahan pula, didapati bahawa nilai ini mempunyai keupayaan yang luar biasa untuk berkembang dan berkembang merentasi pelbagai kategori dan domain. Contohnya seperti sedia memaafkan, kasihana, bertimbang rasa dan murah hati. Tuntasnya, nilai baik hati yang terdapat pada watak tersebut telah memberikan gambaran berkaitan dengan

keperibadian masyarakat terdahulu. Tuntasnya, gambaran ini adalah sangat penting bagi memberikan pengajaran kepada masyarakat Melayu supaya ia dapat membentuk moral-moral yang positif agar kehidupan lebih harmoni.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2016) yang berkaitan dengan *Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat*. Cerita rakyat ini merangkumi pelbagai unsur yang berkaitan dengan konteks sejarah, aspek budaya, pengalaman hidup dan banyak lagi. Kajian ini dijalankan dengan objektif utama untuk menyatukan dan merungkai pelbagai nilai murni yang terdapat didalamnya ia merangkumi aspek-aspek penting seperti kepentingan yang wujud dalam keadilan serta kepentingan kasih sayang. Pengkaji juga menerapkan kaedah kualitatif dalam metodologi kajian dan pengkaji telah memilih buku *Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia* untuk dijadikan rujukan yang utama. Malah, pengkaji telah membataskan hanya memilih empat buah cerita rakyat sahaja dan mengaplikasikan teori Pucuk Pengkaedahan Melayu. Melalui cerita rakyat yang bertajuk *Telur Ayam, Puteri Kelapa Gading dan Awang Selamat*. Dapat disimpulkan bahawa, dalam kehidupan masyarakat Melayu nilai-nilai tersebut tidak boleh lari dan kesannya, masyarakat akan hidup harmoni walaupun berbeza agama, umur dan juga status.

Di samping itu, Normaliza Abd Rahim et al. (2016) yang bertajuk *Wacana Cerita Rakyat Melayu Dalam Kalangan Pelajar Korea*. Fokus kajian ini adalah berkisar kepada perspektif pelajar Korea berkenaan cerita-cerita tradisional dan adat resam masyarakat Melayu. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengkaji dan memberikan gambaran keseluruhan maklum balas yang diberikan oleh individu berkenaan cerita rakyat ini. Pengkaji dihadkan untuk menggunakan tiga cerita tradisional sahaja untuk kajian ini. Selain itu, metodologi penyelidikan menggabungkan teknik perpustakaan dan melibatkan sejumlah 20 sampel kajian. Sampel ini akan diedarkan sama rata di kalangan pelajar lelaki dan perempuan yang mendaftar di Universiti Pengajian Asing Hankuk di Korea. Pengkaji akan menggunakan teori Analisis Wacana untuk meneliti dan mentafsir segala data yang dimiliki. Selain itu, maklum balas yang diterima berkenaan

cerita rakyat Melayu ini boleh diklasifikasikan dalam pelbagai bentuk, antaranya rujukan, kesan, anggapan, dan tafsiran berkenaan pembacaan cerita rakyat ini.

Menurut kajian, Sesilia Seli (2016). Naratif rakyat bagi Dayak Kanayatn ini kurang disebarkan oleh komuniti. Hasil daripada ini, pengkaji telah membuat keputusan untuk menjalankan kajian yang berkaitan secara langsung dengan cerita rakyat ini. Matlamat utama penyelidikan ini adalah untuk menyediakan bukti yang menyokong kewujudan kearifan tempatan dalam cerita rakyat masyarakat Dayak Kanayatn. Pengkaji menggunakan metodologi kualitatif yang merangkumi kerja lapangan dan kerja perpustakaan sebagai komponen penting dalam proses penyelidikan. Pengkaji juga turut menggunakan pendekatan Hermeneutik untuk memastikan setiap hujahan yang diberikan tepat. Kajian ini merangkumi sejumlah 16 cerita berbeza yang digunakan dalam analisis ini. Bahkan, cerita rakyat ini mempunyai dua kategori seperti *gesah* dan *singara*. Tuntasnya, hasil daripada kajian ini telah menunjukkan bahawa pengetahuan tempatan, nilai-nilai tempatan, sumber daya tempatan, teknologi dan juga keterampilan telah menunjukkan kearifan tempatan.

Clarice Gallus & Low Kok On (2016) kajian bertajuk *Tangon Dusun Liwan: Satu Analisis Tema*. Diakui secara meluas bahawa setiap negeri, serta pelbagai wilayah dan kumpulan etnik, memiliki permaidani yang kaya dengan cerita rakyat. Melalui cerita rakyat bagi etnik Dusun Liwan ini sangat kaya dengan cerita rakyat. Pengkaji telah mengadakan perbincangan secara meluas mengenai pelbagai aspek yang berkaitan dengan tema dalam cerita rakyat etnik Liwan Dusun yang terdapat di negeri Sabah. Pengkaji juga telah membuat sesi temu bual dengan penduduk Dusun Liwan untuk mendapatkan data-data. Hasil daripada temu bual tersebut, pengkaji telah memperoleh sebanyak 33 buah cerita rakyat. Oleh itu, pengkaji telah menganalisis dan menyusun kesemua cerita rakyat tersebut mengikut tema. Pengkaji telah mendapati sebanyak 11 tema yang terdapat dalam cerita rakyat etnik Dusun Liwan tersebut seperti asal usul, sakti yang luar biasa, penipuan dan lain-lain lagi. Tuntasnya, Cerita rakyat Dusun Liwan



merangkumi pelbagai tema dan mempunyai unik dengan cara tersendiri. Walaupun kepelbagaian tema ini, matlamat asas tetap sama untuk menyampaikan pengetahuan dan bimbingan yang berharga kepada penonton.

Seterusnya, Mohd Firdaus Che Yaacob et al. (2017) *Cerminan Moral Positif Dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu*. Cerita rakyat tertentu ini menonjol kerana kualitinya yang luar biasa dan indah, menjadikannya karya sastera yang benar-benar memukau dan menawan. Oleh hal ini kerana, ia kaya dengan moral yang positif. Pengkaji menganalisis secara menyeluruh refleksi moral yang tertanam dalam naratif cerita rakyat dan seterusnya sampai pada deduksi yang muktamad. Bahkan, ia berbentuk kualitatif dan menggunakan dua kaedah iaitu teks dan juga kepustakaan. Tambahan pula, perlu diingatkan bahawa pengkaji hanya bergantung kepada buku *366 Koleksi Cerita Rakyat* di Malaysia sebagai sumber maklumat utama mereka. Daripada koleksi yang banyak ini, mereka dengan teliti memilih sendiri sejumlah lima cerita untuk dikaji dan dianalisis dalam penyelidikan mereka. Cerita rakyat Melayu yang telah dipilih oleh pengkaji adalah *Awang yang Lurus, Seuncang Padi, Raja Kuyuk, Penjual Api yang Lurus* dan juga *Padi Berbuah Emas*. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan pendekatan teori Pengkaedahan Melayu. Oleh itu, pengkaji telah mendapati bahawa cerminan moral positif yang wujud dalam kalangan masyarakat Melayu adalah keikhlasan, bercakap benar dan nilai kejujuran dari segi ciri yang amanah. Tuntasnya, cerminan unsur yang baik ini sangat sesuai dengan penggunaan teori Pengkaedahan Melayu dan menggunakan pendekatan dakwah.

Menurut kajian, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) bertajuk *Penggunaan Multimedia Ke Arah Memartabatkan Cerita Rakyat Masyarakat Melayu*. Pada masa kini, perkembangan teknologi semakin hari semakin berkembang dan maju dan ia telah memberikan satu peluang yang sangat berharga bagi cerita rakyat. Hal ini kerana, ia boleh dihasilkan dalam bentuk multimedia agar ia tidak ditelan zaman. Pengkaji menjalankan kajian menyeluruh yang memfokuskan kepada konsep akal dan

penaakulan dalam masyarakat Melayu. Untuk meningkatkan kedalaman dan kekayaan penyiasatan mereka, pengkaji meneroka pelbagai contoh yang terdapat dalam cerita rakyat. Selain itu, mereka menggunakan saluran multimedia sebagai cara untuk meningkatkan dan mengesahkan naratif tradisional ini. Pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif dengan membuat pengumpulan data dan maklumat serta membuat analisis. *Anak yang Taat, Air Menitik di Atas Batu, Padi Menjadi Emas, Kasih Sejati* dan *Puteri Tuk Batin Johol* merupakan cerita rakyat yang dipilih secara rawak. Justeru, pengkaji mendapati perkaitannya terletak pada proses kognitif dan pengetahuan amali khalayak Melayu, terbukti dengan kemasukan cerita rakyat tertentu dalam kajian. Selain itu, pemikiran dan penaakulan logik tertentu ini boleh dilaksanakan dengan berkesan melalui pelbagai platform multimedia, sekali gus memastikan kisah tradisional ini kekal bersemangat dan relevan dalam era moden. Kesimpulannya, adalah mustahak untuk semua pihak yang terlibat bertanggungjawab dalam memastikan cerita rakyat yang memikat ini kekal diketahui umum dan tidak tunduk kepada peredaran zaman yang tidak dapat dielakkan.

Di samping itu, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017) menerusi *Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Melalui Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia Diselenggara Oleh Aripin Said dan Othman Puteh*. Terdapat tiga cara panduan bagi kajian ini antaranya adalah membuat penelitian, membuat perbincangan dan juga membuat huraian berkaitan dengan kandungan teks bagi cerita rakyat yang membahaskan berkaitan dengan nilai-nilai murni. Pengkaji juga telah nekad untuk menggunakan pendekatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bersandarkan kepada konsep emosi, intelek dan rohani. *Kerabu Tebu Sebatang, Puteri Bunga Tanjung* dan *Pencerita yang Bijak* merupakan cerita rakyat yang dipilih oleh pengkaji. Cerita rakyat merangkumi satu set nilai yang merangkumi rasa hormat, kebebasan, dan berhemah tinggi, yang selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Idea pembangunan intelek, emosi dan kerohanian boleh berfungsi sebagai alat yang berharga untuk pendidikan dalam komuniti, akhirnya

membawa kepada rasa aman dan ketenangan yang lebih besar dalam kehidupan orang ramai.

Lain daripada itu, Fifi Anak Rinyuk (2017) kajian mengenai nilai-nilai moral ini merupakan matlamat utama dalam kajian yang dijalankan. Kajian ini bertujuan untuk mencapai tiga objektif utama, di mana satu daripadanya adalah untuk memberikan gambaran menyeluruh, pengkategorian, dan perkaitan prinsip moral yang lazim dalam masyarakat etnik Bidayuh dan mempengaruhi kewujudan mereka sehari-hari. Pengkaji telah menggabungkan teori Metodologi Melayu, menggunakan kedua-dua kaedah kualitatif dan kajian lapangan literatur. Selain itu, rujukan teks telah dirujuk untuk menyokong penemuan dan analisis. Cerita rakyat etnik Bidayuh kaya dengan nilai-nilai moral, yang selaras sempurna dengan penerapan pendekatan moral kerana ia menekankan kepentingan zat berbanding penampilan semata-mata.

Mohd Nazri Abdul Rahman et al. (2017) mengenai cerita rakyat Orang Asal Sabah. Objektif utama penyelidikan ini adalah untuk menilai kesesuaian dan keberkesanan penggunaan naratif tradisional ini sebagai alat pengajaran dalam kalangan kanak-kanak orang asli yang menetap di wilayah Dibawah Bayu. Pengkaji menggunakan pendekatan secara kualitatif dengan cara membual soal selidik dan menggunakan teori Delphi Fuzzy bagi memperoleh persetujuan terhadap kesesuaian cerita rakyat. Bahkan, hasil daripada boring selidik tersebut telah mendapati beberapa buah cerita rakyat sangat bersesuaian untuk dijadikan bahan pembelajaran. Ia memiliki pantang larang, adat resam, bahasa ibunda dan juga nilai tradisi masyarakat. Tuntasnya, penyelidikan ini telah mendapat kebenaran khusus yang berkaitan dengan naratif rakyat, yang difikirkan sesuai untuk meningkatkan program pendidikan.

Florina Jumil & Norjietta Julita Taisin (2017) menerusi kajian *Tangon-Tangon Masyarakat Kadazandusun*. Tangon, yang merujuk kepada cerita rakyat, adalah satu bentuk sastera yang terutama disampaikan secara lisan, diturunkan secara turun-temurun. Matlamat utama untuk mengenal pasti dan menganalisis komponen

kepentingan pendidikan yang terdapat dalam tradisi naratif kumpulan etnik Kadazandusun. Pengkaji telah melakukan analisis terhadap teks dan juga menggunakan kaedah kepustakaan. Pengkaji juga telah memutuskan untuk menggunakan dua teori. Teori yang pertama adalah Pendekatan Moral dan teori yang kedua adalah teori Formalistik. Penggunaan kedua-dua teori ini bertujuan untuk memperkukuhkan lagi kajian. Di samping itu, kajian telah menunjukkan bahawa cerita rakyat etnik Kadazandusun mempunyai nilai pendidikan yang signifikan, memainkan peranan penting dalam membentuk perkembangan moral dan peribadi pembaca, dengan penekanan khusus kepada kanak-kanak. Tuntasnya, kesan daripada kajian yang dijalankan ini ia dapat menjadi alat bagi mendidik audiens untuk berfikiran kreatif dan juga rasional.

Seterusnya, Normaliza Abd Rahim, Awang Azman Awang Pawi dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2018) menerusi kajian yang bertajuk *Integration Of Values And Culture In Malay Folklore Animation*. Jurnal yang dihasilkan ini lebih memberatkan kepada integrasi nilai dan budaya bagi cerita rakyat dalam bentuk animasi. Bahkan, objektif bagi kajian ini adalah ia untuk membuat penelitian dan perbincangan berkaitan dengan nilai dan budaya dalam kalangan masyarakat Melayu yang telah diadaptasikan dalam bentuk animasi. Para pengkaji juga turut memilih 10 buah animasi berkaitan dengan cerita rakyat yang diambil dari *The Kingfisher Stories*. Malah, kajian ini juga turut menggunakan pendekatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia agar setiap hujahan yang diberikan bernas. Berkaitan dengan integrasi nilai dan budaya ini dapat dilihat menerusi nilai kasih sayang, beradab, baik hati, keadilan, berdikari dan lain-lain lagi. Kesimpulannya, animasi cerita rakyat ini berkesan mempamerkan nilai dan aspek budaya yang mudah dihayati dan diterapkan oleh generasi masa kini dan akan datang. Dengan mempersembahkan nilai-nilai ini melalui medium animasi, ia membolehkan pemahaman dan penghayatan yang lebih mendalam terhadap cerita rakyat di samping

menggalakkan individu untuk menerapkan nilai-nilai ini dalam kehidupan mereka sendiri.

Antara, Norfarizah Mohd Bakhir, Mohamad Omar Bidin dan Ahmad Amirul Abdul Aziz (2018) *Preserving And Promoting Malay Folklores And Legends Using Interactive Motion Comic: The Fang King (Raja Bersiong)*. Pada era sekarang, adalah fakta yang diakui secara meluas bahawa masyarakat kita menunjukkan kecenderungan yang lebih besar untuk menikmati filem barat daripada menerima filem tempatan, terutamanya yang mempamerkan cerita rakyat tradisional. Objektif utama kajian ini adalah untuk menjaga dan mempopularkan cerita rakyat tradisional dan legenda melalui medium komik animasi. Bagi mencapai matlamat ini, pengkaji telah memilih Raja Fang dengan teliti sebagai subjek untuk membangunkan adaptasi komik animasi. Dalam proses menjalankan penyelidikan ini, kami juga menggunakan soal selidik dan temu bual sebagai alat untuk memperoleh data yang sahih dan tidak jelas. Dapat dirumuskan bahawa, projek itu sangat penting dan ia mempunyai nilai yang tersendiri untuk mempromosikan dan juga mengekalkan cerita-cerita rakyat kita. Walau bagaimanapun, penghasilan bagi projek ini sangat mencabar kerana ia memiliki kelemahan.

Begitu juga dengan, Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendi (2018) menerusi kajian *Cerita Jenaka Melayu*. Malah, masih ada yang beranggapan negatif terhadap masyarakat berkaitan dengan cerita jenaka yang banyak mengisahkan masyarakat lama yang bodoh dan lurus. Kajian ini telah membuktikan setiap watak yang terdapat dalam cerita jenaka ini memaparkan perwatakan-perwatakan yang baik dan juga positif. Penyelidik telah memilih koleksi lima anekdot lucu. Analisis yang dijalankan untuk kajian ini adalah berdasarkan kaedah rujukan teks. Selain itu, ia menggabungkan penggunaan kesusasteraan dan menggunakan prinsip Psikologi Kemanusiaan, sebuah teori yang merangkumi lima prinsip asas. Tuntasnya, pengkaji berjaya menunjukkan dan merungkai naratif yang berkaitan dengan anekdot lucu ini, yang tidak mendedahkan sebarang kekurangan

dalam masyarakat Melayu. Namun begitu, jenaka itu secara berkesan mempamerkan keperibadian yang sangat tersendiri berdasarkan sifat optimistik yang ditunjukkan di dalamnya.

Antara, Mohd Fairuz Ali & Ng Perng Jeu (2018). Kajian ini bertujuan untuk pembangunan dan pembentukan permainan berdasarkan cerita rakyat *Toyol*. Objektif bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti kebarangkalian pengaplikasian bagi watak utama adalah *Toyol* yang terdapat dalam reka bentuk satu permainan dan objektif seterusnya adalah bagi memberikan sedikit pendedahan berkaitan dengan nilai-nilai *Toyol* dengan menggunakan bentuk multimedia. Ia melakukan proses bagi reka bentuk yang disebabkan daripada sumber-sumber yang terdapat dalam filem, sastera, novel dan sebagainya. Tuntasnya, kajian ini mendapati bahawa *Toyol* ini merupakan cerita alat hiburan dalam bentuk digital bagi menyampaikan berkaitan dengan kepercayaan masyarakat, pengetahuan berkaitan dengan *toyol* dan juga pemahaman budaya.

Selain itu, Mohd Fahmi Ismail dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menerusi penyelidikan *Kesan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Penelitian Teori Konseptual Kata Kunci*. Untuk pengetahuan semua, orang Asli Temiar ini adalah kumpulan masyarakat yang ketinggalan dari segi arus permodenan. Sebab di sebalik ini adalah habitat mereka terhad secara eksklusif kepada persekitaran hutan dan komuniti mereka yakin bahawa hutan adalah tempat kediaman mereka yang sah. Akan tetapi, walaupun kehidupan mereka terpinggir, mereka sangat kaya dengan nilai budaya dan daya pemikiran yang sangat tinggi berkaitan dengan cerita-cerita rakyat, kajian ini bertujuan untuk melihat dan juga mentaksirkan kesan-kesan di sebalik cerita-cerita rakyat Orang Asli Temiar ini. Pengkaji telah menggunakan kaedah kerja lapangan dan mengaplikasikan teori Konseptual Kata Kunci dalam penyelidikan ini. Oleh sebab itu, menunjukkan bahawa kesan-kesan yang tersirat yang terdapat dalam cerita rakyat masyarakat mereka sedikit sebanyak memberi pengaruh kepada kehidupan mereka dan ia dijadikan amalan dalam kehidupan seharian.

Berdasarkan segala-galanya, cerita rakyat Orang Asli Temiar mempunyai kepentingan yang sangat besar kerana ia mewakili warisan berharga yang diwarisi turun-temurun daripada nenek moyang mereka.

Lain daripada itu, Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018). Kajian ini dijalankan kerana adanya kelompongan oleh itu pengkaji telah memilih untuk membuat kajian dengan lebih mendalam lagi. Dalam kajian ini, pengkaji memberi penekanan yang ketara terhadap nilai budaya yang terdapat dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli. Bahkan, pengkaji juga turut menggunakan kaedah kualitatif dengan cara kepustakaan dan kerja lapangan bagi mengumpul maklumat yang penting. Tambahan pula, teori Sastera Warisan telah dipilih untuk melakukan analisis yang kukuh dan tepat. Melalui dapatan penyelidikan telah menunjukkan bahawa nilai budaya itu memang wujud dalam masyarakat mereka. Tuntasnya, melalui kajian ini mendapati mereka sangat kaya dengan budaya dan ia juga merupakan simbol kehidupan bertamadun bagi masyarakat Orang Asli di sana.

Begitu juga, Hazrul Mazran Rusli (2018). Melalui kajian yang dilakukan ini, pengkaji menitikberatkan mengenai unsur moral yang ada di dalam sastera rakyat berdasarkan teks-teks cerita jenaka. Pengkaji juga turut melakukan temu bual, rujukan ke atas teks dan kaedah kepustakaan bagi menghasilkan kajian ini. Pengkaji juga telah memilih tiga buah cerita jenaka dengan mengaplikasikan dua buah teori. Teori yang pertama adalah Adaptasi dan yang kedua pula ialah Ekploasi Visual. Hasil daripada kajian bagi teks cerita jenaka tersebut mendapati bahawa adanya unsur-unsur pengajaran dan ia juga memilik potensi yang sangat tinggi untuk diangkatkan ke dalam medium sastera rakyat kedalam medium seni visual. Dengan cara tersebut ia mampu dimartabatkan dan dikekalkan bagi kedua-dua bentuk kesenian tersebut.

Antara, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2018) *Penerapan Konsep Menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu*. Sebagai mana yang kita tahu bahawa cerita rakyat

ini sememangnya hak milik yang mutlak bagi masyarakat Melayu. Akan tetapi, masih ada segelintir masyarakat yang memandang rendah terhadap cerita rakyat dan disebabkan itulah pengkaji membuat keputusan untuk melakukan kajian ini. Matlamat utama penyelidikan ini adalah untuk meneroka dan menilai prinsip-prinsip murni yang terdapat dalam cerita rakyat, menggunakan kerangka Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Metodologi bagi kajian ini adalah kualitatif dan tergolong melakukan analisis bagi dokumen. Nilai murni yang terdapat dalam cerita tersebut ialah kerajinan dan rasional. Tuntasnya, melalui kajian ini dapat mempengaruhi minda sedikit sebanyak supaya ia dalam mendidik jiwa masyarakat untuk menjadi seorang pemimpin yang berwawasan tinggi.

Di samping itu, Norazimah Zakaria et al. (2019) *Unsur Mitos Berdasarkan Teks Sastera Melayu Tradisional*. Kajian ini memfokuskan kepada unsur-unsur mitos yang terdapat dalam teks sastera tradisional. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan membuat analisis terhadap unsur mitos. Pemilihan bagi teks sastera ini hanya memfokuskan kepada cerita *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan cara membuat analisis teks dan juga kepustakaan bagi mencari maklumat-maklumat atau data-data yang tepat. Pengkaji juga menggunakan teori Sosiologi Sastera untuk mendapat hasil kajian yang mantap. Tuntasnya, pengkaji mendapati bahawa unsur mitos yang terdapat dalam teks sastera ini berfungsi untuk dijadikan panduan.

Selain itu, Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar dan Arbai'e Sujud (2019) menerusi *Kisah Sang Kancil Dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan Dalam Kalangan Kanak-Kanak*. Cerita binatang merupakan cerita yang sangat disukai golongan kanak-kanak. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat berkaitan dengan kepentingan. Matlamat utama kajian penyelidikan ini adalah untuk mengkaji pelbagai aspek yang berkaitan dengan adab kepimpinan dan meneroka bagaimana adab ini



boleh diterapkan kepada kanak-kanak dalam cerita haiwan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan melakukan temu bual bagi mendapatkan cerita binatang. Pengkaji juga telah menggunakan pendekatan Adab berlandaskan kepada kerangka pemikiran Syed Naquib Al-Attas (2001). Adab kepimpinan ini boleh dilihat menerusi watak bagi sang kancil yang memiliki nilai keadilan, bijaksana, amanah, dan bersopan santun dalam berbicara. Bahkan, cerita binatang ini bukan hanya adanya unsur kelucuan atau hiburan sahaja. Malah ia banyak menerapkan adab-adab yang positif melalui jalan penceritaan supaya golongan kanak-kanak boleh menjadi pelapis pada masa akan datang.

Seterusnya, Asniza Zakaria (2019) *Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan*. Kajian ini dilakukan kerana kedua-dua buah cerita tersebut kurang mendapat perhatian dalam kalangan sarjana. Objektif utama penyelidikan ini adalah untuk memerhati dan menganalisis tema berulang darah putih seperti yang digambarkan dalam pelbagai cerita legenda. Pengkaji telah memilih cerita legenda *Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan* yang berasal dari Kedah Darul Aman. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan meneliti dan menganalisis pelbagai dokumen dan sumber kepustakaan. Melalui perbincangan ini dapat dirumuskan bahawa motif bagi darah berwarna putih tersebut merupakan lambang kepada kesempurnaan dan juga kesucian yang terdapat dalam watak puteri. Tuntasnya, kajian ini memberi teladan dan pengajaran sekaligus dapat memberikan pendedahan berkaitan dengan cerita legenda Kedah kepada audiens.

Norazimah Zakaria & Mazarul Hasan Mohamad Hanapi (2019). Sebagaimana yang kita tahu bahawa mitos ini adalah cerita-cerita lama yang mengisahkan tentang dewa-dewi, keagamaan, ajaib dan asal-usul menurut Hooykaas (1965). Fokus kerja pengkaji ini terletak pada mengkaji bagaimana masyarakat Melayu lama melihat dan mempercayai pelbagai unsur yang terdapat dalam mitos. Pengkaji telah memilih tiga buah teks sastera Melayu. Bahkan, pengkaji juga turut menggunakan kaedah kualitatif dengan membuat

analisis teks-teks dan menggunakan pendekatan Sosiologi Sastera bagi mengukuhkan lagi hujahan. Berdasarkan daripada kajian yang dijalankan mendapati terdapat unsur mitos dari aspek kepercayaan seperti asal-usul yang terdapat pada watak Merong Mahawangsa yang berasal dari dewa. Secara tuntasnya, masyarakat terdahulu mempunyai keyakinan yang teguh dalam kesahihan mitos ini, terutamanya disebabkan oleh pengetahuan dan pemahaman yang terhad tentang akidah Islam pada zaman itu.

Seterusnya, Md Sidin Ahmad Ishak, Siti Ezaleila Mustafa dan Rosmani Omar (2019) menerusi kajian yang bertajuk *Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat Di Malaysia*. Pada hari ini teknologi berkembang dengan sangat pesat dan ia sedikit sebanyak memberikan impak kepada tradisi sastera rakyat. Penyelidik membuat kajian ini adalah untuk menilai berkaitan sejauh manakah perubahan bagi penyebaran cerita-cerita rakyat di negara kita bertepatan dengan kecanggihan teknologi. Pengkaji melakukan penelitian dan membuat analisis terhadap cerita rakyat yang berbentuk multimedia. Hasil daripada kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati cerita rakyat masyarakat Melayu masih tidak berkembang pesat sejajar dengan pertumbuhan bagi teknologi. Tuntasnya, semua pihak harus memainkan peranan yang sangat penting agar cerita rakyat tersebut dapat dipelihara dan dipertahankan.

Begitu juga dengan, Nur Ezatul Fadtehah Hedel dan Mari Fatimah Subet (2020). Dalam kajian ini pengkaji telah mengetengahkan berkaitan dengan peristiwa-peristiwa aneh yang terdapat dalam cerita rakyat. Tambahan pula, kajian ini bertujuan bagi merungkai segala kewujudan peristiwa-peristiwa aneh yang terdapat dalam *Hikayat Nakhoda Muda* yang diambil dari buku *Antologi Enam Hikayat*. Selain menggunakan teori Semantik Inkuisitif dan Rangka Kerja Rujukan Silang, penyelidik juga menggunakan konsep ini sebagai komponen penting dalam metodologi penyelidikan mereka. Pengkaji telah menjumpai sebanyak 10 peristiwa yang aneh dan ia merupakan kepercayaan bagi masyarakat terdahulu.

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan (2020) *Akal Budi*

*Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan.* Definisi bagi akal budi ialah suatu ciptaan yang telah dianugerahkan manusia untuk membolehkan mereka berhubung dengan alam sekeliling. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan juga membuat huraian berkaitan dengan akal budi yang ada dalam naratif lisan. Pengkaji melakukan kajian ini kerana adanya kelompongan dalam konteks akal budi ini. Pengkaji juga turut memilih 10 buah naratif lisan yang telah diperolehi daripada penduduk di Kota Bharu, Kelantan. Menggunakan kaedah kualitatif dengan cara membuat rujukan dengan kaedah kepustakaan, temu bual dan kerja lapangan. Pengkaji juga turut menggunakan teori Pengkaedahan Melayu bagi membuat analisis dengan lebih kukuh. Dalam konteks akal budi ini adalah seperti keikhlasan, keberanian, rasional dan daya usaha. Tuntasnya, akal budi ini akan menjadi teladan kepada para pembaca terutamanya golongan kanak-kanak kerana mereka lebih mudah untuk dipengaruhi.

Hazrul Mazran Rusli (2020) *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) Dalam Karya Seni Cetakan.* Pengkaji telah memilih teks cerita *Si Luncai* yang telah diadaptasikan kepada bentuk cetakan. Objektif bagi kajian ini adalah bagi melihat kebolehan dan juga kelebihan pelukis dalam mentafsir, membaca dan mengupas cerita-cerita rakyat yang terdapat dalam paparan cetakan imej visual. Pengkaji telah memilih dua buah teori. Teori berkenaan adalah Adaptasi dan juga Eksplorasi Visual. Berdasarkan daripada adaptasi yang telah dijalankan, pengkaji berjaya menghasilkan sebuah karya cetakan bagi blok kayu yang mempunyai 10 edisi. Tuntasnya, kesusasteraan rakyat ini juga boleh diterjemahkan ke dalam bentuk seni cetakan visual dan ia dapat memastikan kesusasteraan rakyat ini berdasarkan cerita *Si Luncai* tidak akan telan zaman.

Selain itu, dalam kajian yang dijalankan oleh Mohd Faizal Musa dan Suhaini Md Noor (2021) bertajuk *Fungsi Makanan dalam Interaksi Sosial Masyarakat Melayu: Kajian Teks Cerita Rakyat*, penyelidik bertujuan untuk meneroka pelbagai jenis makanan dan

kepentingannya dalam kisah *Musang Berjanggal*. Menggunakan pendekatan kualitatif, para penyelidik menganalisis teks dengan teliti dan mengenal pasti sejumlah 29 jenis makanan yang disebut dalam naratif *Musang Berjanggal*. Ini termasuk hidangan lazat seperti ayam, rojak, daging kampung dan pelbagai rempah, antara lain. Tambahan pula, makanan yang digambarkan dalam teks ini berfungsi sebagai alat komunikasi, membolehkan watak-watak mengemukakan soalan dan mengukur hierarki sosial. Banyaknya variasi makanan yang digambarkan dalam cerita *Beruang Berjanggal* bukan sahaja mempamerkan keistimewaan tetapi juga kekayaan kulineri yang meresapi komuniti kita.

Selain itu, karya Abdul Walid Ali, Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin dan Muhammad Qawiem Hamizan (2021) memfokuskan kepada Pendokumentasian Tradisi Lisan dalam Cerita Rakyat khusus untuk orang Melayu yang menetap di Sarawak. Penyelidikan ini bertujuan untuk menghasilkan koleksi cerita rakyat yang boleh diadaptasikan ke dalam persembahan teater. Perlu dinyatakan bahawa sarjana terdahulu juga telah meneroka konsep inovasi dalam mencipta karya tersebut. Bagi mengumpul bahan yang diperlukan, penyelidik menggunakan pelbagai kaedah termasuk kajian perpustakaan dan temu bual. Secara khusus, mereka menjalankan kerja lapangan di kampung Melayu yang terletak di kawasan Samarahan dan Kuching, menghasilkan koleksi cerita rakyat yang komprehensif. Daripada koleksi ini, pengkaji memilih dua cerita yang mereka percaya amat sesuai untuk persembahan teater dalam masyarakat Melayu di Sarawak. Objektif keseluruhan kajian ini adalah untuk meningkatkan kepentingan naratif cerita rakyat ini dan memastikan pemeliharaannya dalam masyarakat kita.

Menurut, Mohd Affiq Azlizan, Muhd Norizam Jamian, dan Muhammad Irfan Waquiuddin Hasanudin telah menjalankan kajian (2021) *Membandingkan Cerita Rakyat Bawang Putih versi Malaysia dan Indonesia*, khususnya mengkaji latar belakang budaya yang digambarkan dalam kisah-kisah tersebut. Cerita rakyat *Bawang Putih Bawang Merah* memberi gambaran tentang warisan budaya dan tradisi masyarakat. Matlamat utama

penyelidikan ini adalah untuk menganalisis dan membandingkan aspek budaya yang digambarkan dalam kedua-dua versi cerita rakyat. Menggunakan metodologi kualitatif, kajian ini melibatkan pemeriksaan dan tafsiran menyeluruh terhadap kandungan sastera. Dapatan kajian menunjukkan bahawa setiap versi cerita rakyat mempamerkan unsur-unsur budaya yang berbeza yang unik di kawasan masing-masing. Unsur-unsur budaya ini merangkumi pelbagai aspek seperti ekonomi, agama, bahasa dan sistem kepercayaan. Di sebalik perbezaan, ternyata bahawa kedua-dua cerita rakyat Malaysia dan Indonesia mempunyai identiti tersendiri.

Seterusnya, Daeng Haliza Daeng Jamal, Noorzaatulhidayah Mohd Hanipah, dan Nasirin Abdillah (2021) menyelidik Kajian Ritual Dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia. Apabila bercakap tentang cerita rakyat, ia merangkumi pelbagai topik termasuk sejarah, jenaka, mitos, budaya dan banyak lagi. Walau bagaimanapun, perlu diberi perhatian bahawa penyelidik cenderung memberi tumpuan terutamanya pada pemeriksaan unsur ritualistik dalam kisah-kisah ini. Tujuan kajian khusus ini adalah bukan sahaja untuk mengenal pasti tetapi juga menganalisis kehadiran ritual dalam cerita rakyat Mukim Bebar di Pekan, Pahang. Untuk memastikan ketelitian kajian, pengkaji menggunakan pendekatan Fungsionalisme sebagai cara untuk mempertingkatkan lagi analisis. Selain itu, kaedah kualitatif juga digunakan, seperti menjalankan temu bual dan melibatkan diri dalam kerja lapangan, bagi mengumpul cerita rakyat yang bernilai. Hasil daripada penyelidikan yang meluas ini, didapati bahawa memang terdapat pelbagai upacara dalam cerita rakyat Mukim Bebar. Ritual tersebut merangkumi amalan seperti *Mandi Safar*, *Manusia Kembar*, *Nyimoh Pantai*, dan *Mengkarung Ekor Bercabang*. Secara keseluruhannya, terbukti bahawa cerita rakyat wilayah ini berakar umbi dalam kepercayaan dan adat resam nenek moyang, terbukti dengan kehadiran unsur-unsur ritual tersebut.

Nur Samsiah Mazlan, Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) menjalankan kajian tentang *Keberkesanan Elemen Watak Dan*

*Perwatakan dalam Cerita Rakyat* dalam kalangan kanak-kanak dan remaja melalui media animasi. Pengkaji memberi tumpuan khusus kepada aspek media animasi sebagai cara untuk meningkatkan daya tarikan dan kepentingan cerita rakyat. Ini kerana media animasi telah terbukti berjaya menarik perhatian khalayak khususnya remaja dan kanak-kanak. Pengkaji juga meneliti hasil penggunaan media animasi untuk menyampaikan cerita rakyat kepada remaja dan kanak-kanak. Untuk menjalankan kajian mereka, penyelidik memilih lima cerita daripada buku *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia*, antaranya *Angkuh Membawa Wang*, *Ayam Dogo Membuat Jasa*, *Kasih Sayang Keluarga*, *Si Luncai dan Labu-Labunya*, dan *Bersikap Jujur*. Para penyelidik menggunakan kaedah kualitatif, menggunakan perkhidmatan perpustakaan dan menganalisis teks rujukan untuk mengumpul maklumat yang tepat. Tambahan pula, mereka menggunakan teori Metodologi Melayu dan pendekatan gunaan dalam penyelidikan mereka. Watak dan perwatakan yang terdapat dalam cerita rakyat antara lain kerendahan hati, kebaikan, kesetiaan, ketaatan, kejujuran, dan kebijaksanaan.

Tuntasnya, penggabungan watak-watak dan ciri-ciri perwatakan ini melalui media animasi dijangka dapat menjana minat dalam kalangan penonton semua peringkat umur, khususnya kanak-kanak dan remaja. Kajian yang dijalankan oleh Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob, dan Siti Aishah Jusoh (2021) bertajuk *Unsur Rohani dalam Cerita Lisan Melayu* memberi penerangan tentang kurangnya perhatian yang diberikan kepada kerohanian dalam kajian saintifik. Menyedari jurang ini, pengkaji memulakan kajian ini untuk meneroka dan menangani unsur kerohanian yang terdapat dalam upacara sumpah serapah yang digambarkan dalam cerita lisan Melayu. Untuk memastikan analisis yang komprehensif, penyelidik memilih buku *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* sebagai rujukan utama mereka, mengecilkan fokus mereka kepada hanya 12 cerita. Menggunakan metodologi kajian kualitatif, kajian ini menggunakan kaedah tekstual dan analisis literatur. Para penyelidik memilih teori Budaya kerana ia sejajar dengan topik penyelidikan. Dalam bidang cerita rakyat, para penyelidik secara

khusus meneliti ritual sumpahan, yang nyata dalam pelbagai bentuk seperti gunung, batu, pokok, dan burung belatuk. Ritual sumpahan ini sangat menonjol dalam budaya Melayu dan berfungsi sebagai cerita peringatan, memberi amaran kepada individu tentang akibat daripada tindakan mereka dan menggesa mereka untuk terlibat dalam tingkah laku yang mulia.

Antara, Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) jurnal yang bertajuk *Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu*. Pengkaji memilih untuk melakukan kajian ini kerana disebabkan oleh adanya tanggapan yang negatif para masyarakat pada masa kini terhadap cerita rakyat sekaligus pengkaji mahu menepis segala perspektif mereka yang negatif tersebut terhadap cerita rakyat Melayu. Dalam kajian ini juga pengkaji mahu membuat penelitian terhadap nilai-nilai ketamadunan bagi masyarakat Melayu yang terdapat dalam cerita rakyat di daerah Tumpat, Kelantan. Kajian yang dijalankan ini berbentuk kualitatif dimana pengkaji memfokuskan terhadap kepustakaan dan melakukan temu bual dengan cara membuat rakaman video dan juga audio. Pengkaji telah membataskan kepada empat buah cerita rakyat sahaja. Di samping itu, pengkaji juga turut menggunakan teori Pengkaedahan Melayu bagi membuat analisis yang berlandaskan kepada pendekatan moral sahaja. *Puja Berubat, Tujuh Saudara, Sungai Ketapong* dan *Semangat Laut* merupakan cerita yang dipilih oleh pengkaji. Hasil daripada kajian yang dijalankan ini mendapati bahawa cerita rakyat ini sangat kaya dengan nilai ketamadunan yang diterapkan dalam kalangan masyarakat Melayu pada zaman tersebut. Antara nilai ketamadunan yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut adalah beriman, tawakal, sikap kerjasama dan juga hormat-menghormati. Tuntasnya, cerita rakyat ini banyak memberikan kesedaran kepada khalayak supaya sentiasa menunjukkan nilai-nilai ketamadunan ini dapat merubah perspektif mereka terhadap cerita rakyat.

Selain itu, Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan (2021) kajian berjudul *The Values Of Heroism*

*In Tok Tangok Folklore As A Symbol Of Personality And Identity Of Malay Community: Research On The Perception Students In University Malaysia Kelantan Through Kahoot Application.* Kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti dan membuat huraian berkaitan dengan nilai kepahlawanan bagi watak *Tok Tangok*. Cerita rakyat bagi *Tok Tangok* ini dirujuk kepada pandangan-pandangan bagi mahasiswa dan mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan. Kajian ini berbentuk kualitatif iaitu kepustakaan, soal selidik dan turut menggunakan aplikasi *Kahoot*. Hasil daripada dapatan kajian membuktikan nilai kepahlawanan bagi *Tok Tangok* ini melambangkan jati diri dan juga keperibadian bangsa Melayu yang sangat hebat. Malah, berdasarkan segala data yang telah diperolehi melalui aplikasi *Kahoot* tersebut telah membuktikan bahawa cerita rakyat tersebut sangat kaya dengan identiti dan personaliti menerusi penampilan watak *Tok Tangok*.

Nasirin Abdillah, Nur Samsiah Mazlan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) kajian yang bertajuk *Citra Masyarakat Dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu*. Definisi bagi citra masyarakat ini adalah gambaran yang ditunjukkan atau ditonjolkan oleh masyarakat. Kajian ini bertujuan untuk merungkai berkaitan dengan gambaran masyarakat yang terdapat dalam teks naratif lisan. Bahkan, pengkaji juga hanya memiliki satu buah buku sahaja yang bertajuk *366 Cerita Rakyat di Malaysia* dan menghadkan sebanyak 10 buah cerita rakyat sahaja. Kajian ini juga berbentuk kualitatif menggunakan kaedah kepustakaan dan juga teks sekaligus menggunakan pendekatan teori Pengkaedahan Melayu untuk menghasilkan satu analisis kajian yang mantap. Tambahan pula, hasil dapatan analisis juga turut menggambarkan masyarakat yang mengamalkan bekerjasama, kepercayaan kepada tuhan dan juga kasih sayang. Dapat disimpulkan bahawa, cerita rakyat ini adalah sangat penting untuk dihayati kerana inti patinya sangat kaya berkaitan dengan gambaran masyarakat kita.

Abdul Halim Ali, Azhar Wahid dan Jamail Masador (2021) kajian *Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang Di Sabah*. Kaum Kimaragang memanggil



cerita rakyat ini sebagai *tangon* dan tujuan kajian ini dikaji adalah disebabkan oleh nilai kepimpinan yang wujud dalam *tangon* ini tidak menarik minat khalayak terutamanya generasi muda. Objektif bagi kajian ini adalah bagi membahaskan berkaitan nilai kepimpinan dan juga merungkai pelbagai aspek dalam *tangon* etnik Kimaragang Negeri Dibawah Bayu. Pengkaji juga telah memilih tiga buah cerita rakyat sahaja untuk dijadikan panduan. Pengkaji juga turut menggunakan kaedah temu bual dan juga kerja lapangan bagi mendapatkan cerita-cerita rakyat dari etnik Kimaragang ini. Tambahan pula, teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan alamiah telah digunapakai oleh pengkaji untuk memastikan setiap hujah yang diberikan relevan dan juga bernas. Antara aspek kepahlawanan yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut adalah seperti semangat juang, keterbukaan, keberanian dan juga rela berkorban. Tuntasnya, nilai-nilai kepahlawanan ini sedikit sebanyak memberikan gambaran berkaitan dengan masyarakat etnik Kimaragang yang telah berusaha sedaya upaya untuk mengangkat maruah diri sekaligus ia dapat memberi pengaruh kepada kaum Kimaragang pada masa kini.

Nurmasitah Mat Hassan, Azyantee Mohd Zawawi & Nordiana Ab. Jabar (2022). Berjudul *Kisah Sang Kancil Dan Harimau Sebagai Penerapan Nilai Budaya Tinggi Dalam Kalangan Kanak-Kanak*. Dalam kajian ini menceritakan berkaitan dengan watak binatang yang begitu terkenal dalam cerita rakyat iaitu cerita binatang. Pengkaji juga turut menyatakan dua objektif antaranya merungkai bagi kewujudan nilai-nilai budaya tinggi dalam cerita berkenaan dan juga mentaksirkan penerapan berkaitan dengan nilai-nilai berkenaan bagi golongan kanak-kanak. Bahkan, cerita *Kisah Sang Kancil Dan Harimau*. Tambahan pula, kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu melakukan analisis terhadap cerita rakyat dan turut menggunakan teori Pengkaedahan Melayu bagi pendekatan moral. Hasil daripada analisis yang dilakukan ini telah mendapati sebanyak 10 nilai budaya tinggi yang telah ditemui dalam cerita rakyat tersebut. Tuntasnya, nilai budaya tinggi tersebut boleh dijadikan teladan bagi

golongan kanak-kanak kerana ia dapat mempengaruhi psikologi golongan kanak-kanak untuk berkelakuan baik.

Di samping itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) judul yang bertajuk *Akal Budi Dalam Cerita Rakyat Di Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian Terhadap Pengkaedahan Alamiah*. Dalam kajian ini pengkaji hanya menitikberatkan mengenai akal budi yang terdapat dalam cerita rakyat berkenaan bagi mengenal pasti dan juga dilakukan analisis. Bahkan, akal budi ini juga merupakan keupayaan untuk berfikir melalui otak yang berfungsi sekaligus dengan ilmu yang ada. Kajian ini dijalankan untuk memenuhi kelompongan terhadap kajian dalam aspek akal budi tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu merujuk kepada kepustakaan dan juga kajian lapangan. Pengkaji juga turut mengumpulkan cerita rakyat di Tumpat, Kelantan sahaja dan telah memilih sebanyak empat buah cerita rakyat sahaja. Oleh itu, pengkaji telah berjaya mendapatkan bukti akan kewujudan akal budi dalam dapatan kajian berkenaan. Mengawal hawa nafsu, sabar, toleransi, sikap saling kebergantungan merupakan akal budi yang terdapat dalam cerita tersebut. Tuntasnya, akal budi yang terdapat dalam cerita rakyat di daerah Tumpat ini sedikit sebanyak mampu mempengaruhi minda dan pemikiran masyarakat untuk memperbaiki tingkah laku yang lebih baik.

Menurut, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan (2022) menerusi kajian yang berjudul *Unsur Kebudayaan Dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Roslina Abu Bakar & Aone Van Engelenhoven (2016) menyatakan bahawa kebudayaan dapat dilihat sebagai satu peraturan yang ditetapkan oleh masyarakat kita sejak zaman nenek moyang kita lagi. Objektif bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan juga membuat analisis dari aspek kebudayaan yang terkandung dalam naratif lisan tersebut. Pengkaji memilih untuk melakukan kajian ini adalah kerana kajian yang berkaitan dengan kebudayaan ini kurang mendapat sambutan para sarjana. Pengkaji juga turut memilih sebanyak sembilan buah cerita daripada naratif lisan. Bahkan, teori Pengkaedahan Melayu ini

merupakan tunjang utama dalam membuat hujahan yang kukuh agar ia dapat menepati kesemua objektif yang telah dinyatakan. Bagi metodologi pula, terdapat dua kaedah yang telah dipilih oleh pengkaji antaranya adalah kepustakaan dan juga teks. Malah, hasil daripada dapatan kajian telah mendapati bahawa unsur-unsur budaya ini dapat dilihat dalam pelbagai jenis aspek seperti agama atau kepercayaan, kebudayaan dari aspek kemasyarakatan, peralatan hidup, pengetahuan, kesenian dan juga teknologi. Dapat dirumuskan bahawa masyarakat kita sangat kaya dengan nilai kebudayaan terutamanya berkaitan dengan kehidupan masyarakat terdahulu.

Seterusnya, Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) yang berjudul *Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Legenda Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menghuraikan berkaitan dengan kewujudan nilai murni yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat legenda yang didapati di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan Darul Naim. Bahkan, kajian ini juga berbentuk kualitatif iaitu dengan melakukan kerja lapangan dengan membuat rakaman video dan juga audio serta kaedah kepustakaan. Dalam kajian ini juga, pengkaji turut mengaplikasikan teori Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menitikberatkan kepada konsep rohani sahaja. Terdapat sebanyak 11 buah cerita legenda yang terdapat nilai-nilai murni yang dijadikan sebagai rujukan teks. Antara, nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita-cerita legenda ini adalah seperti menghormati orang yang lebih tua, bertimbang rasa, ramah mesra, pemurah, memahami dan lain-lain lagi. Tuntas, cerita legenda ini sangat berkait rapat dengan kehidupan masyarakat kita dalam aspek budaya mereka yang positif.

Kajian yang dijalankan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, dan Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan (2022) meneroka *Integrasi Pendidikan Moral dalam Cerita Rakyat Melayu untuk Kanak-Kanak*, dengan tumpuan khusus kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pendidikan moral memainkan peranan yang penting dalam membentuk sahsiah individu khususnya dalam kalangan kanak-kanak. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang ditekankan dalam pendidikan

kanak-kanak. Untuk mencapai matlamat ini, penyelidik menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif, termasuk kajian lapangan dan kajian literatur. Falsafah Pendidikan Kebangsaan berfungsi sebagai kerangka asas untuk membangunkan hujah yang bernas dalam kajian ini. Selain itu, kajian ini secara khusus mengkaji lima cerita rakyat dari Bachok, Kelantan, untuk mendalami perkara tersebut. Dapatan kajian mendedahkan bahawa bertanggungjawab, berdikari, dan bersyukur adalah aspek penting dalam pendidikan. Oleh itu, cerita rakyat ini terbukti sangat sesuai sebagai alat untuk pendidikan moral kerana ia berpotensi memberi kesan positif kepada masyarakat.

Muhammad Abdullah dan Hazrul Mazran Rusli (2022) menerusi tajuk *Tujuan Dan Fungsi Dalam Konteks Kesusasteraan Rakyat dan Cerita Jenaka Melayu* meneroka kepentingan sastera dan jenaka rakyat dalam kerangka sejarah masyarakat. Matlamat utama kajian ini adalah untuk menyiasat tujuan dan fungsi asas bentuk sastera ini. Untuk menjalankan penyelidikan mereka, para sarjana menggunakan kaedah kualitatif, menggunakan analisis teks dan merujuk pelbagai sumber bibliografi. Dalam penyiasatan mereka, pengkaji memfokuskan kepada empat naratif lucu iaitu *Pak Kadok*, *Lebai Malang*, *Pak Pandir*, dan *Nujum Pak Belalang*. Perlu diingat bahawa cerita rakyat ini mempunyai pelbagai tujuan dan fungsi, termasuk pendidikan, hiburan, pemeliharaan tradisi budaya dan banyak lagi. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk menyedari bahawa cerita-cerita lucu ini melangkaui hiburan semata-mata mereka juga berfungsi sebagai platform untuk kritikan sosial, khususnya ditujukan kepada mereka yang mempunyai kedudukan berkuasa dan berkuasa.

Menurut, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan (2022) menerusi *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Rakyat Di Kota Bharu, Kelantan Terhadap Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak: Satu Pendekatan Moral*. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan juga membuat rumusan berkaitan dengan nilai kemanusiaan yang wujud dalam cerita-cerita rakyat tersebut supaya ia akan membentuk satu jati siri terutamanya bagi golongan kanak-kanak. Bahkan,

pembangunan teknologi yang pesat ini telah menyebabkan bahawa cerita-cerita rakyat ini kurang mendapat sambutan. Pengkaji juga turut membataskan satu tempat sahaja iaitu di Tumpat bagi membuat pengumpulan beberapa cerita rakyat Melayu. Pengkaji juga turut menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan temu bual. Walau bagaimanapun, pengkaji juga turut menggunakan teori Pengkaedahan Melayu yang mengkhususkan kepada pendekatan moral. Antara nilai kemanusiaan adalah belas kasihan, bertanggungjawab dan juga keikhlasan. Tuntasnya, nilai-nilai kemanusiaan berkenaan menunjukkan masyarakat kita sangat kaya dengan etika dan mempunyai lambang Melayu sejati.

Kajian terbaru yang dijalankan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob et al. (2022) bertajuk *Nilai Murni Melalui Keunikan Dialek Kelantan dalam Cerita Rakyat Melayu Kelantan*, objektif utamanya adalah untuk meneroka dan membuat kesimpulan tentang nilai budi yang tergambar dalam cerita rakyat daerah Bachok Kelantan. Kajian ini menonjolkan keistimewaan dialek Kelantan dalam menyampaikan nilai-nilai tersebut. Para penyelidik menggunakan kaedah kualitatif, termasuk temu bual dan analisis literatur untuk mengumpul data. Terutamanya, temu bual telah dijalankan di kawasan kampung Pulau Rusa di Bachok. Dapatan kajian mendedahkan kewujudan tujuh cerita rakyat khusus yang diteliti. Ini termasuklah *Bidan Mok Long Haji*, *Rajuk Seorang Puteri*, *Tok Pakir Air Hangat*, *Penyelamat Kampung Tok Chok*, *Tok Tangok*, *Mokyong*, dan *Penyelamat Amukan Penunggu*. Para penyelidik juga menggunakan kerangka teori Bahasa Melayu Pengkaedahan, menggunakan pendekatan kemasyarakatan. Akhirnya, kajian menyimpulkan bahawa perbuatan baik dalam cerita rakyat ini terbukti melalui sifat-sifat seperti belas kasihan, pertimbangan, dan pemurah. Pengkaji berhasrat untuk mengangkat martabat cerita rakyat di Kelantan dengan menekankan nilai murni budi dalam diri mereka, sekali gus mempamerkan keindahan dan keunikan dialek Kelantan. Tambahan pula, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan (2022) telah menjalankan kajian tentang *Interaksi Sosioekonomi* yang terdapat dalam

Cerita Rakyat *Kilatan Emas*, yang telah mencetuskan revolusi kepimpinan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Para penyelidik mendapati bahawa cerita rakyat ini tidak begitu menarik perhatian para sarjana apabila ia datang untuk meneroka interaksi sosioekonomi dalam ruang tingkup. Kekurangan minat ini mendorong penyelidik untuk mendalami aspek ini dan menjalankan penyiasatan yang menyeluruh. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis interaksi sosioekonomi yang digambarkan dalam cerita rakyat, dengan tumpuan khusus pada kepimpinan. Untuk mengumpul data, pengkaji menjalankan temu bual dan menemui sebuah cerita yang bertajuk *Kilatan Emas*. Selain itu, pengkaji menggunakan teori Metodologi Melayu untuk memberikan hujah yang difikirkan dengan baik. Mereka menggunakan pendekatan kualitatif, yang melibatkan merujuk pelbagai sumber, menjalankan kerja lapangan, dan menggunakan rakaman video dan audio. Analisis dan perbincangan dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek kepimpinan dalam masyarakat Melayu silam dapat diperhatikan melalui *Kilatan Emas*, khususnya dari segi tindakan yang bijak, tutur kata yang fasih dan pemikiran yang rasional. Secara keseluruhannya, *Kilatan Emas* menawarkan banyak wawasan tentang elemen kepimpinan yang lazim dalam masyarakat Melayu sejarah.

### 2.3 Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Karya-karya Sastera

Menurut seorang sarjana yang bernama Johari Yahaya. Beliau telah menjalankan kajian (2015) menerusi *Pantun-Pantun Peribahasa Melayu: Sebuah Analisis* telah dijalankan dengan menggunakan daripada *Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Melalui penyelidikan yang dijalankan dapat merungkai berkaitan dengan peranan pantun dalam aspek kegunaannya dalam kehidupan dari aspek norma-norma kehidupan iaitu berunsurkan nasihat, adanya sindiran dan nilai-nilai lain. Penyelidikan ini dibuat bagi memenuhi kelompongan berkaitan dengan tajuk kajian yang telah dilakukan oleh tokoh sarjana-sarjana yang lepas. Pada objektif yang utama bagi kajian ini adalah bagi mengenal pasti bagi penggunaan gaya peribahasa bangsa Melayu berdasarkan teks bagi *Pantun Peribahasa Melayu* yang telah diterbitkan pada tahun 1968. Objektif yang kedua merupakan membuat analisis berkaitan dengan kebolehan bagi penciptaan terhadap sesuatu perkara yang sangat memerlukan satu penguasaan dari aspek daya cipta yang sangat berkesan. Bahkan, objektif juga turut berkait rapat dengan keunggulan dari aspek tempatan melalui aspek nilai dalam pantun peribahasa. Pengkaji hanya menggunakan teks dari koleksi *Pantun Peribahasa Melayu* karya Lo Mun dan menggunakan pendekatan secara kualitatif ia hanya tertumpu kepada Teori Pengkaedahan Melayu. Tuntasnya, penyelidik berusaha bagi melestarikan perlembagaan bagi tradisi Melayu terhadap nilai-nilai yang dapat diterapkan dalam kalangan masyarakat.

Menurut, seorang sarjana yang bernama Zaitun Hassan. Beliau telah menjalankan satu kajian (2015) kajian bertajuk *Manifestasi Citra Alam Dalam Novel* yang bertajuk *Ombak Bukan Penghalang* pengkaji telah menggunakan *Penelitian Firasat Melayu* yang banyak menceritakan berkaitan dengan unsur citra yang wujud dalam novel berkenaan. Pengkaji juga mendapati adanya kekosongan berkaitan dengan tajuk penyelidikan tersebut. Oleh itu, penyelidik turut menyatakan objektif bagi penyelidikan berkenaan bertujuan mengenal pasti dan membuat analisis bagi penggunaan firasat Melayu yang

wujud dalam novel yang bertajuk *Ombak Bukan Penghalang* yang telah diterbitkan pada 2007 yang banyak berunsurkan alam. Pengkaji juga turut menggunakan kaedah secara kualitatif serta Teori Pengkaedahan Melayu yang hanya memfokuskan kepada satu pendekatan yang dikenali sebagai pendekatan Firasat sahaja. Tuntasnya, melalui kajian yang dijalankan ini mendapati masyarakat hidup dalam perpaduan agar kehidupan lebih harmoni.

Menurut, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah kajian telah dijalankan (2016) yang berkaitan dengan penerapan unsur *Nilai Murni* yang terdapat dalam *Cerita Rakyat Melayu* dan menggunakan *Teori Pengkaedahan Melayu* pengkaji telah membuat analisis berkaitan dengan *Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan* Dalam kalangan *Masyarakat Melayu*. Melalui cerita rakyat ini banyak menonjolkan berkaitan dengan aspek-aspek dalam konteks sejarah, budaya, pengalaman dalam kehidupan dan sebagainya. Bahkan, penyelidikan ini dijalankan adalah untuk merumuskan serta merungkai nilai murni yang terdapat antaranya seperti nilai keadilan dan nilai kasih sayang. Pengkaji juga menggunakan kaedah kualitatif dalam metodologi kajian dan pengkaji telah memilih buku *Himpunan 366* berkaitan dengan *Cerita Rakyat di Malaysia* untuk dijadikan rujukan yang utama. Malah, pengkaji telah membataskan hanya memilih empat buah cerita rakyat sahaja dan mengaplikasikan teori Pucuk Pengkaedahan Melayu. Melalui cerita rakyat yang bertajuk *Puteri Ketumpang* dan *Nakhoda Haloba* terdapat unsur kasih sayang. Manakala, nilai keadilan terdapat dalam cerita *Kacang dan Telur Ayam* dan *Awang Selamat*. Dapat disimpulkan bahawa dalam kehidupan masyarakat Melayu nilai-nilai tersebut tidak boleh lari dan kesannya, masyarakat akan hidup harmoni walaupun berbeza agama, umur dan juga status.

Selain daripada itu, Normaliza Abd Rahman dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2016) menerusi *unsur Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Terhadap bangsa Melayu dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Dalam cerita rakyat ini mempunyai banyak memberi teladan dan juga turut memberikan nasihat kepada masyarakat. Objektif bagi



kajian ini untuk mengenal pasti dan juga membuat analisis terhadap nilai-nilai murni terutamanya nilai baik hati dengan cara merujuk kepada cerita rakyat yang telah dipilih. Pengkaji juga hanya menggunakan buku *Koleksi Himpunan 366 Cerita Rakyat* karya Othman Puteh dan juga seorang lagi pengkarya bernama Aripin Said. Bagi penyelidikan ini pengkaji juga turut menggunakan kaedah secara kualitatif yang merujuk terhadap pendekatan kepustakaan dan melakukan analisis terhadap teks. Pengkaji juga turut menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu untuk mendapatkan analisis yang sempurna dan terbaik. Tuntasnya, penyelidik juga dapat membuat huraian berkaitan dengan penyelidikan yang dilakukan adalah mendasari nilai baik hati yang banyak memberi manfaat kepada khalayak agar kehidupan lebih lebih aman dan sejahtera.

Menurut, Mohd Firdaus Che Yaacob, Siti Nur Anis Apandi, Nasirin Abdillah, Shahariah Norain Shahrudin dan Muhammad Izani Ab. Ghani (2017) menerusi *Cerminan unsur Moral yang Positif terdapat Dalam Cerita-Cerita masyarakat Melayu* yang berkaitan dengan aspek moral yang bersifat positif dalam naratif lisan yang telah dipilih. Wujudnya kelompongan berkaitan dengan kajian mengenai urusan hidup bagi masyarakat dalam semua golongan sama ada dewasa dan juga kanak-kanak yang mempunyai kaitan dengan cerita-cerita rakyat terpilih. Objektif bagi penyelidikan ini adalah bagi mengenal pasti dan juga membuat analisis bagi paparan dalam cerita-cerita rakyat yang bersangkutan paut dengan unsur positif yang menjadi gambaran bangsa dan masyarakat. Kajian ini juga hanya memilih cerita rakyat yang bertajuk *Penjual Api Yang Lurus* dan *Raja Kuyuk Dan Awang Yang Lurus*. Pengkaji juga menggunakan pendekatan kualitatif dan berpaksikan kepada Teori Pengkaedahan Melayu bagi memperolehi hujahan analisis yang terbaik. Tuntasnya, pengkaji telah menjumpai nilai-nilai mulia yang boleh dijadikan pengajaran buat khalayak agar kehidupan lebih harmoni.

Lain daripada itu, Kamariah, Nur Syuhada Binti Md Ariffin dan juga Kamaruddin (2017) menerusi *Personaliti Agama Islam Menurut Pandangan Al-Ghazali dalam sebuah novel yang bertajuk Novel Tuhan Lebih Saintifik* karya Farhan Hadi yang banyak

membahaskan berkaitan dengan personaliti Al-Ghazali menerusi perwatakan beliau yang terpuji dan sebaliknya. Bertujuan untuk menganalisis dan mengenal pasti personaliti Islam novel tersebut. Pengkaji telah menggunakan pendekatan satu pendekatan iaitu pendekatan Sosiologi dan turut menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu untuk membuat analisis penyelidikan ini. Terdapat empat perwatakan terpuji iaitu syukur, reda, sabar dan tafakur manakala perwatakan yang tidak terpuji ialah hasad dengki, takbur dan panas baran. Bahkan, kajian ini juga ada menceritakan berkaitan dengan synopsis bagi novel *Tuhan Lebih Saintifik* berdasarkan konflik keyakinan Dr. Donald yang merupakan seorang ahli dalam bidang akademik Malaysia yang berkaum India. Tuntasnya, kajian ini mendapati adanya konflik berkaitan dengan kepercayaan beliau berlaku sewaktu beliau melanjutkan pelajarannya ke peringkat Doktor Falsafah di Australia serta England dalam bidang anatomi.

Selain itu, menurut Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017) melalui kajiannya yang bertajuk *Penerapan Unsur Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Melayu dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Sarjana telah melakukan analisis nilai kasih sayang dan nilai keadilan dalam masyarakat Melayu berkaitan dengan nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat. Kajian ini memfokuskan berkaitan dengan menganalisis dan juga mengenal pasti nilai-nilai yang adil dan kasih sayang dalam kumpulan masyarakat. Penyelidikan yang dilakukan ini terbatas melalui cerita-cerita rakyat yang terdapat unsur nilai kasih sayang seperti *Batu Belah Batu Bertangkup* dan *Nakhoda Haloba*. Dalam cerita rakyat pula yang adanya unsur keadilan ialah *Awang Selamat* dan *Kacang Dan Telur Ayam*. Menggunakan kaedah secara kualitatif dan juga pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu dalam penyelidikan ini bagi mendapatkan hasil analisis yang berkualiti. Tuntasnya, cerita rakyat ini menerapkan nilai murni yang boleh dijadikan sebagai tauladan.

Antara, menurut Mohd Saberi Muda (2017) berdasarkan kajian yang berjudul *Puisi menjadi Teater: Transformasi Karya Marzuki Ali* yang memberikan penekanan terhadap

pengarang dan juga kepengarangan oleh Marzuki Ali yang merupakan seorang pelakon teater dan juga penyair. Objektif bagi kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan membuat analisis berkaitan dengan puisi-puisi karya beliau menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Antara contoh transformasi penulisan puisi-puisi ialah seperti *Dasila Rancau Satwa Luka Rimba Tropika* dan *Jeritan Satwa*. Berdasarkan kajian yang dijalankan pengkaji dapat melihat proses-proses kreatif seperti penjelmaan, pemindahan, pertentangan, penyesuaian dan juga peniruan dalam puisi.

Selain itu, Yusmilayati Yunos, Zubir Idris, Muhd Norizan Jamian, Muammar Ghaddafi Hanafiah (2017) berkaitan dengan *Komunikasi Bukan dalam bentuk Lisan: Alamat Kedutan (Denyutan) Berdasarkan Mujarrobat* yang membincangkan berkaitan dengan makna bagi perkataan kedutan atau denyutan dalam sebahagian masyarakat. Kedutan (denyutan) ini adalah fenomena sangat istimewa yang terjadi kepada anggota badan antaranya seperti pergerakan tubuh badan yang bergerak dengan sendirinya tiada punca yang nyata. Masyarakat bangsa Jawa mengatakan bahawa kedutan (denyutan) adalah petanda untuk sebarang kemungkinan yang akan berlaku. Ia menjadi satu kepercayaan bagi mereka dan ia merupakan satu fenomena yang dinamakan sebagai *eling lan* waspada iaitu ingat dan waspada serta bagi konteks yang lain pula adalah *sabar lan nrima* yang bermakna sabar dan menerima. Kajian ini telah menggunakan Pendekatan Firasat yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Tuntasnya, ini merupakan kepercayaan bagi masyarakat Jawa dan mereka sangat menjaga setiap tindakan dan kelakuan dan ia masih diamalkan bagi masyarakat Jawa supaya mereka berwaspada setiap tingkah-laku mereka.

Lain daripada itu, Fadzil Yusoff (2017) *menerusi Pemaknaan Kosmologi Biotik yang terdapat Dalam Kumpulan Puisi Salasilah Karya Zurinah Hassan Dari Sudut Teori Pengkaedahan Melayu* yang membahaskan berkaitan dengan pemaknaan bagi pendidikan, akhlak, kemiskinan, kasih sayang, kepimpinan, kesetiaan, perpecahan, jati diri, kemanusiaan serta pertelegahan ideologi. Teori Pengkaedahan Melayu digunakan

untuk membuat analisis terhadap puisi yang berkaitan dengan alam. Ia merupakan hasil dari kreativiti dan juga kesedaran khalayak dalam seni kesusasteraan yang merupakan alat untuk membentuk moral, jiwa, kemajuan bagi bangsa dan sekaligus masyarakat juga akan memperoleh kebaikan dalam kehidupan seharian. Terdapat dua konteks yang utama bagi Teori Pengkaedahan Melayu iaitu adanya Pendekatan Alamiah dan Pendekatan Keagamaan. Tuntasnya, teori ini mampu memperluaskan lagi pemikiran penulisan dan juga pengkarya iaitu dengan cara mengetahui akan bangsa Melayu ini sangat kaya-raya dengan keindahan bahasa dalam penulisan karya.

Seterusnya, Chong Ah Fok pada tahun 2018 menerusi *Prinsip dan juga Konsep Moral aspek Alamiah yang terdapat dalam Novel S.A.B.A.* Membahaskan berkaitan teori aspek moral alamiah yang berkait rapat dengan Teori Pengkaedahan Melayu. Teori ini telah dibuat oleh Hashim Awang pada tahun 1989 serta teori ini juga turut mempengaruhi beberapa orang sarjana Malaysia dan juga Brunei yang tidak mahu dikategorikan sebagai “Lubang Buaya” yang bermakna golongan intelektual Barat yang buta tuli bagi Malek B.Badri (1989) yang merupakan jargon ahli jawa Islam. Melalui teori Pengkaedahan Melayu dapat mewujudkan pemikiran yang baharu berdasarkan Teori Alamiah. Ia berperanan sebagai satu kejadian bagi alam yang mengandungi nilai estetik, proses-proses, bentuk dan juga sistem dalam bentuk lisan mahupun tulisan.

Menurut, sarjana yang bernama Qurratul 'Ain Abdul Rahim dan Mawar Safei (2018) berdasarkan *Introspeksi Dalam Tujuh Puluh Tujuh Tuju: Siri Ingatan Terhadap Rakan* yang merumuskan berkaitan dengan pemikiran masyarakat Melayu berdasarkan aspek “introspeksi” yang sangat mempunyai hubungan berkaitan cerminan diri seseorang. Terdapat jurang terhadap kajian tersebut. Objektif bagi kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperibadian-keperibadian yang telah digambarkan dan ditonjolkan oleh Rasulullah SAW dan membuat analisis berkaitan dengan introspeksi yang menitikberatkan kepada kemasyarakatan terutamanya persahabatan serta membuat analisis introspeksi intonasi bagi pengucapan-pengucapan puisi menerusi diksi dan juga

metafora. Penyelidikan ini telah menggunakan kaedah secara kualitatif melalui teks, kepustakaan serta lain-lain lagi. Bahkan kajian ini juga hanya menggunakan ayat “introspeksi” berdasarkan puisi-puisi karya Zaen Kasturi *iaitu Tujuh Puluh Tujuh Tuju: Siri Ingatan Kepada Rakan* dan juga menggunakan turut menggunakan pendekatan dakwah serta Teori Pengkaedahan Melayu. Tuntasnya, penyelidikan ini mempunyai amanat yang cuba disampaikan melalui introspeksi dalam puisi.

Menurut, sarjana yang bernama Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menerusi *unsur-unsur Murni yang terdapat Dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu yang terletak di negeri Kelantan pengkaji juga turut melakukan satu penelitian berpaksikan teori Pengkaedahan Melayu*. Berdasarkan judul ini ada sebahagian masyarakat yang beranggapan naratif lisan ini sesuatu yang tidak mempunyai faedah. Objektif bagi kajian ini adalah menganalisis dan juga mengenal pasti unsur-unsur nilai murni yang terdapat dalam cerita lisan yang terdapat di sebuah tempat yang dinamakan sebagai Lembangan Sungai Pengkalan Datu di negeri Kelantan. Kajian ini membataskan kepada 43 cerita lisan. Terdapat 22 cerita lisan hasil daripada teks-teks verbatim yang merujuk kepada satu teori yang namakan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai rujukan. Tuntasnya, menerusi Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan ini menepati norma-norma masyarakat kita.

Selain itu, menurut seorang pengkaji yang bernama Che Abdullah Che Ya. Beliau telah menjalankan satu kajian pada tahun 2018 menerusi kajiannya *iaitu Manifestasi Kehidupan Bangsa Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Dengan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu* yang mengisahkan tentang kehidupan khalayak bagi meneruskan kehidupan sebelum bangkit daripada kejadian yang terjadi sewaktu kejadian Peperangan Dunia yang Kedua. Kajian ini dilakukan adalah disebabkan adanya kekosongan dalam kajian-kajian lepas dalam novel yang berjudul *Bedar Sukma Bisu*. Objektif bagi penyelidikan ini adalah bagi menganalisis dan mengenal pasti norma kehidupan bangsa Melayu. Ia berpandukan novel berkenaan dengan mengaplikasikan

kaedah secara kualitatif yang merujuk kepada kepustakaan dan juga analisis- analisis teks berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu. Tuntasnya, dapat dibuktikan bahawa sastera ini dapat mencerminkan akhlak dan nilai kepercayaan dalam kehidupan.

Seterusnya, sarjana yang bernama Nurul Nasuha Mohd Rosle dan Zubir Idris yang telah dilakukan pada tahun 2018 mengenai Nabi Adam Kajian Dijalankan Dengan Menggunakan Satu Teks yang telah melakukan satu analisis berkaitan dengan *Pengkaedahan Keagamaan* yang berkaitan dengan riwayat hidup dan juga sejarah berkaitan dengan asal usul Nabi Adam. Pengkaji melakukan kajian ini kerana adanya masih tidak ramai sarjana yang melakukan kajian berkaitan dengan teks manuskrip *Hikayat Nabi Adam*. Objektif bagi penyelidikan adalah mengenal pasti dan membuat satu analisis berkaitan dengan sejarah ataupun riwayat nabi Adam dan juga nilai keislaman berpegangkan al-Quran dan Sunnah. Ia juga terbatas kerana menggunakan teks-teks dari *Hikayat Nabi Adam* berdasarkan kaedah secara kualitatif dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu dari segi aspek dakwah. Tuntasnya, penyelidik telah mendapati bahawa teks tersebut sangat sesuai untuk dibaca dan difahami oleh semua lapisan masyarakat terutamanya masyarakat Islam.

Antara, seorang sarjana yang bernama Wan Nur Zafirah (2019) telah melakukan satu *Analisis Terhadap Cerpen Yang Terpilih Karya A.Samad Said Dengan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Ini bertujuan untuk menganalisis dan mengenal pasti berkaitan dengan masalah berkaitan dengan nilai-nilai moral berdasarkan *Cerpen Saat Terakhir Dari Tanah Ke Tanah*. Pengkaji menganalisis nilai moral yang wujud dalam kalangan khalayak. Pengkaji juga menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu menerusi pendekatan Moral. Tambahan pula, kaedah yang turut digunakan adalah kualitatif bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan cerpen berikut. Dalam cerpen *Saat Terakhir* yang mempunyai banyak nilai moral. Tuntasnya, nilai moral adalah sangat penting dan perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat terutamanya masyarakat masa pada kini.

Di samping itu, pada tahun 2019 sarjana yang bernama Nadia Ishak dan Kamariah Kamarudin. Melakukan kajian yang berjudul *Pendidikan Bagi Golongan Anak-Anak Menerusi Luqman Yang Terdapat Dalam Novel Ayahanda*. Pengkaji ingin merungkaikan nasihat yang terdapat dalam surah al-Quran iaitu *surah Luqman* bagi membentuk keperibadian anak kecil. Objektif ini adalah untuk menganalisis dan mengenal pasti berkaitan dengan cara pembelajaran golongan-golongan muda yang berpaksikan *surah Luqman*. Batasan penyelidikan ini telah diperolehi daripada novel *Ayahanda* karya Azizi Haji Abdullah. Pengkaji telah menggunakan kaedah secara kualitatif merujuk kepada kepustakaan dan juga teks-teks yang berkaitan dengan Teori Pengkaedahan Melayu. Tuntasnya, dengan berpandukan al-Quran dalam kehidupan akan menjadikan seseorang itu lebih baik pada masa akan datang.

Seterusnya, Kamariah Kamarudin dan Nadia Ishak (2019) terhadap *Konteks Dakwah Yang Terdapat Dalam Novel Yang Bertajuk Suriati Menggunakan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu* yang penuh dengan masalah berkaitan dengan keluarga yang memfokuskan kepada tema keagamaan. Bahkan, penyelidikan ini dilakukan kerana kurang mendapat minat daripada kajian-kajian yang lepas dari sarjana-sarjana terdahulu. Tambahan pula, objektif bagi kajian ini adalah bagi mengenal pasti dan juga menganalisis berdasarkan kemampuan dakwah bagi memperjuangkan diri untuk semua perkara yang berkaitan dengan kebatilan dan juga sekaligus untuk menanam segala kebaikan bagi memperoleh kehidupan yang sejahtera. Penyelidikan ini memfokuskan kepada novel yang bertajuk *Suriati* karya Azizi Haji Abdullah dan penyelidikan ini juga menggunakan kaedah kualitatif serta berteraskan dengan Teori Pengkaedahan Melayu yang sangat dekat dengan Pendekatan Dakwah. Dapat disimpulkan bahawa dengan cara berdakwah ini dapat mewujudkan rasa minat dalam diri untuk mempelajari Islam dengan lebih mendalam lagi.

Menurut, pada tahun 2019 menurut Normaizatul Anis Ahmad dan Halis Azhan Mohd Hanafiah berkaitan dengan tajuknya *Konsep Pemikiran Dalam Agama Islam Konteks*

*Sosioekonomi Yang Terdapat Dalam Cerpen Cahaya Pelita Nurani* yang banyak membahaskan berkaitan dengan kemiskinan dan juga masyarakat telah ditindas dan menyebabkan kejatuhan ekonomi. Objektif bagi kajian ini adalah melakukan analisis dan juga mengenal pasti pemikiran Islam terhadap sosioekonomi. Bahkan, ia juga menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Tambahan pula, dalam cerpen *Aku Belum Mati* ini banyak menceritakan berkaitan dengan penindasan dan juga kezaliman yang telah dilakukan oleh pemimpin Yahudi yang terlatnat dengan melakukan penindasan yang sangat dasyat terhadap rakyat Palestin. Tuntasnya, mellalui peristiwa yang berlaku terhadap rakyat Palestin adalah satu tindakan yang sangat tidak wajar dilakukan kerana hal sebegitu akan memberikan impak yang sangat mendalam terhadap kehidupan seseorang.

Menurut, Nur Shahirah Othman (2020) menerusi kajiannya yang bertajuk *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* berkaitan dengan cerita rakyat yang mempunyai pelbagai mesej yang boleh dijadikan sebagai teladan. Pengkaji melakukan kajian kerana ia memiliki kekosongan terhadap penyelidikan yang dijalankan. Objektif bagi penyelidikan ini adalah untuk membuat analisis serta membahaskan berkaitan akal budi masyarakat Melayu. Malah, teori yang digunakan ialah Teori Pengkaedahan Melayu dan pengkaji juga turut menggunakan kaedah kajian pula ialah secara kualitatif untuk memperolehi maklumat berkaitan dengan buku *Cerita Rakyat 366* dan juga perpustakaan. Dapat disimpulkan bahawa, pemilihan buku-buku cerita rakyat ini mampu menyampaikan mesej yang sangat bermakna berkaitan dengan nilai akal budi tersebut.

Seterusnya, Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) kajian *Faktor dan Kesan Murtad Masyarakat Melayu Menerusi Novel Tuhan Manusia Karya Faisal Tehrani: Satu Penelitian Takmilah*. Kajian yang dijalankan ini sangat menitikberatkan berkaitan dengan isu seseorang yang beragama Islam



murtad yang sering terjadi dalam kalangan masyarakat Melayu yang sangat memberi impak yang sangat buruk sekaligus memberikan gambaran buruk dan tidak elok terhadap berlainan agama. Murtad ini merupakan sesuatu perbuatan yang berkait rapat dengan akhlak dan juga akidah bagi seseorang yang beragama Islam iaitu mereka ingin meninggalkan agama ataupun keluar daripada agama Islam. Tambahan pula, dalam kajian ini banyak menjelaskan berkaitan dengan konsep agama Islam seperti akidah, dakwah dan juga khalifah yang terdapat dalam novel *Tuhan Manusia* karya Faisal Tehrani (2007). Objektif bagi kajian ini adalah untuk menganalisis dan mengenal pasti faktor yang menjadikan seseorang muslim itu murtad. Kaedah kualitatif digunakan iaitu kajian terhadap teks dan kepustakaan. Bahkan, kajian ini turut berlandaskan Teori Takmilah yang sangat berkait rapat dengan ajaran Islam. Tuntasnya, kajian ini banyak memberikan teguran segala perbuatan bagi segelintir masyarakat yang tidak menitikberatkan agama Islam dengan melakukan larangan-Nya.

Begitu juga dengan, Nik Noorafifah Binti Roziman dan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2020) berkaitan kajiannya yang bertajuk *Struktur Dramatik Tangan-Tangan Yang Tinggal Oleh Siti Jasmina Ibrahim*. Ini bertujuan untuk mengenal pasti dan melakukan analisis terhadap struktur dramatik yang ada dalam karya tersebut. Bahkan, kaedah kualitatif telah digunapakai serta Teori Pengkaedahan Melayu untuk pendekatan bagi kemasyarakatan yang sering digunakan dalam penelitian tersebut. Bahkan, kajian ini juga membincangkan berkaitan dengan memberikan keinsafan, kepentingan berpegang teguh kepada ajaran agama Islam.

Antara, Nur Safiah (2020) menerusi kajiannya iaitu *Nilai-Nilai Keislaman Menerusi Cerpen-Cerpen Terpilih Dalam Seuntai Rindu Firdaus Karya Ana Balqis: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Dijalankan bagi membincangkan, merumuskan serta mengenal pasti nilai-nilai Islam yang ada dalam cerpen berkenaan. Bahkan, kaedah kualitatif telah digunakan oleh pengkaji dan Teori Pengkaedahan Melayu juga turut digunakan dalam kajian ini. Dalam kajian ini, pengkaji telah mendapati

adanya nilai-nilai Islam yang terkandung dalam cerpen *Dialog Dua Perempuan, Telur, Rindu Kampung, Mencari Syawal* dan *Rindu Rirdaus*. Tuntasnya, dalam kajian ini sangat memberikan penekanan berkaitan dengan didikan agama Islam. Hal ini kerana, ia merupakan sumber ketakwaan bagi seorang hamba kepada Sang Pencipta.

Di samping itu, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan (2020) berkaitan dengan *Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan* bagi membahaskan berkaitan dengan cerita lisan. Naratif lisan ini adalah merupakan didikan yang harus diterapkan dalam kalangan kanak-kanak kerana ia memiliki adat resam, pantang larang masyarakat Melayu dan juga kebudayaan. Kajian ini untuk mengenal pasti dan juga membuat analisis mengenai akal budi berdasarkan cerita lisan yang terdapat di Kota Bharu. Menggunakan teori Pengkaedahan Melayu telah diaplikasikan serta kaedah kualitatif digunakan dengan cara membuat kajian lapangan dan juga perpustakaan. Tambahan pula, pengkaji juga turut melakukan temu bual bersama responden untuk mencapai segala matlamat bagi kajian yang dijalankan. Tuntasnya, melalui kajian yang telah dijalankan telah mendapati elemen yang berkait dengan akal budi bagi membentuk sifat yang mulia dalam masyarakat seperti keikhlasan, berani menegakkan kebenaran, rasional dan juga daya usaha.

Lain daripada itu, Norzatul Iqma Mohd Noor (2020) berkaitan tajuk kajiannya iaitu *Nilai Kemelayuan Dalam Himpunan Drama Melayu Popular Terpilih Di Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Berkaitan dengan kajian yang dijalankan ia memfokuskan berkaitan dengan unsur seni yang ada dalam drama popular yang terpilih. Seperti yang kita tahu bahawa unsur seni ini adalah satu unsur yang mempunyai keindahan yang sangat sukar digambarkan. Objektif bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti nilai-nilai kemelayuan yang terdapat pada nilai Melayu yang telah dipilih dan juga untuk mengkaji jalinan yang ada diantara nilai kemelayuan yang terdapat pada nilai Melayu yang telah dipilih. Pengkaji menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu

untuk mengkaji berkaitan dengan drama *Setia Hujung Nyawa* dan juga *Teduhan Kasih*. Tambahan pula, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dan perpustakaan untuk mendapatkan data. Oleh itu, kajian yang telah dijalankan ini bertujuan untuk melihat nilai kemelayuan yang terdapat dalam drama. Tuntasnya, kajian yang dijalankan ini mempunyai nilai kemelayuan yang terdapat pada drama yang telah dipilih oleh pengkaji seperti nilai yang bercorak kepimpinan, unsur ketabahan, dan juga nilai memelihara adat dan juga budaya.

Begitu juga dengan, Osman Ayob, Roslan Chin dan Tuan Rusmawati Raja Hassan (2020) melalui kajian yang dilakukannya bertajuk *Analisis Dakwah Dalam Cerpen Cerpen Terpilih Rejab F.I* telah membahaskan berkaitan dengan tatasusila kehidupan masyarakat kita. Masih terdapat kekosongan daripada penyelidikan yang telah dibuat sarjana yang lepas. Objektif bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan juga menganalisis unsur-unsur dakwah yang terdapat dalam cerpen Rejab F.I. Kajian yang dilakukan terhadap cerpen *Papaverine* yang dikaryakan oleh Rejab F.I menggunakan kaedah kualitatif dengan melakukan rujukan teks atau kepustakaan. Bahkan, Teori Pengkaedahan Melayu ini dapat membantu untuk menyelesaikan berkaitan dengan analisis-analisis kajian tersebut. Tuntasnya, terdapat empat tema yang berbeza yang telah dikeluarkan daripada cerpen berkenaan antaranya adalah ilmu, keadilan, takwa dan juga taubat yang telah digambarkan dalam watak perwatakan dan pendekatan dakwah.

Menurut, Mohd Firdaus Che Yaacob, Nur Samsiah Mazlan dan Nasirin Abdillah (2021) dalam kajian yang bertajuk *Citra Masyarakat Dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu* yang membahaskan mengenai naratif lisan sebagai satu citra bagi kemasyarakatan yang digunapakai dalam kehidupan dan juga kebudayaan bagi masyarakat Melayu. Pengkaji melakukan kajian ini kerana masih ada kelompongan berkaitan dengan cerita lisan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan melakukan analisis berkaitan dengan citra masyarakat yang terdapat dalam cerita-cerita

lisan. Pengkaji hanya menggunakan teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* sahaja. Tambahan pula, kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif dengan membuat rujukan kepustakaan dan juga analisis bagi teks. Tuntasnya, kajian yang dijalankan ini sangat bersesuaian digunapakai semua masyarakat terutamanya golongan pelajar untuk dijadikan panduan dalam sesi pembelajaran.

Antara, Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) yang membahaskan berkaitan dengan nilai-nilai ketamadunan yang merupakan amalan khalayak Melayu pada zaman dahulu. Akan tetapi wujud permasalahan dalam kajian yang dijalankan kerana pada masa hari ini masih ada yang beranggapan cerita rakyat ini membosankan. Bahkan, objektif bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan juga menganalisis segala nilai ketamadunan dalam masyarakat Melayu yang terdapat dalam masyarakat di daerah Tumpat, Kelantan. Tujuan kajian ini juga adalah untuk meninjau nilai-nilai ketamadunan yang terdapat dalam ketamadunan cerita-cerita rakyat yang merupakan satu amalan masyarakat dari zaman dahulu sehingga kini. Pengkaji juga turut menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan juga melakukan temu bual bagi memperoleh data-data yang baik. Teori Pengkaedahan Melayu menjadi tunjang dalam kajian yang dijalankan ini. Tuntasnya, melalui kajian ini pengkaji mendapati cerita-cerita rakyat di daerah Tumpat mempunyai nilai ketamadunan jika dilihat dengan teliti.

Selain itu, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan (2022). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan juga membuat rumusan berkaitan dengan unsur kemanusiaan yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat tersebut supaya ia akan membentuk satu jadi siri terutamanya bagi golongan kanak-kanak. Bahkan, cerita-cerita rakyat ini kurang mendapat sambutan. Pengkaji juga turut membataskan satu tempat sahaja iaitu di Tumpat bagi membuat pengumpulan beberapa cerita rakyat Melayu. Pengkaji juga turut menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan temu bual. Walau bagaimanapun, pengkaji juga turut menggunakan teori Pengkaedahan Melayu yang mengkhususkan kepada pendekatan moral. Antara nilai kemanusiaan

adalah belas kasihan, bertanggungjawab dan juga keikhlasan. Tuntasnya, nilai-nilai kemanusiaan berkenaan menunjukkan masyarakat kita sangat kaya dengan etika dan mempunyai lambang Melayu sejati.

Di samping itu, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan (2022) menerusi kajian yang berjudul *Unsur Kebudayaan Dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Roslina Abu Bakar & Aone Van Engelenhoven (2016) menyatakan bahawa kebudayaan dapat dilihat sebagai satu peraturan yang ditetapkan oleh masyarakat kita semenjak zaman nenek moyang kita lagi. Objektif adalah untuk mengenal pasti dan juga membuat analisis dari aspek kebudayaan yang terkandung dalam naratif lisan tersebut. Pengkaji memilih untuk melakukan kajian ini adalah kerana kajian yang berkaitan dengan kebudayaan ini kurang mendapat sambutan para sarjana. Pengkaji juga turut memilih sebanyak sembilan buah cerita daripada naratif lisan. Bahkan, teori Pengkaedahan Melayu ini merupakan tunjang utama dalam membuat hujahan yang kukuh agar ia dapat menepati kesemua objektif yang telah dinyatakan. Bagi metodologi pula, terdapat dua kaedah yang telah dipilih oleh pengkaji antaranya adalah kepustakaan dan juga teks. Malah, hasil daripada dapatan kajian telah mendapati bahawa unsur-unsur budaya ini dapat dilihat dalam pelbagai jenis aspek seperti agama atau kepercayaan, kebudayaan dari aspek kemasyarakatan, peralatan hidup, pengetahuan, kesenian dan juga teknologi. Dapat dirumuskan bahawa masyarakat kita sangat kaya dengan nilai kebudayaan terutamanya berkaitan dengan kehidupan masyarakat terdahulu.

## 2.4 Penutup

Tuntasnya, pengkaji telah mendapati bahawa cerita rakyat ini masih mendapat sambutan dalam khalayak tempatan pada hari ini berdasarkan penemuan-penemuan kajian yang telah dilakukan oleh para sarjana yang sangat handal dalam sorotan kajian. Oleh sebab itu, penyelidik telah memberi penekanan yang sangat baik berkaitan dengan norma yang sering berlaku dalam kalangan bangsa Melayu. Cerita rakyat ini harus diperluaskan dan disebar lagi dalam kalangan masyarakat Melayu agar dapat memupuk perasaan berkaitan aspek kasih sayang dan juga akan membuatkan pengkaji jatuh cinta pada kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik yang lepas demi memartabatkan khazanah-khazanah yang sangat bernilai yang tidak dapat dijual beli. Berdasarkan daripada sorotan kajian yang dijalankan, pengkaji dapat menjadikannya suatu tanda aras dalam menghasilkan pengkajian yang terbaik dan seterusnya boleh dijadikan sebagai panduan dan juga rujukan para pengkaji pada masa lain waktu.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Pada bahagian ini, pengkaji telah menggariskan beberapa aspek penting sebagai garis panduan untuk memastikan projek penyelidikan akhir ini dapat dilaksanakan dengan sistematik, antaranya ialah reka bentuk dalam kajian, kaedah kajian dan pengaplikasian teori yang digunakan dalam menghasilkan penyelidikan yang dijalankan ini.



### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Pengkaji telah membuat keputusan untuk melakukan reka bentuk kajian secara kualitatif. Yang di dalamnya mempunyai dua bentuk kaedah. Kaedah yang pertama ialah kaedah kepustakaan dan yang kedua pula ialah penilitian teks cerita rakyat yang terdapat dalam teks *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan* yang berkaitan dijadikan sebagai bahan rujukan utama.

### 3.3 Kaedah Kajian

Dalam pendekatan kualitatif yang digunakan oleh pengkaji bertujuan bagi mengumpul dan juga memperoleh maklumat yang berkaitan dengan tajuk yang telah dipilih oleh pengkaji adalah Unsur-Unsur Kerohanian Dalam *Teks Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan*.

#### 3.3.1 Kajian Kepustakaan

Pengkaji juga menggunakan kaedah kepustakaan untuk mencari, mengumpul data dan juga maklumat dengan lebih mendalam lagi. Dalam kaedah ini mengandungi pembacaan terhadap dokumen seperti tesis yang dibuat oleh sarjana-sarjana lepas, glosari definisi, jurnal buku-buku dan juga artikel. Segala data-data yang diperoleh dan maklumat yang diperolehi daripada sumber dokumen berkenaan akan ditapis dahulu agar mendapat maklumat yang sahih dan penting. Bahkan, pengkaji juga telah menggunakan perkhidmatan kepustakaan di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan.

#### 3.3.2 Teks

Kaedah rujukan melalui teks cerita rakyat yang terdapat dalam *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan* ini juga sebagai penggerak bagi kajian ini. Pengkaji melalui proses membaca teks, meneliti dan menganalisis unsur-unsur kerohanian dalam teks cerita rakyat yang dipilih menerusi teks cerita rakyat yang terdapat dalam *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan*. Teks cerita rakyat yang terdapat dalam buku ini



merupakan rujukan utama untuk menganalisis unsur kerohanian yang terdapat dalam *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan*. Bahkan, teks cerita rakyat yang terdapat dalam buku ini juga mempunyai pelbagai teladan dan nilai moral. Sehubungan itu, pemilihan teks cerita rakyat yang terdapat dalam buku ini sangat bersesuaian dengan tujuan kajian yang dijalankan. Hal ini demikian kerana, menerusi teks cerita rakyat yang terdapat dalam buku tersebut mempunyai unsur kerohanian yang sangat menarik.

### 3.4 Teori Pengkaedahan Melayu

Teori Pengkaedahan Melayu ini digunapakai dalam kajian yang dijalankan untuk dijadikan sebagai panduan analisis kepada pengkaji agar ia dapat memantapkan lagi penyelidikan. Menurut Hashim Awang (1999) Teori Pengkaedahan Melayu ini adalah merupakan satu cerminan kepada sikap dan nilai budaya dalam melambangkan identiti bangsa Melayu sendiri, Islam, pengasas Teori Pengkaedahan Melayu yang bernama Hashim Awang ini telah membuat penerokaan berkaitan dengan dua pengkaedahan yang saling mempunyai kaitan iaitu Pengkaedahan Alamiah dan juga Pengkaedahan Keagamaan.


#### 3.4.1 Pengkaedahan Alamiah

Menurut Hashim Awang (1993) menyatakan bahawa Pengkaedahan Alamiah ini merupakan pendekatan yang membuat rumusan terhadap konsep iaitu keindahan alam semesta yang tertumpu kepada keindahan, kebaikan, nilai oleh masyarakat dan membuat peninjauan serta berkebolehan bagi mengkritik sesuatu karya kesusasteraan. Bahkan, sastera dianggap mampu menguntungkan masyarakat.

Antara, Hashim Awang (2002) telah menyatakan bahawa Pendekatan Alamiah berkait rapat dengan kehidupan yang mencerminkan alam. Bahkan, ia juga mampu menguatkan lagi kepercayaan bagi seseorang Muslim berkaitan dengan suruhan dan juga kewujudan Allah SWT. Di samping itu juga, yakin bahawa Allah SWT telah

mencipta alam semesta yang penuh dengan keindahan, kebaikan-kebaikan dan juga kelebihan yang wujud semuanya datang dari Sang Pencipta. Tambahan pula, penciptaan yang telah dihasilkan oleh Allah SWT ini berdasarkan kebijaksanaan-Nya, dan nilai-nilai yang wujud dalam setiap penciptaan-Nya itu sendiri.

Seterusnya, Pengkaedahan Alamiah ini mampu dilihat melalui tiga pendekatan pecahannya. Pendekatan tersebut adalah Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat.



Carta 3.4.1: Jenis Pengkaedahan Alamiah

#### 3.4.1.1 Pendekatan Gunaan

Pendekatan Gunaan ialah sebagai suatu perkara yang memberi fokus kepada kebajikan dan penerapan yang ada dalam kesusasteraan yang dibentuk melalui isi yang berteraskan kepada tatasusila dan kelebihan. Menurut, Hashim Awang (1999) menyatakan bahawa ciri-ciri Pendekatan Gunaan yang digambarkan dalam konsep kepercayaan ini merungkai maksud sastera yang ciri-cirinya diperolehi dari konsep penciptaan alam menerusi izin-Nya. Bahkan, penciptaan sastera ini juga berdasarkan kepada sebabnya yang tersendiri, adanya matlamat dan fungsi yang dalam konteks ekstrinsik dan intrinsiknya. Di samping itu, kewujudan sastera ini terhasil daripada

manfaat dan impak yang diperoleh dari kebaikan dari sudut rohani dan jasmani yang memberi impak yang baik kepada kehidupan masyarakat.

#### 3.4.1.2 Pendekatan Moral

Pendekatan Moral ini adalah satu pendekatan yang berlandaskan daripada Pendekatan Gunaan yang memberi cerminan kepada sastera iaitu sebagai bentuk kejadian dan juga objek yang berguna. Pendekatan Moral ini tidak bersifat kepada perkara yang memberikan kebaikan, ia lebih memfokuskan kepada sesuatu kejadian yang membentuk pengalaman hidup dan pengetahuan manusia yang melibatkan persekitaran, kepercayaan, kejiwaan, kebangsaan dan kemasyarakatan. Menurut Hashim Awang (1999) telah mengklasifikasikan ciri-ciri bagi Pendekatan Moral sebagai perkara yang dapat memberi manfaat yang mempunyai nilai yang tinggi berkaitan dengan sesuatu yang lebih konsep pengalaman hidup manusia iaitu dari segi perbuatan, kelakuan, tingkah laku peristiwa dalam diri seseorang untuk dijadikan sebagai pengajaran.

#### 3.4.1.3 Pendekatan Firasat

Merupakan satu fenomena alam semesta yang berkeupayaan untuk membentuk satu pengalaman dalam kehidupan seseorang. Menurut, Hashim Awang (1999) maksud ciri-ciri yang diperoleh daripada Pendekatan Firasat dalam pemerhatian sastera yang memberikan maksud yang sebenar ataupun yang tersirat. Dengan adanya, kewujudan sastera ini akan melahirkan konsep denotasi dan juga konotasi yang menjadikan seseorang itu bertindak dalam meneka dan juga mentafsir sesuatu idea pemikiran yang telah dikemukakan pengkarya. Kesimpulannya, sastera ini memiliki suatu yang tersirat di dalamnya.

### 3.4.2. Pengkaedahan Keagamaan

Merupakan satu pendekatan yang berlandaskan aspek aqidah Islamiah yang memberi fokus kepada keimanan. Bahkan, ia sangat berkait rapat dengan al-Quran dan juga Hadis. Hashim Awang (2002) menyatakan bahawa Pendekatan Keagamaan ini merujuk kepada sifat-sifat keagungan dan juga kekuasaan Allah SWT. Terdapat dua perkara yang utama dalam Pengkaedahan Melayu ini iaitu nilai estetika dan moral.

Seterusnya, menurut Hashim Awang (1999) penggunaan pengkaedahan ini telah dikategorikan kepada beberapa pendekatan iaitu Pendekatan Seni, Pendekatan Kemasyarakatan dan juga Pendekatan Dakwah.



Carta 3.4.2: Jenis Pengkaedahan Keagamaan

#### 3.4.2.1 Pendekatan Dakwah

Pendekatan dakwah ini merupakan perincian berkaitan dengan kekuasaan, keagungan dan juga kebesaran Allah SWT dan sifat-sifat yang berkait dengan keagungan Yang Maha Kuasa dari aspek kesusasteraan. Hashim Awang (1999) menjelaskan berkaitan dengan ciri-ciri yang ada dalam Pendekatan Dakwah dari sudut sastera boleh merujuk

persoalan yang menggambarkan berkaitan dengan kemuliaan dan juga kekuasaan yang melahirkan rasa kecintaan kepada Allah SWT. Selain itu juga, pendekatan ini turut menekankan berkaitan dengan persoalan yang berkait rapat dengan kemurnian dan juga keistimewaan yang ada dalam agama Islam yang boleh membimbing masyarakat Islam kearah yang lebih baik seperti mendekati diri kepada Allah SWT, memperbaiki diri dan mendalami agama Allah dengan lebih mendalam. Tuntasnya, pendekatan dakwah ini wujud disebabkan daripada beberapa aspek seperti amanat serta tema yang berlaku dalam konteks agama telah dikenal pasti masalahnya.

Pendekatan ini merujuk kepada nilai estetika sebagai suatu bentuk yang perlu diketengahkan. Pendekatan ini juga tertumpu kepada aspek keindahan yang sangat penting dalam menjadikan kesusasteraan itu sebagai pokok persoalan. Menurut Hashim Awang (1994) ciri-ciri yang terdapat dalam Pendekatan Seni yang memperincikan kepada nilai-nilai estetika yang berteraskan aspek agama Islam yang ada dalam karya sastera untuk mengamati keindahan yang ada daripada perkara yang terlibat berkaitan dengan tema dan juga watak, sudut pandang, bahasa dan gaya penceritaan.


#### 3.4.2.2 Pendekatan Kemasyarakatan

Merupakan satu bentuk persoalan yang telah memperincikan kepada beberapa perkara utama dari segi manfaat, kebaikan dan keadilan dalam aspek Islam. Ia juga merujuk kepada satu komponen yang bertujuan untuk membentuk kebahagiaan dan keharmonian dalam kehidupan seseorang. Hashim Awang (1994) menyatakan ciri yang perlu ada dalam Pendekatan Kemasyarakatan boleh dilihat melalui sikap ketidakadilan dan semua perihal yang negatif yang mampu meruntuhkan akhlak. Setiap persoalan isi dan juga tema akan merungkai masalah, kepincangan juga perlu diberikan perhatian dalam kalangan masyarakat. Persoalan isi dan tema ini turut memberi fokus kepada kepincangan dalam masyarakat yang perlu diberikan perhatian. Tuntasnya, setiap yang berkaitan dengan persoalan manusia akan merujuk perspektif Islam yang tidak

diterapkan dalam penafian yang realiti dalam khalayak akan membentuk satu propaganda.

### 3.4.2.3 Pendekatan Seni

Pendekatan ini merujuk kepada nilai estetika sebagai suatu bentuk yang perlu diketengahkan. Pendekatan ini juga tertumpu kepada aspek keindahan yang sangat penting dalam menjadikan kesusasteraan itu sebagai pokok persoalan. Menurut Hashim Awang (1994) ciri-ciri yang terdapat dalam Pendekatan Seni yang memperincikan kepada nilai-nilai estetika yang berteraskan aspek agama Islam yang ada dalam karya sastera untuk mengamati keindahan yang ada daripada perkara yang terlibat berkaitan dengan tema dan juga watak, sudut pandang, bahasa dan gaya penceritaan.



Rajah 3.5: Kerangka Konseptual

### 3.6 Penutup

Bab tiga ini penyelidik telah menitik beratkan berkaitan dengan kaedah-kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Penetapan terbagi kaedah penyelidikan dan pengaplikasian teori sangat penting. Ini bertujuan agar kajian yang dijalankan mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan. Di samping itu, ia juga amat penting dalam memastikan semua maklumat yang dikumpul dan diperoleh sesuai dengan tajuk kajian. Malah, penggunaan teori Pengkaedahan Melayu ini membantu untuk memantapkan lagi analisis dan hujah yang dinyatakan. Bahkan, kaedah kualitatif iaitu kepustakaan dan *teks Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan* serta teori Pengkaedahan Melayu digunakan oleh pengkaji bagi menghasilkan satu penyelidikan yang berkaitan dengan unsur kerohanian yang terdapat dalam cerita rakyat berkenaan.

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Pada bahagian ini telah menggariskan sejumlah 14 unsur-unsur kerohanian yang terkandung dalam teks *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan* yang ditulis oleh Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob dan juga Abdul Latif Abu Bakar. Antara unsur-unsur kerohanian ialah ketakwaan, amanah, ketaatan, kesyukuran, pemurah, kesabaran, keprihatinan, keinsafanan, tawakal, keikhlasan, pengorbanan, belas kasihan, kebijaksanaan dan bertanggungjawab serta ia dibahagikan kepada dua iaitu melalui konsep emosi dan juga jasmani. Selain itu, unsur kerohanian ini diaplikasi dengan Teori Pengkaedahan Melayu yang dipelopori oleh Hashim Awang (1989).



## 4.2 Konsep Emosi

Menurut *Kamus Dewan Bahasa* (2005) telah mentafsirkan bahawa emosi ini merupakan suatu perasaan jiwa yang sangat kuat seperti perasaan sedih, gembira, ketakutan dan lain-lain lagi. Bagi memahami dengan lebih mendalam berkaitan dengan konsep emosi dari aspek Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Kementerian Pendidikan Malaysia (1992) telah mengklasifikasikan emosi ini terbahagi kepada tiga aspek yang utama iaitu wujudnya perasaan ketenangan dan setiap kelakuan yang dapat dikawal, mempunyai dan memupuk perasaan kasih sayang dan mempunyai semangat persaudaraan dalam perpaduan. Selain itu, Pusat Perkembangan Kurikulum (1988), telah menegaskan bahawa perasaan ketenangan dan setiap kelakuan ini merupakan satu kepentingan yang akan membolehkan seseorang individu memanifestasikan suatu keadaan yang seimbang dan juga harmonis bagi menghasilkan suatu sahsiah yang baik dan sepadu.

Selain itu, menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (1992), ia juga sekaligus dapat memupuk perasaan kasih sayang bagi konteks pendidikan yang dapat memperkukuhkan emosi bagi individu dalam kehidupan yang telah menghasilkan satu hubungan yang sangat akrab. Di samping itu, menurut Ab. Aziz Yusof (2007) menegaskan bahawa emosi ini didefinisikan sebagai setiap perbuatan atau kegiatan atau pergolakan terhadap fikiran, nafsu, perasaan dan juga keadaan mental yang membuak-buak. Tambahan pula, menurut Afifi Ahmad (2005) menjelaskan bahawa emosi manusia ini terbahagi kepada dua iaitu positif dan juga negatif. Malah, menurut Ab. Aziz Mohd Zin (1999) mengatakan bahawa manusia ini memiliki berbagai-bagai emosi antaranya seperti sedih, marah, kecewa, sukaduka dan lain-lain lagi. Oleh hal yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa melalui konsep emosi ini juga dapat memupuk perasaan kasih sayang dan mempunyai persaudaraan dalam perpaduan dapat dikukuhkan dengan cara pengintegrasian dalam aspek nilai iaitu nilai murni antaranya baik hati, kerjasama dan hormat-menghormati.

#### 4.2.1 Unsur Kerohanian Ketakwaan Menerusi Konsep Emosi

Sebagaimana yang kita yang tahu, dalam al-Quran telah menjelaskan bahawa orang yang bertakwa ini apabila mereka menghadapi ujian dalam kehidupannya mereka akan dapat menyelesaikan masalah mereka. Hal ini demikian kerana, di dalam al-Quran juga ada menyatakan berkaitan dengan takwa menerusi suruh (*At Thalaq*,2-3) yang bermaksud "...Barang siapa bertakwa kepada Allah nescaya Dia akan membukakan jalan keluar baginya dan Dia memberinya rezeki dari arah yang tidak disangkanya...". Menurut Hamka dan Shihab (2013:177) menyatakan bahawa takwa ini diambil dari perkataan *waqa-yaqi* yang membawa maksud menjaga dari segala kecelakaan atau sesuatu perkara yang menyakitkan. Selain itu juga, menurut Shihab (2013) telah menyatakan bahawa perkataan takwa ini disebut sebanyak lima belas kali di dalam al-Quran di samping puluhan perkataan lain yang seangkatan dengannya. Selain itu juga, menurut Hamka dan Ash Shiddieqy (1998:55) menegaskan bahawa ketakwaan itu berasal dari bahasa Arab yang bermaksud menjaga diri daripada melakukan sesuatu yang ngeri.

Takwa merupakan sifat seorang hamba yang sentiasa patuh dan taat kepada semua perintah Allah SWT dan juga menjauhi segala larangan yang telah ditetapkan. Bahkan, takwa adalah satu sifat dari dalaman manusia iaitu perkara-perkara yang terdapat dalam hati dan juga sifat dalaman yang memerlukan sifat yang taat kepada Allah SWT. Selain itu, manusia yang bertakwa akan menggalas tanggungjawab dengan seikhlasnya. Takwa juga dapat dikaitkan dengan perbuatan dan tingkah laku baik yang mengikut prinsip yang telah ditetapkan oleh agama Islam. Menurut ulama lagi, orang-orang yang bertakwa akan mendapat rahmat dari Allah SWT dan akan dimasukkan ke dalam taman-taman syurga kelak. Apabila seseorang itu bertakwa kepada Allah SWT hidupnya dalam keadaan yang tenteram walaupun pada ketika itu individu tersebut diuji dengan dugaan dan ia sangat berkait rapat dengan emosi.

Unsur kerohanian dari aspek ketakwaan dalam konsep emosi ini boleh dilihat dalam cerita rakyat jajahan Bachok yang berjudul *Asal Usul Nama Jelawat*. Di bawah berikut adalah petikan 1 yang memperlihatkan unsur kerohanian tersebut:

Petikan 1

Pada suatu ketika, semasa sekumpulan pemburu itu sedang memburu rusa, mereka telah memulakan aktiviti mereka dengan berselawat kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW tempat di mana mereka mulakan pemburuan itu kini dikenali sebagai Pekan Jelawat.

(Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob & Abdul Latif Abu Bakar, 2023: 3)

Menerusi cerita rakyat tersebut telah menunjukkan situasi kerohanian ketakwaan melalui aspek emosi ini kerana di mana sebuah kampung yang mendapat nama dari seorang lelaki berbangsa Cina yg dikenali sebagai Jelawat. Pada suatu ketika kampung tersebut didatangi lelaki Cina yang datang berbekalkan pokok pisang. Beliau merupakan pendatang yang datang awal ke kampung berkenaan dan beliau sangat suka akan berkebun. Beliau menanam pokok pisang jela yang dikatakan terkenal di Kelantan dan lama kelamaan tempat berkenaan dikenali sebagai Jelawat. Tambahan pula, pada zaman dahulu juga kawasan berkenaan dikatakan pernah terkenal dengan aktiviti memburu rusa. Kampung tersebut dikatakan didatangi oleh pemburu yang datang dari negeri Siam yang hanya datang untuk memburu rusa. Bahkan, pada suatu hari ada sekumpulan pemburu yang datang dari jauh hanya untuk menjalankan aktiviti memburu rusa. Ketika kumpulan berkenaan memulakan aktiviti mereka dengan berselawat kepada Nabi Muhammad SAW di kawasan mereka memulakan pemburuan tersebut. Di mana situasi ini telah menunjukkan bahawa kumpulan berkenaan bertakwa kerana mereka berselawat. Sebagaimana yang kita bahawa selawat ini adalah puji-pujian-Nya di sisi para Malaikat. Selain itu juga, selawat Malaikat juga merupakan doa dan juga selawat bagi orang-orang mukmin ini adalah bertujuan untuk memohon rahmat daripada Allah SWT ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Bahkan, apabila kita berselawat jiwa dan emosi kita akan tenteram serta boleh melakukan sesuatu perkara dengan fokus.

Sehubungan itu, pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu (1989) menerusi pendekatan keagamaan iaitu pendekatan dakwah. Bahkan, menurut Hashim Awang (2002) menyatakan bahawa pendekatan keagamaan ini bermanfaat kepada berlakunya perkembangan berkaitan dengan keunggulan agama Islam. Selain itu juga, dengan pengkaedahan keagamaan ini juga sangat kaya dengan sifat-sifat keagamaan yang acap kali digunapakai. Berdasarkan petikan di atas, pendekatan dakwah telah digunakan oleh pengkarya yang telah merujuk kepada ilmu pengetahuan yang seharusnya ada pada manusia untuk dijadikan sebagai tujuan dan matlamat dalam kehidupan. Maka, berdasarkan cerita rakyat berkenaan pengkarya mahu memberikan kesedaran kepada audiens mengenai kelebihan orang yang bertakwa kepada Allah SWT. Buktinya ia dapat ditonjolkan melalui unsur kerohanian dari aspek ketakwaan yang terdapat dalam cerita rakyat di atas boleh dijadikan sebagai pengajaran kepada semua agar kita semua menjadi manusia yang lebih baik dari sebelumnya. Tuntasnya, menerusi cerita rakyat yang berjudul *Asal Usul Nama Jelawat* yang mempunyai unsur kerohanian ini dapat membuka minda kepada masyarakat supaya sentiasa berpegang kepada Allah serta dengan melakukan ibadah tersebut kehidupan akan lebih tenteram kerana kita sentiasa mengutamakan Allah SWT dalam apa jua yang kita lakukan.

Bahkan, *Jebak Puyuh* cerita rakyat jajahan Tumpat juga turut memaparkan kerohanian ketakwaan dalam petikan 2 yang terdapat di bawah:

Petikan 2

Menjadi kebiasaan, dia akan mula melakukan penangkapan burung selepas sahaja selesai melakukan pekerjaan menanam benih tanamannya. Menjadi rutin harian beliau apabila selesai saja melakukan solat sunat Dhuha, beliau akan terus ke hutan untuk menangkap burung sebagai hasil mata pencarian.

(Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob & Abdul Latif Abu Bakar, 2023: 310)

Menerusi cerita di atas telah memaparkan situasi kerohanian ketakwaan dalam aspek emosi di mana pada masa dahulu terdapat seorang lelaki yang dikenali sebagai Tok Merah. Beliau merupakan seorang petani dan juga penangkap burung yang sangat terkenal pada ketika itu. Beliau diberikan gelaran Tok Merah kerana beliau gemar akan

memakai inai pada rambutnya. Sudah menjadi rutin hariannya yang akan melakukan aktiviti penangkapan burung selepas selesai melakukan penanaman benih tanamannya. Walaupun beliau sangat sibuk dengan rutin hariannya, beliau tidak pernah sesekali meninggalkan solat sunat Dhuha. Solat sunat Dhuha ini telah menjadi kewajipan dalam sehari-harian. Jelaslah menunjukkan bahawa Tok Merah ini merupakan seorang hamba yang bertakwa kerana beliau bukan hanya melakukan amalan atau perkara yang wajib sahaja.

Malah, rajin melakukan amalan-amalan sunnah yang banyak memberikan manfaat dan kebaikan di dunia dan juga di akhirat. Apabila seseorang muslim melakukan amal ibadah yang wajib serta rajin melakukan amal ibadah yang sunat, nescaya kehidupannya bahagia bukan hanya di dunia sahaja malahan di akhirat juga dan ia sangat berkait rapat dengan emosi. Bahkan, seperti yang terdapat dalam jalan cerita berkenaan mengenai solat sunat Dhuha antara kelebihan yang telah dijanjikan jika kita melakukan solat sunat Dhuha antaranya adalah rezeki akan sentiasa mencukupi dan rezeki akan bertambah. Selain itu juga, kelebihan solat sunat Dhuha ini adalah diampunkan segala dosa-dosa yang dahulu. Allah SWT akan mengampunkan dosa-dosa hambanya kerana solat Dhuha ini merupakan antara pintu-pintu keampunan Allah SWT. Bahkan, Rasulullah S.A.W telah bersabda bahawa:

“Barangsiapa yang menjaga sembahyang Duhanya nescaya diampuni Allah baginya akan segala dosanya walaupun seperti buih di lautan.”  
(Hadis Riwayat Ibnu Majah dan at-Tirmidzi)

Manfaat solat Dhuha yang seterusnya adalah mendapat pahala seperti melakukan ibadah Umrah. Jika kita melakukan solat sunat Dhuha ganjarannya seperti kita melakukan ibadah umrah. Bahkan, apabila kita melakukan solat Dhuha jiwa akan menjadi tenang dan Rasulullah SAW telah bersabda:

“Barangsiapa yang keluar dari rumahnya dalam keadaan bersuci untuk melaksanakan solat wajib, maka pahalanya seperti seorang yang melaksanakan haji. Barangsiapa yang keluar untuk melaksanakan solat Dhuha, maka pahalanya seperti orang yang melaksanakan umrah.”

Cerita rakyat ini banyak berunsurkan agama Islam dan ia berfungsi kepada perkembangan agama Islam dan juga keagungan Allah SWT. Perkara ini telah ditonjolkan melalui dari segi pengolahan dan juga persoalan yang telah ditimbulkan. Bahkan, ia juga turut mempertingkatkan unsur kerohanian ketakwaan. Pendekatan Dakwah ini digambarkan dengan melalui Tok Merah bukan hanya melakukan perkara yang wajib sahaja tetapi beliau juga turut rajin melakukan perbuatan yang sunat seperti melakukan solat sunat Dhuha. Walaupun beliau sibuk melakukan rutin harian, beliau tidak sesekali menjadikannya sebagai alasan untuk tidak berbuat demikian. Dapat disimpulkan bahawa, berdasarkan kedua-dua cerita rakyat ini para audiens boleh mengambil kebaikan yang dilakukan oleh masyarakat sebagai pengajaran.

#### 4.2.2 Unsur Kerohanian Ketaatan Menerusi Konsep Emosi

Tambahan pula, menurut Hamka (1999) menegaskan ibadah ini adalah semua perbuatan yang baik-baik antaranya bertani, berniaga, membayar segala hal persekolahan anak-anak dan juga memberi nafkah kepada isteri. Bahkan, Rasulullah SAW bersabda berkaitan dengan hamba yang taat kepada Nabi sekaligus taat kepada Allah SWT. Terdapat hadis yang telah diriwayatkan oleh al-Bukhari (2000M/1420H) yang membawa makna:

Daripada Abu Hurairah r.a.: Sesungguhnya Rasulullah SAW. telah bersabda: Barang siapa yang taat kepada-Ku, maka dia taat kepada Allah SWT, barang siapa yang ingkar kepada-Ku maka dia ingkar kepada Allah SWT dan barang siapa yang taat pemimpin-Ku dia taat kepada-Ku dan barang siapa yang tidak taat maka dia ingkar kepada-Ku.

Selain itu, menurut Al-Hashimi (2003) telah menegaskan bahawa makna hadis berikut menyatakan bahawa hamba yang taat kepada Nabi ini bererti mereka taat kepada Allah SWT juga. Bahkan, golongan yang derhaka kepada Nabi bererti turut menderhaka kepada Allah SWT. Maka dapat disimpulkan bahawa jika kita taat kepada segala perintah Allah SWT sekaligus akan memberi motivasi kepada diri sendiri dengan

melakukan segala amalan dengan ikhlas hanya kerana-Nya sahaja serta jiwa dan emosi akan menjadi lebih tenteram. Oleh hal yang demikian, Allah SWT telah banyak menyatakan berkaitan dengan orang yang taat segala perintah-Nya ini di dalam al-Quran akan mendapat balasan-balasan jika beramal soleh seperti syurga, bidadari, bidadara dan juga kenikmatan yang lain yang tidak terdapat di dunia.

Selain itu, kenyataan ini telah disokong oleh pengkaji yang bernama Azhariah Abdul Kadir (2010), sikap taat ini merupakan satu perihal berkaitan kepatuhan dan juga kesungguhan hati kepada agama dan iman. Lain daripada itu, menurut *Kamus Dewan* (2010), definisi taat ini adalah sentiasa menurut segala perintah. Sikap taat ini adalah perilaku manusia yang dijadikan sebagai rujukan atau panduan. Hal ini demikian kerana, sebagaimana yang kita tahu bahawa manusia dan juga agama tidak boleh dipisahkan. Bahkan, sebagai seorang manusia kita mestilah taat kepada agama masing-masing. Tambahan pula, menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), taat ini adalah kepada sesuatu perkara ataupun kepada golongan yang sangat mulia antaranya seperti ahli keluarga, ibu bapa, masyarakat, pemimpin dan juga agama Islam adalah sangat digalakkan dalam kehidupan masyarakat. Oleh hal yang demikian, pengkaji juga tidak dapat menafikan lagi bahawa taat ini adalah satu nilai kemanusiaan yang sangat digalakkan dipupuk dengan hati yang nurani terutamanya sesama manusia. Bahkan, ia sekaligus akan menjadikan seseorang itu tenang.

Kerohanian ketaatan ini dapat dilihat melalui cerita rakyat yang bertajuk *Pengembara dan Kolam Mistik* yang merupakan cerita rakyat jajahan Jeli. Di bawah adalah petikan 3 yang menonjolkan kerohanian berkaitan ketaatan tersebut:

Petikan 3

Walau bagaimanapun, Musa masih menunaikan kewajipannya sebagai seorang Muslim. Musa segera menunaikan solat Maghrib dengan mengambil wuduk di sebatang sungai. Musa meminta pertolongan daripada Yang Maha Esa supaya dipertemukan jalan secepat mungkin.

(Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob & Abdul Latif Abu Bakar, 2023: 92)

Menerusi petikan tersebut telah menonjolkan berkaitan dengan ketaatan di mana seorang lelaki yang bernama Musa ini. Walaupun beliau dalam kesusahan beliau tetap menunaikan kewajipan beliau sebagai umat Islam. Merujuk kepada surah yang terdapat dalam al-Quran iaitu surah *Alam Nasyrah* ayat 5 membawa makna “Maka sesungguhnya bersama kesusahan itu ada kemudahan”. Dalam ayat surah berkenaan telah menyatakan bahawa Allah SWT berfirman bahawa setiap kesempitan dan juga kesusahan yang berlaku sudah pastinya mempunyai jalan keluar. Sebagai seorang muslim yang bertakwa kita haruslah sabar dalam setiap dugaan yang kita hadapi kerana setiap ujian yang kita hadapi akan banyak memberi pengajaran kepada kita sekaligus jiwa akan menjadi tenang. Bahkan, dalam agama Islam sendiri menggalakkan para umat supaya sentiasa bersabar dalam semua perkara. Hal ini kerana, sifat sabar ini adalah satu sifat mahmudah iaitu sifat yang terpuji.

Cerita rakyat jajahan Pasir Mas yang berjudul *Penunggu Air* juga memiliki unsur kerohanian yang berkaitan dengan ketaatan. Ini dapat dilihat pada petikan 4 di bawah:

Petikan 4

Che Pah mulai menyedari paras air banjir mulai menaik lalu menyuruh anak-anaknya naik ke tingkat paling atas. Tanpa berlengah Wani dan abang-abangnya naik ke tingkat atas. Dalam fikiran Wani mulai mempersoalkan tindakan ibu yang memarahinya.

(Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob & Abdul Latif Abu Bakar, 2023: 208)

Malah, petikan di atas telah memperlihatkan kerohanian ketaatan di mana anak-anak kepada Che Pah menuruti permintaan ibunya tanpa menyoalkan sebarang persoalan. Sebagai seorang anak, kita haruslah taat dan patuh kepada ibu bapa kita selagi ia tidak salah disisi Allah SWT. Seperti mana yang telah difirman oleh Allah SWT dalam surah *Al-Isra'* ayat 23 hingga 24 yang membawa makna:

“Dan Tuhanmu telah perintahkan bahawa jangan menyembah benda lain kecuali Dia serta haruslah berbuat baik kepada ibu bapa dengan sebaiknya. Jika terdapat salah seorang daripada ibu bapa atau sebaliknya sehingga sudah lanjut usia mereka dalam jagaannya. Oleh itu, janganlah kita sesekali bercakap perkataan “ah” kepada mereka dan usahlah menengkin atau mengherdik mereka dan tuturlah perkataan-perkataan yang baik dan mulia kepada mereka.



Selain itu, pada petikan 5 pula turut menonjolkan kerohanian ketaatan melalui cerita rakyat jajahan Pasir Puteh yang berjudul *Jeram Kopeh*. Ini dapat dilihat melalui petikan di bawah.

Petikan 5

Walau bagaimanapun, mereka hanya boleh melihat tetapi tidak dapat menyentuh barang-barang tersebut. Seterusnya salah seorang daripada mereka telah menerima sesuatu dalam genggam tangan (duit) tetapi mereka diberi syarat bahawa mereka tidak boleh melihat barang dalam genggam tersebut sehingga pemuda itu ingin membayar makanan di kedai makan. Dalam genggam tangan pemuda itu, terselit duit yang secukup-cukupnya untuk membayar makanan.

(Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob & Abdul Latif Abu Bakar, 2023: 249)

Bahkan, melalui jalan cerita tersebut telah menonjolkan unsur kerohanian ketaatan di mana pemuda tersebut taat kepada syarat yang diberikan. Sebagaimana yang kita tahu bahawasanya Allah SWT menjadikan manusia kepada dua potensi iaitu positif dan juga negatif. Sebagai seorang hamba yang positif mereka memiliki nilai-nilai murni yang sangat tinggi dalam dirinya. Manakala, manusia yang sikap negatif adalah yang menghancurkan diri sendiri dengan melakukan perkara yang bercanggah dengan perintah Allah dan agama Islam.

Sehubungan dengan itu, pendekatan kemasyarakatan (Hashim Awang, 2002) dapat disaksikan dalam setiap cerita rakyat yang memiliki unsur kerohanian bagi ketaatan ini. Hal ini demikian kerana, ketiga-tiga buah cerita tersebut memaparkan masyarakat yang memiliki perwatakan yang patuh dan juga taat kepada perintah agama Islam. Jika kita patuh dengan segala perintah-Nya hidup kita lebih bahagia serta mendapat keredhaan Allah SWT. Jelaslah, cerita rakyat ini sangat memenuhi segala kriteria yang berkaitan dengan pendekatan kemasyarakatan.

#### 4.2.3 Unsur Kerohanian Kesyukur Menerusi Konsep Emosi

Namun demikian, Tajul Ariffin Nordia dan Nor'aini Dan (1992), nilai syukur ini adalah suatu perilaku ataupun perasaan yang hadir dengan ikhlas. Namun, Hashim Musa

(2008) telah mentakrifkan bahawa bersyukur ini adalah perolehan daripada sesuatu balasan yang diberikan oleh orang lain. Malah, perolehan tersebut digunakan pada jalan yang benar. Bahkan, menurut Harahap (2009) menegaskan bahawa syukur ini adalah salah satu nilai yang baik dan ia sangat penting dalam ajaran agama suci Islam. Di samping itu, nilai tersebut juga sangat relevan dengan masyarakat supaya sentiasa bersyukur dengan setiap pemberian Allah SWT dan sekaligus akan menjadikan diri seseorang tenang dan juga rasa cukup dengan semua kurniaan Allah SWT.

Tambahan pula, menurut pengkaji yang bernama Choirul Mahfud (2014), syukur ini merupakan tanda berterima kasih sekalian manusia terhadap Allah SWT. Bahkan, bersyukur dengan menggunakan sehabis baik rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT bersesuaian dengan kehendak dan juga merupakan tuntutan-Nya kepada makhluk. Selain itu, menurut sarjana yang bernama Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), syukur ini adalah suatu perasaan yang sentiasa merasa cukup dan juga sentiasa bersederhana dalam kehidupan dan juga sentiasa berterima kasih kepada orang sekeliling terutamanya kepada Allah SWT kerana Dia yang memberikan rezeki. Oleh hal yang demikian, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa sikap syukur ini merupakan suatu perbuatan yang sangat dipandang mulia dan sekaligus menjadikan seseorang itu lebih bertakwa kepada segala suruhan Allah SWT.

Seterusnya, unsur kerohanian kesyukuran ini dapat dilihat dalam cerita rakyat jajahan Kuala Krai berjudul *Madrasah Sungai Kenderung* melalui petikan 6 di bawah.

Petikan 6

Dengan kuasa Allah SWT air yang menjulang tinggi tersebut berpusar mengelilingi madrasah tersebut. Madrasah Sungai Kenderung telah dilindungi tanpa sebarang kerosakan akibat banjir tersebut. Keajaiban ini telah memukau mata Pok Teh dan anak muridnya mengenai kejadian tersebut. Oleh yang demikian, Madrasah Sungai Kenderung telah melaksanakan bacaan ayat suci al-Quran, tahlil dan qasidah. Program ini dilakukan sekali dalam setahun sebagai tanda syukur kepada yang Esa. Sehingga kini, Madrasah Sungai Kenderung masih berdiri lagi di tempat asalnya di tepi sungai.

(Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob & Abdul Latif Abu Bakar, 2023: 113)

Kerohanian kesyukuran ini boleh diamati di mana Pok Teh dan anak muridnya melakukan bacaan ayat al-Quran, tahlil dan juga melakukan qasidah. Program-program berkenaan dijalankan adalah tanda kesyukuran ataupun terima kasih terhadap nikmat yang telah diberikan. Sebagai muslim dan muslimat kita haruslah mempunyai sifat bersyukur dalam pelbagai aspek yang perlu ditanam dalam diri kita. Selain itu juga, terdapat banyak kelebihan apabila kita sentiasa bersyukur dan juga menghargai segala pemberian dari Allah SWT antaranya seperti nikmat kesihatan yang baik, usia yang panjang, keluarga bahagia, harta benda dan sebagainya. Hal ini sangat bersangkutan paut dengan konsep emosi kerana, apabila kita redha dengan segala ketentuan-Nya hidup kita akan bahagia dan setiap ujian yang kita hadapi akan adanya jalan penyelesaian.

Selain itu, unsur kerohanian kesyukuran juga dapat dilihat menerusi cerita rakyat jajahan Machang berjudul *Telaga Tok Uban (Mek Kalsum)*.

Petikan 7

Hari berganti hari, akhirnya telaga yang digali oleh Tok Uban telah siap. Dengan ketentuan Allah, hujan turun dengan lebatnya. Air memenuhi telaga yang digali Tok Uban sungai juga dipenuhi air yang mengalir dengan derasnya. Penduduk kampung bersyukur kehadiran Illahi dan berkat doa penduduk kampung hujan akhirnya turun.

(Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob & Abdul Latif Abu Bakar, 2023: 163)

Bahkan, unsur kerohanian ini juga turut dinyatakan di mana penduduk kampung sangat bersyukur kerana akhirnya setelah sekian lama kampung mereka tidak ditimpa hujan. Pada hari tersebut hujan telah turun dengan lebatnya sehingga dapat memenuhi telaga yang telah digali Tok Uban. Sebagaimana yang kita tahu bahawasanya sifat bersyukur adalah terhasil daripada keimanan kita terhadap Allah SWT. Bahkan, dengan bersyukur ini juga turut menjadikan kita sebagai umat Islam yang bertakwa. Di samping itu juga, setiap hal atau perkara yang kita miliki didunia ini bukanlah hanya disebabkan oleh usaha kita sahaja tetapi ia adalah disebabkan oleh kurniaan daripada Allah SWT. Perkara ini juga sangat bersangkutan paut dengan aspek emosi kerana apabila kita bersyukur dengan segala nikmat yang Allah SWT kurniakan hidup kita akan bahagia serta mendapat redha daripada-Nya.

Rentetan daripada itu, nilai kerohanian melalui kesyukuran yang bertunjangkan pendekatan dakwah. Hal ini disebabkan oleh pendekatan dakwah ini berfungsi kerana adanya kemurnian dan juga kelebihan Islam yang akan menimbulkan perasaan hormat tersebut terhadap Islam sama ada orang Islam ataupun bukan Islam (Hashim Awang, 2002). Misalnya, nilai kesyukuran dalam konteks sikap berterima kasih kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat menikmati segala nikmat yang diberikan-Nya kepada hamba-hambanya. Jelaslah, bahawa sikap berterima kasih kepada segala nikmat-Nya. Tuntasnya, sebagai umat Islam kita haruslah panjatkan rasa bersyukur keatas segala nikmat yang diperolehi.

#### 4.2.4 Unsur Kerohanian Pemurah Menerusi Konsep Emosi

Selain itu, menurut sarjana yang bernama Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016), pemurah atau murah hati ini adalah satu perbuatan yang membantu atau menolong dengan ikhlas kepada yang memerlukan walaupun dalam bentuk sokongan moral dan juga kebendaan. Seterusnya, menurut Muhd Norizam dan Nor Asmaa (2018) menyatakan bahawa jika seseorang individu tersebut merupakan seorang yang pemurah dengan cara memberikan sedekah dan juga turut menghulurkan bantuan kepada orang lain ia dikategorikan sebagai pemurah sekaligus bertentangan yang suatu sifat yang dimurkai oleh Allah SWT iaitu sifat mencintai harta dunia. Tambahan pula, kenyataan ini telah disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), telah menyatakan bahawa nilai pemurah atau baik hati ini adalah satu sikap yang tidak berkira atau dikenali sebagai kedekut untuk berkongsi rezeki antara satu sama lain. Oleh hal yang demikian, pengkaji juga turut tidak dapat menafikan lagi bahawa sikap pemurah ini adalah satu nilai kemanusiaan yang penting bagi menjaga keharmonian masyarakat dan juga negara. Bahkan, apabila menjadi seorang yang pemurah sudah semestinya hidup dalam keadaan aman dan damai.

Bahkan unsur kerohanian pemurah boleh dilihat dalam cerita rakyat di jajahan Kuala Krai yang bertajuk *Kampung Pinggir Stong* melalui petikan 8 di bawah.

Petikan 8

Pok Dik telah menemui pelbagai permata di atas Gunung Stong Permata tersebut dibawa pulang ke rumah dan diagih-agihkan kepada anak-anaknya, saudara-mara dan orang kampung. Sifat pemurah Pok Dik telah membuka pintu rezeki dalam kehidupannya. Beberapa tahun kemudian, penduduk kampung mula membina penempatan di kawasan rumahnya.

(Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob & Abdul Latif Abu Bakar, 2023: 110)

Berdasarkan kisah yang dipaparkan jelas menunjukkan unsur kerohanian berkaitan dengan sikap pemurah Pok Dik suka berkongsi rezeki dengan orang sekeliling. Oleh sebab itu, rezekinya sentiasa dimurahkan kerana beliau tidak pernah berkira. Bahkan, orang yang pemurah ini adalah insan yang sangat dekat Allah SWT. Selain itu juga, orang yang berada disekeliling juga turut sayang akan insan yang pemurah.

Selain itu, unsur kerohanian pemurah juga dapat dilihat dalam cerita rakyat jajahan Kuala Krai yang bertajuk *Aksara Sebiji Padi Sebesar Buah Kelapa*. Berikut adalah petikan yang menunjukkan unsur kerohanian berkenaan:

Petikan 9

Hari demi hari, hasil tanaman padi Pak Budi dan Mak Melati semakin banyak tetapi mereka memberikan sebahagian kepada orang yang lebih memerlukan di kampung mereka dan perkhabaran ini telah sampai ke pengetahuan pasangan orang kaya tersebut.

(Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob & Abdul Latif Abu Bakar, 2023: 125)

Cerita rakyat tersebut jelas menunjukkan bahawa sikap pemurah ini. Pak Budi dan Mak Melati sangat tidak berkira dengan rezeki yang diperolehi. Oleh sebab itu, tidak dinafikan bahawa hari demi hari hasil tanaman padinya semakin banyak. Sikap pemurah ini adalah suatu sifat yang harus ada dalam diri seseorang individu. Bahkan sikap pemurah ini adalah merupakan satu sifat yang sangat terpuji. Di samping itu, sifat pemurah ini juga akan melambangkan diri seseorang.

Nilai kerohanian iaitu pemurah yang telah ditonjolkan dalam cerita rakyat yang berjudul *Aksara Sebiji Padi Sebesar Buah Kelapa* telah bertunjangkan pendekatan

kemasyarakatan oleh Hashim Awang (1989) dan sekaligus dapat mengukuhkan lagi ketakwaan dalam menuju ke arah kebaikan. Misalnya, sikap pemurah ini telah menggambarkan masyarakat yang tidak berkira dan sering berkongsi rezeki dengan orang lain terutamanya yang dalam kesusahan. Jelaslah bahawa, dengan penggunaan pendekatan kemasyarakatan ini mendidik individu untuk sentiasa berkongsi rezeki dan sentiasa membantu antara satu sama lain.

#### 4.2.5 Unsur Kerohanian Kesabaran Menerusi Konsep Emosi

Menurut Al-Jauziyah (2006) menegaskan bahawa kesabaran ini adalah menerima dugaan dalam kehidupan. Bahkan orang yang sabar ini juga mampu menghadapi pelbagai keadaan walaupun diuji dengan pelbagai halangan dan rintangan dalam kehidupan. Dengan adanya sikap sabar dalam diri akan menguatkan zahir dan batin untuk meneruskan kehidupan tanpa mempersoalkannya dan juga mengeluh serta orang yang sabar ini juga mampu mengendalikan emosi ketika ditimpa musibah. Selain itu juga, Qaradhawi (2013) menyatakan bahawa sabar ini adalah salah satu akhlak yang diberi perhatian dan dititikberatkan dalam kitab suci Al-Quran. Sama ada ia disebutkan dan dibahaskan dalam surah *Makkiyah* ataupun *Madaniyah*. Jelaslah bahawa, dalam al-Quran banyak menyentuh nilai sabar dan apabila kita sabar dalam menghadapi sesuatu keadaan jiwa akan menjadi lebih tenang kerana sentiasa sabar dengan segala ujian dan juga dugaan yang melanda dalam diri. Hal ini sangat berkait rapat dengan konsep emosi.

Menurut tokoh yang bernama Sundari (2018) menyatakan bahawa sikap sabar ini adalah satu akhlak mahmudah yang sangat penting dan haruslah dititikberatkan oleh semua makhluk. Bahkan, dalam al-Quran turut menyatakan hal yang sama. Ini boleh didapati sama ada dalam surah *Makkiyah* ataupun surah *Madaniyah*. Selain itu juga, sikap sabar ini adalah yang paling utama dan penting kerana ia akan membentuk keperibadian dan juga akhlak seseorang terutamanya orang Islam. Hal ini demikian kerana, untuk menjadi seorang yang beriman ataupun seorang muslim atau muslimah

yang sejati sudah pastinya akan menghadapi pelbagai ujian, kesusahan, gangguan dan juga dugaan yang tidak terlintas dek akal fikiran. Malah, menurut Miskahuddin (2020) menyatakan bahawa, ada segelintir manusia yang sanggup berkorban sama ada dari segi wang ringgit, harta benda dan juga tenaga bagi kelangsungan hidup. Oleh hal yang demikian, pengkaji tidak dapat menafikan lagi bahawa sikap sabar itu adalah satu perkara yang sangat penting bagi memelihara masyarakat daripada mereka melakukan perkara yang bertentangan dengan agama sehingga boleh menjatuhkan aib mereka sendiri.

Kerohanian kesabaran ini dapat dilihat dalam cerita rakyat jajahan Jeli yang berjudul *Tok Mat Balar*. Di bawah merupakan petikan yang menunjukkan kerohanian berkenaan:

Petikan 10

Menginjak usia belasan tahun, Mamat masih lagi diejek dek kerana kekurangannya. Dia telah dipulau dan sama sekali tidak dibenarkan untuk bergaul dengan penduduk kampung. Sedar dengan keadaan itu, Mamat hanya dapat hidup dalam dunianya sendiri sahaja. Hari-harinya dihabiskan dengan bekerja di kebun bersama ayahnya dan di rumah.

(Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob & Abdul Latif Abu Bakar, 2023: 78)

Berdasarkan petikan 10 di atas seorang lelaki yang bernama Mamat seringkali di pulau dek kerana kekurangannya. Sebagai seorang hamba, kita tidak akan lari daripada diuji Allah SWT. Sudah pastinya Allah SWT tidak akan menguji hambanya diluar jangkauan dan kemampuan. Orang yang mempunyai sikap sabar akan merasa ketenangan dan ketenteraman. Selain itu juga, sabar ini merupakan salah satu sifat yang sangat mulia pekerti. Petikan di atas sangat bersangkutan paut dengan kesabaran melalui konsep emosi. Hal ini demikian kerana, jika kita bersabar dengan segala ujian Allah dan berusaha menjauhi segala larangan Allah SWT akan mendapat ganjaran syurga. Orang yang bersabar dengan segala ujian, Allah SWT akan meningkatkan martabat muslim tersebut. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah *Ali 'Imran* ayat 146 yang bermaksud:

“Sesungguhnya, Allah SWT mencintai orang yang sabar dan sentiasa bersama-sama mereka.”

Dalam konteks ini jelas menunjukkan bahawa pendekatan moral yang bertunjangkan teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang, 1898) menggambarkan sikap positif dan juga negatif sebagai panduan dalam kalangan masyarakat. Dalam konteks ini dapat membuktikan bahawa pendekatan moral ini banyak memberikan pengajaran dan juga teladan dalam peristiwa-peristiwa yang terdapat dalam cerita *Tok Mat Balar*. Masyarakat haruslah memberikan sokongan antara satu sama lain serta bantu membantu. Jika seseorang tersebut mempunyai kekurangan sama ada dari aspek zahir mahupun batin, sebagai masyarakat yang prihatin kita perlu memberikan sokongan dalam semua aspek supaya individu tersebut dapat meneruskan kehidupan dengan sempurna serta memiliki semangat yang luar biasa. Jelaslah, sebagai umat manusia kita haruslah bersabar dalam kehidupan kerana ketika di dunia kita tidak lari daripada diuji dengan pelbagai dugaan dan juga halangan. Malah, dengan ujian yang menimpa dapat memantapkan iman dalam diri.

#### 4.2.6 Unsur Kerohanian Keprihatinan Menerusi Konsep Emosi

Seterusnya, *Kamus Dewan* (2015) menyatakan bahawa keprihatinan atau prihatin ini adalah satu sifat mengambil berat terhadap keadaan atau kepentingan seseorang ataupun perhatian terhadap sesuatu benda ataupun perkara. Selain itu, prihatin juga boleh merujuk kepada satu tindakan ataupun sikap yang menunjukkan perasaan seperti memberi sokongan, tolong-menolong atau menyuarakan kebimbangan atau kekusaran terhadap sesuatu keadaan dan juga isu. Oleh hal yang demikian, pengkaji tidak dapat menafikan lagi bahawa sikap prihatin ini juga acap kali digunakan untuk memberi gambaran empati dan perasaan simpati terhadap orang sekeliling ataupun sebaliknya. Bahkan, apabila adanya sikap prihatin dalam diri ia akan menjadikan seseorang itu cakna dengan keadaan sekeliling.



Menerusi cerita *Buluh Kubu* yang merupakan cerita rakyat bagi jajahan Kota Bharu menyajikan kerohanian keprihatinan dalam petikan 11 di bawah:

Petikan 11

Menurutnya selepas peristiwa kedatangan Jepun, satu peristiwa kebakaran rumah telah berlaku di kawasan terbabit. Oleh kerana rasa tanggungjawab dan keprihatinan sosial, masyarakat mengerah tenaga dan keringat membanting tulang menyiapkan rumah baharu mangsa kebakaran pada masa itu. Pelbagai pihak cuba menyalurkan bantuan bagi meringankan beban mangsa terbabit. Mereka tidak mengharapkan balasan upah dan sebagainya.

(Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob & Abdul Latif Abu Bakar, 2023: 132)

Unsur kerohanian seperti keprihatinan ini dapat dilihat melalui paparan petikan yang telah dinyatakan di atas menunjukkan bahawa masyarakat tersebut sangat peka dan prihatin terhadap nasib yang menimpa orang sekeliling mereka. Mereka sanggup melakukan apa sahaja demi kesenangan orang lain tanpa meminta sebarang balasan. Bahkan, sikap prihatin adalah satu amalan yang patut dijadikan contoh dan juga satu budaya dalam kalangan masyarakat. Cerita rakyat ini sangat berkait rapat aspek emosi kerana masyarakat yang digambarkan sangat prihatin dengan masyarakat sekeliling. Bahkan, mereka saling bantu-membantu antara satu sama lain. Jelaslah, masyarakat tersebut tidak boleh melihat orang sekelilingnya dalam keadaan yang sukar. Jika kita memberi bantuan kepada orang yang memerlukan tanpa meminta sebarang balasan, hidup kita akan lebih harmoni.

Rentetan daripada itu, kerohanian keprihatinan ini yang bertunjangkan pendekatan kemasyarakatan (Hashim Awang, 1989). Pendekatan ini berfungsi sebagai medium yang membawa kesejahteraan dalam kehidupan masyarakat. Misalnya, berdasarkan cerita-cerita rakyat berkenaan sangat mementingkan sikap kerjasama antara satu sama lain. Mereka saling membantu sesama sendiri terutamanya yang dalam kesusahan sekaligus dapat merapatkan ukhuwah persaudaraan tanpa mengira status, agama dan juga umur. Tidak dinafikan bahawa, setiap hamba perlu mengutamakan hubungan persaudaraan dalam kalangan masyarakat bagi mendapatkan keredhaan Allah SWT.

#### 4.2.7 Unsur Kerohanian Keikhlasan Menerusi Konsep Emosi

Muhammad Abdul Latif (2012) menyatakan bahawa ikhlas ini adalah satu perbuatan yang hanya mencari redha Allah SWT dan melakukan perbuatan yang baik di dunia. Bahkan, ia juga haruslah menahan diri dan juga hati dari melakukan perbuatan yang sia-sia dan yang bersifat sementara antaranya adalah dari segi aspek kedudukan, hawa nafsu, kemewahan, populariti, penyakit ain dan juga hanya mengharapkan simpati ataupun ihsan orang lain. Selain itu, Ibn Qayyim (1301) menegaskan bahawa makna ikhlas ini adalah mengesakan Allah SWT sewaktu melakukan satu ketaatan. Bahkan, beliau turut menyatakan ikhlas itu membawa maksud kepada segala benda yang bersifat mengotorkan. Dengan adanya sifat keikhlasan dalam diri ini akan menjadikan kehidupan seseorang individu tersebut tenteram.

Tambahan pula, menurut sarjana yang bernama Abdul Halim Salleh (2005) menyatakan bahawa ikhlas ini adalah bebas. Hal ini adalah kerana sewaktu kita melakukan sesuatu perkara dan dilakukan dengan seikhlas hati maka bebas daripada sebarang godaan syaitan dan iblis khususnya. Bahkan istilah ikhlas juga adalah suatu niat dalam melakukan ibadah dan ia hanya kerana Allah SWT sahaja. Malah, menurut Muhammad Abdul Latif (2012) beliau turut menyatakan bahawa ikhlas ini adalah melakukan sesuatu perkara atau perbuatan yang hanya semata-mata untuk mencari redha-Nya. Oleh hal yang demikian, pengkaji tidak dapat menafikan lagi bahawa sifat ikhlas ini merupakan satu sifat yang sangat murni dan ia perlu ada dalam diri setiap individu.

Kerohanian keikhlasan ini juga ditonjolkan dalam cerita rakyat jajahan Pasir Mas yang berjudul *Asal Usul Pasir Mas (Si Pendakwah Bersama Si Pembawa Perahu)*. Di bawah adalah petikan 12 yang menunjukkan unsur kerohanian berkenaan:

##### Petikan 12

Kehadiran mereka seolah-olah memberi pengajaran tentang ilmu agama yang tinggi kerana setiap golongan bermula dari kanak-kanak sehingga ke warga emas diasah dengan ceramah berbentuk pengetahuan menuju ke syurga-Nya. Walaupun begitu, beliau bersama rakannya tidak mendapat sedikit pun bayaran daripada orang kampung kerana

kesempitan kehidupan masyarakat di kampung tersebut yang diibaratkan “kais pagi makan pagi, kais petang makan petang”. Oleh kerana keikhlasannya menyampaikan dakwah, mereka meneruskan perjuangan menyampaikan ilmu Allah kepada penduduk kampung.

(Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob & Abdul Latif Abu Bakar, 2023: 189 & 190)

Unsur kerohanian yang berkaitan dengan keikhlasan ini dapat diamati pada petikan 12 di atas seperti yang kita tahu bahawasanya sikap ikhlas ini merupakan sifat mahmudah yang sangat-sangat dituntut oleh agama Islam. Setiap amalan yang kita lakukan adalah berdasarkan dari niat kita yang sebenar. Jika kita melakukannya kerana Allah SWT kita akan mendapat syafaat di dunia dan juga diakhirat. Tuntasnya, dari sekecil-kecil amalan sehingga sebesar-besar amalan kita haruslah ikhlas dalam melakukannya. Apabila kita ikhlas dalam melakukan sesuatu perkara hidup kita akan menjadi tenang dan juga tenteram sekaligus Allah SWT mengangkat darjat dan juga martabat hambanya.

Nilai kerohanian iaitu keikhlasan menerusi *Asal Usul Pasir Mas (Si Pendakwah Bersama Si Pembawa Perahu)* ini telah bertunjangan teori pengkaedahan Melayu iaitu menerusi pendekatan dakwah (Hashim Awang, 1898). Hal ini demikian kerana, dengan adanya kelebihan dalam bidang agama Islam ia dapat disebarkan dengan masyarakat dan juga boleh dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan. Misalnya, sikap keikhlasan ini telah menggambarkan seseorang yang memiliki kelebihan tidak mengambil kesempatan ke atas orang lain. Jelaslah bahawa, dengan penggunaan Pendekatan Dakwah ini mampu mendidik masyarakat supaya melakukan sesuatu perkara dengan ikhlas.

#### 4.2.8 Unsur Kerohanian Tawakal Menerusi Konsep Emosi

Muhammad Mu'inudinillah Basri (2008) menegaskan bahawa tawakal itu adalah kepercayaan yang seuntuhnya dan hanya menyandarkan diri kepada Allah SWT sahaja dan meyakini bahawa Allah SWT adalah Pemberi Rezeki kepada semua. Selain itu, kenyataan ini telah disokong oleh *Kamus Dewan Bahasa* (2015) menyatakan tawakal tersebut adalah berserah kepada Allah SWT setelah seseorang berikhtiar. Sebagai umat Islam kita haruslah percaya dengan sebulat hati kepada Allah SWT. Tambahan pula, menurut

Sabiq (1982) tawakal ini bermaksud yakin, berserah, percaya dan juga bergantung sepenuhnya kepada Allah SWT. Namun demikian, menurut Asy-Syarqawi (1987) tawakal ini merujuk kepada semua perbuatan dan juga perkara yang berlaku bersandarkan sepenuhnya kepada Sang Pencipta. Bahkan, ia merupakan perkara yang sangat penting dalam agama Islam. Hal ini demikian kerana, pengkaji berpendapat bahawa seseorang itu haruslah dikehendaki melepaskan semua rasa kebimbangan dan juga rasa cemas berkaitan dengan masa depan kepada Allah SWT dan haruslah mempercayai bahawa setiap yang berlaku ada hikmah di sebaliknya. Ia juga merupakan cerminan keyakinan akan kekuasaan dan juga hikmah Allah dalam mengaturkan segala hal benda dalam kehidupan. Bahkan, apabila kita tawakal dengan setiap ketentuan Allah SWT hidup akan menjadi lebih aman dan damai.

Tambahan pula, kerohanian tawakal sangat jelas menunjukkan dalam cerita rakyat jajahan Pasir Mas yang bertajuk *Perompak Durjana Kampung Pauh* menerusi petikan 13 di bawah:

Petikan 13

Seakan-akan tersentak dengan kejadian yang berlaku di depan mata mereka, lalu ketua kampung memohon pertolongan dari Allah bagi mengatasi masalah dan bencana yang berlaku di kampung mereka. Doa mereka telah dimakbulkan oleh Allah SWT apabila kampung mereka telah didatangi tiga orang pemuda pergi ke kampung-kampung bagi menambahkan ilmu mereka.

(Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob & Abdul Latif Abu Bakar, 2023: 210)

Berdasarkan cerita *Perompak Durjana Kampung Pauh* memperlihatkan unsur kerohanian tawakal yang terjadi pada suatu ketika Kampung Pauh telah menjadi sasaran kepada perompak-perompak. Disebabkan itu, penduduk kampung berasa sangat takut untuk keluar dari rumah sehingga menjejaskan rutin harian mereka. Oleh sebab itu, penduduk kampung terutamanya ketua kampung hanya mampu berdoa kepada Allah SWT sahaja kerana pada ketika itu mereka hanya mampu meminta pertolongan dan berlindung kepada Allah SWT. Akhirnya, dengan sikap tawakal dan

sabar mereka, Allah SWT telah memakbulkan doa-doa mereka semua. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah *al-Talaq* ayat tiga yang membawa makna, barang sesiapa yang berserah diri sebulat-bulatnya kepada Allah SWT maka hanya Allah sahaja akan menyelamatkan dan juga membantu mereka. Hal ini sangat bersangkutan paut dengan emosi kerana apabila kita tawakal sekaligus dapat melatih kemandirian.

Melalui nilai kerohanian tawakal ini telah berpaksikan kepada pendekatan moral yang terdapat dalam teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Hashim Awang (2002) telah menyatakan bahawa penggunaan pendekatan moral ini mempunyai kaitan dengan aspek-aspek yang berdasarkan pengetahuan yang diperolehi dalam sepanjang kehidupannya. Bahkan, ia akan membawa impak yang besar sama ada kearah kebaikan ataupun sebaliknya. Misalnya, ketua kampung bagi Kampung Pauh dan juga penduduk kampung memohon sepenuh hati kepada Allah SWT seperti melakukan solat hajat agar masalah yang dihadapi oleh mereka berkaitan dengan perompak-perompak yang kebal tersebut dapat diselesaikan dengan kadar segera. Hal ini demikian kerana, orang yang tidak mempunyai ilmu yang berkaitan tidak akan dapat mengalahkan perompak berkenaan. Oleh hal yang demikian, penduduk kampung bukan hanya bergantung sahaja kepada Allah SWT tanpa melakukan apa-apa. Bahkan, mereka sanggup bersama-sama melakukan solat hajat bagi mendapatkan jalan penyelesaian bagi masalah berkenaan. Sementelahan, tawakal ini adalah kekuatan dari aspek hati bagi individu terutamanya muslim dalam mempercayai dengan sepenuh jiwa dan raga bahawa Allah SWT menentukan segala yang terjadi dalam kehidupan kita. Jelaslah, cerita rakyat yang berjudul *Perompak Durjana Kampung Pauh* ini jelas memaparkan berkaitan dengan sikap tawakal yang menjadi lambang kepada kerohanian dalam diri serta ia boleh dijadikan sebagai panduan dalam membentuk jati diri bagi seorang muslim.

#### 4.2.9 Unsur Kerohanian Keinsafan Menerusi Konsep Emosi

Tambahan pula, menurut *Kamus Dewan* (2015) menyatakan bahawa keinsafan atau insaf ini adalah suatu perasaan belas kasihan ataupun simpati terhadap sesuatu perkara. Ini adalah perasaan di mana seseorang sedar bahawa mereka telah melakukan kesalahan atau tindakan yang tidak baik, dan mereka berasa bersalah atau menyesalinya. Selain itu, menurut Mohd Affandi (1992) menegaskan bahawa asas yang utama bagi akhlak yang mulia bergantung kepada keinsafan diri seseorang yang berlandaskan ketakwaan kepada Allah SWT. Selain itu juga, keinsafan ini mempunyai makna yang sama dengan perkataan taubat. Menurut al-Ghazali (2015) menyatakan bahawa insaf ataupun taubat ini adalah kembali ke jalan yang benar setelah menempuhi jalan yang sesat. Bahkan, menurut Abu Jaib (2015) menegaskan bahawa insaf ataupun taubat membawa maksud kepada penyesalan dosa-dosa maksiat yang telah dilakukan dan berazam untuk tidak akan sesekali mengulangi perbuatan keji berkenaan. Keinsafan sering dianggap sebagai langkah pertama dalam usaha untuk memperbaiki diri atau melakukan perubahan positif. Ia melibatkan pengakuan kesalahan dan kesediaan untuk belajar daripada pengalaman tersebut. Oleh hal yang demikian, pengkaji juga menegaskan bahawa keinsafan ini adalah aspek penting dalam pembangunan diri dan pertumbuhan rohani. Bahkan, apabila seseorang telah insaf dengan segala perbuatan yang telah dilakukan hidup akan menjadi lebih tenang.

Menerusi cerita rakyat jajahan Pasir Mas yang bertajuk *Kisah Sihir Katak Puru* sangat jelas memaparkan berkaitan dengan unsur kerohanian dalam petikan 14:

##### Petikan 14

Aslam meminta maaf kepada kepada Razali kerana dia tidak tahu keluarganya sanggup membuat perkara tersebut kepada mereka. Aslam juga tidak bermusuhan dengan Yazid. Dia terima takdir yang sudah ditentukannya. Razali sungguh menyesal kerana berkata sedemikian pada waktu hari merisik dahulu kepada Aslam. Dia tahu Aslam seorang yang baik biarpun keluarganya begitu.

(Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob & Abdul Latif Abu Bakar, 2023: 231)

Kisah ini menceritakan tentang seorang pemuda yang dikenali sebagai Aslam mohon maaf kepada Razali. Hal ini kerana, keluarga kepada Aslam telah melakukan perbuatan keji yang tidak disangka-sangkakan. Sebagai seorang muslim kita mestilah menjauhkan diri daripada membuat ataupun melakukan perbuatan yang salah disisi agama Islam kerana akan dimurkai Allah SWT dan juga turut mengundang dosa. Malah, sebagaimana yang kita tahu bahawa sebaik-baik pendosa adalah manusia yang menyesal dengan perbuatannya lalu bertaubat. Bahkan, ada juga yang menyatakan bahawa apabila kita membuat dosa dengan Allah SWT lalu bertaubat bersungguh-sungguh dan Allah akan mengampuni segala dosanya. Akan tetapi jika melakukan dosa dengan orang, selagi individu berkenaan tidak memaafkan, Allah SWT juga tidak akan mengampuninya.

Oleh hal yang demikian, nilai kerohanian iaitu keinsafan yang ditonjolkan dalam cerita rakyat di atas sangat memberikan impak kepada audiens. Cerita rakyat tersebut selari dengan teori Pengkaedahan Melayu (1989) melalui pendekatan moral. Sedikit sebanyak ia memberi pengajaran dalam mendidik masyarakat pada masa kini. Pemuda yang bernama Aslam mulai redha dengan segala ketentuan Ilahi dan insaf diatas semua kesalahan yang beliau lakukan sehingga menyebabkan berpecah belah antara kedua pihak. Tidak dapat dinafikan bahawa sebagai seorang insan, kita haruslah memiliki sifat keinsafan dalam diri supaya tidak terleka dengan duniawi yang hanya bersifat sementara. Konklusinya, menerusi cerita rakyat yang berjudul *Kisah Sihir Katak Puru* ini mengajar kita kembali ke jalan yang benar dan sentiasa bersyukur dengan segala nikmat pemberian-Nya.

#### 4.2.10 Unsur Kerohanian Pengorbanan Menerusi Konsep Emosi

Selain itu, menurut *Kamus Dewan Bahasa* (2017) pengorbanan ini juga membawa makna kepada pemberian iaitu sanggup membuat atau sama-sama menanggung sesuatu perkara sebagai tanda bakti, kasih sayang dan sebagainya. Bahkan, ia juga adalah satu tindakan yang mengorbankan sesuatu sama ada dari segi wang, usaha,

masa dan sebagainya. Pada kebiasaannya ia memberi kepentingan atau manfaat yang lebih besar ataupun demi orang lain. Oleh hal yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa pengorbanan ini merupakan satu sifat mulia dan juga masyarakat sekeliling akan menyenangi seseorang yang sanggup berkorban demi kebaikan orang lain. Malah, Allah SWT telah berfirman berkaitan dengan hamba-hamba yang berjihad di jalan Allah SWT yang bermaksud:

Orang-orang yang beriman hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah SWT dan Rasulnya, kemudian mereka tidak ragu-ragu dan mereka berjihad dengan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah SWT. Mereka itulah orang-orang yang benar.

(Surah *al-Hujurat* 49:15)

Kerohanian pengorbanan terdapat dalam petikan 15 di bawah menerusi cerita rakyat jajahan Pasir Puteh yang berjudul *Tragedi Bukit Batu Pengasah*:

#### Petikan 15

Ketika sedang menjalani hukuman di penjara, sahabatnya datang melawat. Dia telah meminta pertolongan sahabat baiknya untuk menjaga atau menikahi isterinya sepanjang dia di penjara. Hal ini demikian kerana dia terlalu menyayangi isterinya. Dia tidak mahu kehilangan isterinya itu. Dia berasa bimbang jika isterinya berkahwin dengan lelaki lain. Pada mulanya, sahabat baiknya menolak permintaan tersebut kerana takut jika timbul sebarang masalah yang tidak diingini sehingga menjejaskan hubungan persahabatan mereka. Sahabatnya tidak mahu mengambil risiko kerana khuatir akan jatuh cinta dengan isteri sahabatnya sendiri. Kepercayaan yang diberikan dan menganggap seperti sebahagian daripada keluarga menjadi antara sebab penolakan tersebut. Namun demikian, demi sebuah persahabatan, sahabatnya itu bersetuju untuk menjaga isterinya. Sahabatnya tidak sanggup mengecewakan hatinya. Dia akan menjaga wanita itu tanpa diikat dengan ikatan perkahwinan.

(Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob & Abdul Latif Abu Bakar, 2023: 259 & 260)

Kisah ini menceritakan berkaitan dengan kerohanian pengorbanan. Sebagaimana yang kita tahu pengorbanan ini adalah satu perbuatan yang merelakan, melepaskan ataupun membuat pengorbanan yang sangat berharga bagi kepentingan semua orang. Seperti yang terdapat dalam cerita rakyat di atas, sahabatnya sanggup berkorban demi melihat kebahagiaan isterinya walaupun ia merupakan satu perkara yang sangat berat baginya. Akan tetapi demi isteri yang tercinta beliau sanggup berkorban kasih sayang sehingga meminta rakan baiknya menikahi isterinya demi melihat isterinya bahagia dan juga



kehidupan isterinya lebih baik dari sebelumnya. Pengorbanan ini sangat berkait rapat dengan emosi kerana apabila seseorang itu sanggup berkorban dalam melakukan sesuatu perkara, kehidupannya akan menjadi lebih harmoni.

Rentetan daripada itu, unsur pengorbanan ini juga bertunjangkan kepada pendekatan moral (Hashim Awang, 1989). Hal ini demikian kerana, pendekatan moral ini berfungsi sebagai satu pendekatan yang berkait rapat dengan pengalaman yang dilalui oleh masyarakat sama ada ia positif mahupun negatif (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh kajian yang dilakukan ke atas cerita rakyat melalui nilai pengorbanan ini telah membuktikan bahawa sikap masyarakat kita sanggup berkorban apa sahaja demi melihat kebahagiaan orang lain terutamanya orang yang tersayang. Dalam konteks ini, telah membuktikan bahawa amalan mulia ini perlu ada dalam diri setiap individu supaya masyarakat redha dengan ketentuan-Nya kerana bukan semua yang kita sayang akan menjadi milik kita buat selamanya.

#### 4.2.11 Unsur Kerohanian Belas Kasihan Menerusi Konsep Emosi

Mohd Ali Hashimi (1992) mentakrifkan belas kasihan ini adalah satu perasaan yang sedih dan juga hiba yang muncul dalam hati nurani seseorang individu sewaktu menyaksikan kesusahan dan juga penderitaan yang dihadapi orang lain dan ia mahu membantu orang yang menghadapi penderitaan tersebut dengan suka relanya. Seterusnya, simpati dan juga belas kasihan ini adalah perkara yang sama. Menurut *Kamus Dewan* (2005) perasaan belas kasihan, bertimbang rasa dan sebagainya terhadap sesuatu perkara ataupun disebabkan oleh seseorang terutamanya ditimpa musibah ataupun masalah. Bahkan, belas kasihan ini juga merujuk kepada sifat kepekaan terhadap orang sekeliling dan ia juga cenderung kepada sikap penyayang dan peduli terhadap nasib yang lain. Kenyataan tersebut telah mendapat sokongan daripada Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang berpendapat bahawa belas kasihan ini adalah satu kesan dari aspek emosi yang terdapat dalam diri individu untuk mempunyai perasaan sedih serta sedaya upaya mahu memberi bantuan kepada yang memerlukan.

Kerohanian belas kasihan ini dapat ditonton dalam cerita rakyat jajahan Jeli yang berjudul *Puteri Buluh Perindu Penyembuh Sumpahan Seekor Gajah*. Di bawah berikut merupakan petikan 16 yang menunjukkan unsur kerohanian tersebut:

Petikan 16

Setibanya di rumah, Puteri Buluh Perindu memanggil bapanya dan menceritakan tentang anak gajah tersebut. Puteri Buluh Perindu mencuci luka pada gajah tersebut dan membalut lukanya dengan kain bagi merawat luka tersebut.

(Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob & Abdul Latif Abu Bakar, 2023: 129)

Cerita rakyat ini mengisahkan tentang seorang puteri yang diberi nama Puteri Buluh Perindu yang membantu anak gajah yang luka. Sikap belas kasihan yang terdapat dalam diri Puteri Buluh Perindu itu patut dicontohi semua. Hal ini kerana kita mestilah mempunyai sikap belas kasihan kepada semua makhluk bukannya kepada manusia sahaja. Banyak manfaat yang kita akan perolehi jika sifat belas kasihan ataupun dikenali juga sebagai sifat empati dalam diri antaranya hidup kita akan merasa lebih bahagia, disayangi oleh orang sekeliling dan lain-lain lagi. Ini sangat berkait rapat dengan emosi kerana ia akan mewujudkan perasaan yang sensitif terhadap sesuatu keadaan.

Melalui nilai belas kasihan yang ditonjolkan dalam cerita rakyat yang berjudul *Puteri Buluh Perindu Penyembuh Sumpahan Seekor Gajah* menerusi teori Pengkaedahan Melayu yang telah bertunjangan Pendekatan Kemasyarakatan (Hashim Awang, 1989). Ini adalah kerana pendekatan ini merupakan medium dalam aspek kesejahteraan terutamanya dalam hidup bermasyarakat serta dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara satu sama lain. sebagai contoh, nilai belas kasihan yang ditonjolkan melalui masyarakat yang sentiasa cakna dengan keadaan sekeliling dan saling membantu tanpa mengira sesiapa sama ada manusia mahupun haiwan. Bahkan, perasaan belas kasihan ini juga turut menimbulkan perasaan yang sedih dan sentiasa bersedia memberi pertolongan tanpa disuruh dan balasan. Jelaslah, pendekatan kemasyarakatan ini bertujuan mendidik masyarakat supaya sering melakukan kebaikan dalam kehidupan.

#### 4.2.12 Unsur Kerohanian Kebijaksanaan Menerusi Konsep Emosi

Tambahan pula, Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2001) menegaskan bahawa kebijaksanaan atau juga dikenali sebagai hikmah ini adalah ilmu yang memberitahu akan nazar diri bagi tempat yang sewajarnya. Malah, menurut Mat Rofa (2009) kebijaksanaan ini memiliki makna yang murni dalam falsafah dan juga agama Islam. Kebijaksanaan ini dikenali sebagai ketajaman akal, ketelitian dalam bertindak, kecerdasan dalam pemikiran dan juga kemahiran khas yang dimilikinya. Selain itu, menurut Nor Asma Ab Aziz dan Muhd Norizam Jamian (2016) menegaskan bahawa seseorang individu yang memiliki ilmu secara tidak langsung akan kebijaksanaan mereka akan menyerlah. Bahkan, pengkaji berpendapat bahawa kebijaksanaan ini juga merangkumi tingkah laku dan nilai-nilai yang positif yang menuju kearah kebaikan dan juga kebenaran. Seseorang yang bijaksana ini mempunyai ilmu pengetahuan yang luas serta akan berkongsi ilmu pengetahuannya dengan orang lain.

Kerohanian kebijaksanaan ini dapat dilihat dalam cerita rakyat jajahan Machang yang berjudul *Keajaiban Tokoh Ilmuan Agama*. Di bawah berikut merupakan petikan 17 yang memperlihatkan unsur kerohanian tersebut:

##### Petikan 17

Kemunculan seorang tokoh ilmuan agama yang gagah perkasa, penuh ilmu di dada, baik tutur bicara, disanjung dan dihormati oleh penduduk tanah jajahan tersebut. Seorang penjual barangan purba di kawasan pasar pagi tanah jajahan Machang.

Tok Janggut gelaran diberi. Kisah kematian pahlawan Tok Janggut yang telah menjadi buah mulut di serata dunia kononnya dikatakan tidak benar. Penglipur lara menegaskan bahawa Tok Janggut masih hidup dan menyamar menjadi manusia biasa. Tok Janggut mempunyai keajaiban yang luar biasa iaitu mampu menjelma semula di mana sahaja. Kemampuan beliau yang mampu kembali semula selepas kematiannya menjadi perkara aneh dalam kehidupan.

(Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob & Abdul Latif Abu Bakar, 2023: 168)

Cerita rakyat ini sangat jelas menunjukkan konteks kerohanian dari aspek kebijaksanaan. Petikan di atas jelas menunjukkan bahawa Tok Janggut ini merupakan seorang yang bijaksana dalam semua aspek. Beliau sangat arif dalam menyusun segala

strategi demi mencapai kemahuannya. Bahkan, sebagai seorang tokoh juga sikap kebijaksanaan dan juga keberanian yang luar biasa dalam diri itu adalah perkara yang sangat penting. Jika adanya keberanian ini dalam diri sudah semestinya ia akan berkait rapat dengan emosi kerana individu tersebut akan bertindak dengan bijak dan akan berfikir dahulu sebelum melakukan sesuatu perkara.

Menurut Hashim Awang (2002), melalui pendekatan firasat ini mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan jalan cerita berkenaan. Perkara ini dapat dilihat melalui watak Tok Janggut yang memiliki pelbagai kelebihan yang tersendiri berbanding dengan yang lain. Melalui pendekatan firasat ini beliau boleh hidup kembali dan boleh menjelma di mana-mana sahaja. Oleh sebab itu, pendekatan firasat ini sangat jelas berdasarkan dengan pengamatan oleh Tok Janggut.

### 4.3 Konsep Jasmani

Menurut Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Kementerian Pendidikan Malaysia (1992) telah mengenal pasti ciri berkaitan dengan emosi ini terbahagi kepada dua faktor yang utama iaitu kecergasan fizikal dan juga berkaitan dengan kesihatan diri supaya menggunakan anggota badan dan juga tenaga fizikal diri sendiri untuk hidup berdikari dan juga bermasyarakat. Kementerian Pendidikan Malaysia (1992) telah memberikan satu penjelasan berkaitan dengan kumpulan masyarakat yang bertanggungjawab dalam memastikan keadaan kesihatan bagi badan dalam keadaan stabil dan baik. Di samping itu, menurut Nik Aziz Nik Pa, Rahimi Md. Saad dan Ahmad Zabidi Abd. Razak (2007) menegaskan bahawa harus memiliki ciri holistik dalam aspek rohani jasmani dan emosi seperti yang telah dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hal ini adalah disebabkan oleh perkembangan insan ini bukan hanya merangkumi aspek-aspek kognitif tetapi ia turut menekankan nilai, tingkah laku dan juga sikap seseorang individu. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah berpendapat bahawa setiap individu haruslah menjaga kesihatan supaya boleh hidup dengan berdikari dan menjalani kehidupan yang bermasyarakat. Ini merupakan perkara yang sangat penting dalam setiap diri individu bagi menjalani kehidupan yang bahagia dan harmonis.

#### 4.3.1 Unsur Kerohanian Amanah Menerusi Konsep Jasmani

Selain itu juga, menurut Hamka (1990) sikap amanah ini adalah lebih kepada aspek kehidupan bermasyarakat dan juga negara. Bahkan, amanah ini adalah aspek sosial bagi membangunkan solidariti dalam kalangan masyarakat. Hal ini bertujuan bagi membentuk kerjasama antara individu. Malah, tanpa adanya sikap amanah ini kehidupan masyarakat dan juga negara akan tidak harmoni sehingga boleh menyebabkan pecah belah berlaku. Tambahan pula, Ibnu Katsir (2013) juga turut menegaskan bahawa amanah ini merupakan tugas yang bersangkutan paut dengan agama sama ada perkara di dunia dan juga di akhirat yang merujuk kepada manusia. Malah, dalam perspektif agama Islam mendasari al-Quran dalam surah (*Al-*

*Baqarah*,283) yang berbunyi amanah sebagai hutang atau janji yang harus ditunaikan dan dalam surah (*An Nisa*,58) menegaskan bahawa amanah sebagai tugas yang harus disampaikan pada yang berhak.

Kenyataan tersebut telah mendapat sokongan daripada *Kamus Dewan* (1996) sikap amanah ini merupakan suatu perkara dipercayakan terhadap orang lain. Tambahan pula, menurut Mumtaz, Norzaini dan Mohammed Sani (2010) amanah ini merupakan tanggungjawab yang telah digalaskan kepada seseorang individu maka individu tersebut haruslah tidak sesekali mengambil kesempatan diatas kepercayaan yang telah diberikan. Sikap amanah ini adalah perkara yang sangat penting dalam diri terutamanya sebagai seorang muslim. Sikap amanah ini mencorak manusia dalam melakukan amalan hari-harian. Bahkan, ia juga merupakan sifat yang akan menentukan sama ada baik atau buruk akhlak bagi seseorang dalam melakukan rutin hariannya. Hal ini dikatakan demikian kerana, dalam agama Islam sendiri telah menuntut umat-umatnya untuk berpegang dengan sikap amanah ini dan ia juga telah dinyatakan dalam al-Quran dan juga hadis yang sahih daripada Rasulullah SAW.

Kerohanian amanah ini dapat dilihat dalam cerita rakyat jajahan Bachok yang berjudul *Jin Islam*. Di bawah berikut merupakan petikan 18 yang memperlihatkan unsur kerohanian tersebut:

Petikan 18

Namun, kelebihan yang ada pada Imam Dollah pada waktu itu tidak diuar-uarkan kepada khalayak ramai tetapi hanya berdiam diri sahaja. Hanya ahli keluarga yang mengetahui bahawa dia mampu berjalan di atas air.

(Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob & Abdul Latif Abu Bakar, 2023: 29)

Menerusi cerita rakyat di atas menunjukkan sikap amanah di mana ahli keluarga kepada Imam Dollah tidak menghebohkan akan kelebihan yang dimiliki oleh Imam Dollah. Hal ini kerana, jika perkara tersebut diketahui orang ramai atau masyarakat dikhuatiri perkara yang tidak diigini berlaku. Bahkan, kita juga tidak boleh berlebihan dalam memuji seseorang. Hal ini kerana, sewaktu kita berbicara ataupun bertutur berkaitan

dengan kelebihan seseorang, akan menjadikan individu tersebut tidak selesa dengan perbuatan kita. Selain itu juga, kita juga perlu menjaga sensitiviti orang lain. Hal ini kerana, semua orang mempunyai perasaan dan juga berkemungkinan beliau ingin mempertahankannya sebagai sesuatu yang peribadi. Oleh itu, kita mestilah menghormati privasi dan juga perasaannya. Bahkan, ia sangat berkait rapat dengan jasmani kerana masyarakat tersebut tidak menjaja kisah yang peribadi kerana tidak semua orang perlu tahu akan kelebihan yang dimiliki seseorang.

Selain itu, menurut Hashim Musa (2008) amanah ini adalah keperibadian masyarakat Melayu. Tambahan pula ia telah disokong oleh Swettenham (2015) beliau menyatakan bahawa masyarakat Melayu ini digambarkan masyarakat yang amanah sewaktu melakukan tugas dan senang mendengar serta menerima arahan. Menerusi teori Pengkaedahan Melayu (1989) berdasarkan pendekatan kemasyarakatan oleh Hashim Awang (2002) pendekatan ini bertujuan bagi mencari kebaikan-kebaikan dan juga keadilan dalam kalangan masyarakat seperti yang dituntut dalam Islam. Cerita rakyat *Jin Islam* ini mengisahkan tentang masyarakat yang bersifat amanah. Sebagaimana yang kita tahu bahawa amanah ini merupakan sifat yang mulia. Tuntasnya, pendekatan kemasyarakatan tersebut jelas memberikan impak kepada jalan cerita dimana masyarakat hidup dalam keadaan harmoni antara satu sama lain.

#### 4.3.2 Unsur Kerohanian Keprihatinan Menerusi Konsep Jasmani

Seterusnya, *Kamus Dewan* (2015) menyatakan bahawa keprihatinan atau prihatin ini adalah satu sifat mengambil berat terhadap keadaan atau kepentingan seseorang ataupun perhatian terhadap sesuatu benda ataupun perkara. Selain itu, prihatin juga boleh merujuk kepada satu tindakan ataupun sikap yang menunjukkan perasaan seperti memberi sokongan, tolong-menolong atau menyuarakan kebimbangan atau kegusaran terhadap sesuatu keadaan dan juga isu. Prihatin ini juga acap kali digunakan untuk memberi gambaran empati dan perasaan simpati terhadap orang sekeliling ataupun sebaliknya.

Di samping itu, petikan di bawah menunjukkan kerohanian yang berkaitan dengan keprihatinan melalui cerita rakyat bertajuk *Kebijaksanaan Pok Teh* yang merupakan cerita rakyat bagi jajahan Machang. Di bawah adalah petikan 19 yang menonjolkan kerohanian tersebut:

Petikan 19

Pada suatu hari yang hening, beliau sedang berfikir untuk membantu seluruh penduduk kampung iaitu untuk membina sebuah tempat untuk dijadikan tempat menuntut ilmu. Beliau berusaha keras untuk membantu penduduk kampung ke arah yang lebih baik dengan mengambil beberapa inisiatif untuk merealisasikan apa yang telah dihayatkan.

(Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob & Abdul Latif Abu Bakar, 2023: 159)

Berdasarkan petikan tersebut memaparkan unsur kerohanian di mana seorang individu yang bernama Pok Teh menggembleng tenaga bagi membina sebuah tempat untuk menuntut ilmu. Bahkan, sikap prihatin ini sangat banyak memberikan manfaat kepada masyarakat antaranya akan menjalinkan hubungan silaturrahim yang baik antara satu sama lain, sekaligus dapat memupuk sikap bantu-membantu dalam kalangan masyarakat dapat melahirkan masyarakat atau individu yang mempunyai peribadi yang luhur apabila menolong orang sekeliling dengan ikhlas dan ia sangat berkait rapat dengan konsep jasmani.

Rentetan daripada itu, kerohanian keprihatinan ini yang bertunjangkan pendekatan kemasyarakatan (Hashim Awang, 1989). Pendekatan ini berfungsi sebagai medium yang membawa kesejahteraan dalam kehidupan masyarakat. Misalnya, berdasarkan cerita-cerita rakyat berkenaan sangat mementingkan sikap kerjasama antara satu sama lain. Mereka saling membantu sesama sendiri terutamanya yang dalam kesusahan sekaligus dapat merapatkan ukhuwah persaudaraan tanpa mengira status, agama dan juga umur. Tidak dinafikan bahawa, setiap hamba perlu mengutamakan hubungan persaudaraan dalam kalangan masyarakat bagi mendapatkan keredhaan Allah SWT.



#### 4.3.3 Unsur Kerohanian Tanggungjawab Menerusi Konsep Jasmani

Selain itu, menurut *Kamus Dewan* (2005) tanggungjawab ini bermakna kewajipan yang telah dipikul oleh seseorang individu dan semuanya wajib ditanggung. Ia juga melibatkan sikap kewajaran dan kesedaran terhadap tugas atau komitmen yang telah diambil. Dalam bahasa Melayu, istilah ini tetap sama iaitu bertanggungjawab. Tambahan pula, Hashim Musa (2008) menegaskan bahawa bertanggungjawab ini merupakan kewajipan yang wajib dilaksanakan bagi seseorang individu dan harus menjalankannya dengan bersungguh-sungguh supaya tugas tersebut sempurna dan berjalan dengan lancar. Bahkan, Muhammad Firdaus Che Yaacob (2018) telah menyokong pernyataan ini. Beliau menegaskan bahawa seseorang individu melakukan sesuatu pekerjaan ataupun sesuatu perkara yang telah disuruh oleh individu yang lain dengan bersungguh.

Petikan di bawah menunjukkan kerohanian dalam konteks bertanggungjawab yang dipaparkan dalam cerita rakyat jajahan Tanah Merah yang berjudul *Jambatan Dua Beradik* di bawah:

##### Petikan 20

Setelah berumahtangga, Mat Zin dan adik iparnya iaitu adik beradik Zubaidah sangat akrab. Sudah menjadi rutin harian mereka iaitu pada setiap pagi mereka berdua akan turun ke sawah untuk menolong bapanya iaitu Pak Deraman. Zubaidah pula berasa dialah orang yang paling bahagia kerana bersama dengan orang-orang yang sangat dikasihinya. Selepas suami dan adiknya pergi ke sawah, Zubaidah akan memasak, mengemas rumah serta membasuh kain dan apabila sudah selesai dia akan menunggu suami, adik serta ayahnya pulang di halaman rumah mereka.

(Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob & Abdul Latif Abu Bakar, 2023: 302)

Kerohanian bertanggungjawab dapat dilihat pada petikan 20 di mana sikap tanggungjawab dapat dilihat melalui sikap Mat Zin yang akan ke sawah untuk membantu ayah mertuanya yang bernama Pak Deraman. Selain itu juga, sikap tanggungjawab juga ditonjolkan oleh Zubaidah kerana beliau juga turut menjaga makan dan pakai suaminya. Bahkan, sikap bertanggungjawab ini adalah satu peranan yang sangat dituntut dalam setiap individu. Bukan itu sahaja, ia juga kan turut memupuk jalinan kasih sayang yang

lebih akrab antara keluarga serta ia sangat berkait rapat dengan jasmani kerana mereka tahu akan tanggungjawab yang perlu dilakukan secara zahir dan batin.

Selanjutnya, menerusi tanggungjawab yang terdapat dalam cerita rakyat yang berjudul *Jambatan Dua Beradik* yang juga bertunjangkan teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan moral yang telah digagaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Dengan penggunaan pendekatan moral ini dapat merujuk terhadap pengalaman dalam kehidupan masyarakat sama ada ia memberikan kesan yang baik atau sebaliknya menurut Hashim Awang (2002). Tamsilnya, sikap tanggungjawab ini dapat dilihat dengan cara kehidupan dalam masyarakat bagi melakukan amanah dengan penuh tanggungjawab. Dari aspek tersebut kita dapat lihat dalam berumah tangga kita mestilah melaksanakan tanggungjawab dengan penuh ikhlas agar diberkati oleh Allah SWT sekaligus bantu membantu antara satu sama lain supaya dapat meringankan beban individu lain. Jelaslah bahawa, dengan penggunaan pendekatan ini dapat mendidik masyarakat untuk melaksanakan tanggungjawab dengan amanah supaya hidup diredhai oleh Allah SWT.

#### 4.4 Penutup

Dapat disimpulkan bahawa perbincangan di atas telah menunjukkan bahawa penyelidik sedaya upaya menemukan unsur-unsur kerohanian yang terdapat dalam cerita rakyat yang telah dipilih melalui buku yang berjudul *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan* oleh Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Abdul Latif Abu Bakar. Antara unsur kerohanian yang dapat dilihat antaranya adalah seperti ketakwaan, amanah, ketaatan, kesyukuran, pemurah, kesabaran, keprihatinan, keikhlasan, tawakal, keinsafan, pengorbanan, belas kasihan, kebijaksanaan dan juga bertanggungjawab. Melalui unsur-unsur kerohanian berkenaan ia banyak memberi manfaat seperti dapat memperluaskan cara pemikiran masyarakat dalam membuat penilaian terhadap karya-karya sastera yang lain dan bukan hanya karya genre cerita rakyat sahaja. Selain itu, ia juga sekaligus akan meningkatkan rasa keinsafan dan juga membuka minda masyarakat mengenai gambaran masyarakat yang dinyatakan dalam cerita berkenaan. Hal ini demikian kerana, melalui unsur-unsur kerohanian yang telah dipaparkan dalam cerita-cerita rakyat yang dipilih sedikit sebanyak telah memberi pengajaran dan iktibar kepada semua. Bahkan, menjadikan seseorang itu lebih bersyukur dan juga bertakwa diatas segala nikmat yang telah diberikan oleh-Nya. Tuntasnya, dengan cara tidak langsung unsur-unsur kerohanian ini menjadi bahan teladan dan juga didikan untuk khalayak tanpa mengira peringkat umur, bangsa dan juga agama.

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Pada bahagian ini, penyelidik telah menerangkan secara keseluruhan berkaitan dengan analisis dan juga dapatan kajian yang telah dijalankan. Setelah menjalankan kajian dengan terperinci berkaitan dengan unsur kerohanian dalam teks *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan*, penyelidik telah menemui unsur-unsur kerohanian yang wujud dan diamalkan dalam kehidupan masyarakat semenjak zaman nenek moyang kita terdahulu lagi. Hal ini demikian kerana, masyarakat pada zaman dahulu lagi memiliki keperibadian yang baik dan ia boleh dijadikan sebagai teladan bagi masyarakat pada masa kini. Tambahan pula, penyelidik juga telah membuat analisis berkaitan dengan beberapa unsur kerohanian iaitu ketakwaan, amanah, ketaatan, kesyukuran, pemurah, kesabaran, keprihatinan, keikhlasan, tawakal, keinsafan, pengorbanan, belas kasihan, kebijaksanaan dan juga bertanggungjawab yang terdapat dalam cerita rakyat untuk dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan seharian masyarakat.

## 5.2 Rumusan

Dapat dirumuskan bahawa naratif lisan yang ditonjolkan dalam kalangan masyarakat Melayu ini sangat kaya dengan nilai-nilai kerohanian serta setiap pengisiannya mempunyai pengajaran yang bertujuan bagi memberi didikan kepada generasi anak muda berkaitan dengan kepentingan dalam melakukan perkara yang baik yang dapat mengukuhkan lagi hubungan silaturrahim dengan masyarakat sekeliling. Bahkan, apabila kita melakukan perbuatan yang baik ia tidak akan merugikan kita malah masyarakat sekeliling akan sayang kepada kita dan juga akan menyanjungi kepada kita. Oleh itu, dengan penerapan unsur kerohanian melalui cerita rakyat ini adalah bagi menerapkan unsur-unsur kerohanian ini terhadap masyarakat sekeliling. Impaknya ia akan membantu generasi baru untuk menjaga tingkah laku dan juga perbuatan serta sekaligus menerapkan unsur-unsur kerohanian dalam diri dan mendekatkan diri kepada Allah. Di samping itu, ia juga boleh dijadikan sebagai suatu amalan yang mulia dalam usaha bagi membentuk sahsiah yang sangat mulia.

Tambahan pula, dengan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu melalui unsur kerohanian yang terdapat dalam teks *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan*. Hal ini dikatakan demikian kerana, teori Pengkaedahan Melayu ini mempunyai unsur kait yang sangat rapat dengan kebudayaan dalam kalangan masyarakat Melayu terutamanya dari aspek tingkah laku dan juga pertuturan. Malah, teori ini juga turut berteraskan al-Quran dan juga hadis sahih yang sangat bersesuaian dengan adat resam Melayu. Rentetan itu, unsur kerohanian dalam cerita rakyat ini mampu memberi pengaruh sekaligus dapat mendidik masyarakat melalui ajaran benar yang berteraskan keperibadian yang mulia berpandukan al-Quran dan juga hadis.

Selain itu, kajian yang telah dijalankan yang menggunakan sebuah teks bagi cerita rakyat yang bertajuk teks *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan*, dijadikan sebagai bahan rujukan yang utama. Melalui karya berkenaan jelas memaparkan unsur-unsur kerohanian dalam cerita rakyat di negeri Kelantan Darul Naim. Bahkan, pengkaji

juga turut merasakan bahawa unsur-unsur rohani yang terdapat dalam cerita rakyat di seluruh jajahan Kelantan ini boleh dikembangkan kepada generasi pada masa kini supaya ia boleh dijadikan sebagai teladan. Tuntasnya, unsur-unsur kerohanian ini dapat mempengaruhi serta mendorong masyarakat kini dalam mempraktikkan unsur-unsur berkenaan dalam kehidupan seharian.

Tambahan pula, naratif lisan ini sangat unggul dalam aspek tamadun. Hal ini demikian kerana, ia dapat menerapkan unsur-unsur rohani yang terdapat dalam kalangan masyarakat. sebagaimana yang kita tahu bahawa masyarakat kita sangat kaya dengan sikap yang akan membentuk jati diri. Malah, masyarakat Melayu sangat mengamalkan amalan yang telah diwarisi dari zaman terdahulu lagi. Jelaslah, bahawa naratif lisan ini sangat utuh dalam kalangan masyarakat Melayu sehingga pada zaman kini.

Selain itu, naratif lisan ini dapat berkembang melalui masyarakat di persekitaran mereka. Ini adalah kerana, setiap tingkah laku yang ditonjolkan oleh masyarakat merupakan proses pembelajaran bagi generasi terutamanya generasi yang baru bagi mempengaruhi segala tingkah laku yang dilakukan dalam seharian. Contohnya, masyarakat dapat menerapkan unsur kerohanian dalam diri sekaligus untuk membentuk akhlak dan akidah supaya menjadi seorang hamba yang berguna dan mendapat keredhaan-Nya. Bahkan, masyarakat juga mampu menjadikannya sebagai teladan serta menerapkan ibadah dan juga amalan yang baik dalam kehidupan seharian. Secara tidak langsung, bukan hanya menjadi seorang manusia yang berguna sahaja malah setiap perbuatannya mendapat rahmat daripada Allah SWT.

Setelah berhasil mengkaji cerita rakyat tersebut pengkaji berjaya menemukan beberapa unsur rohani dalam cerita rakyat tersebut. Dapat dirumuskan bahawa pada bahagian bab empat ini, penyelidik telah meneliti dengan sebaik mungkin dan telah berpendapat bahawa kerohanian tersebut merupakan paparan yang positif yang telah ditonjolkan oleh watak-watak yang wujud dalam cerita rakyat terpilih berkenaan. Walau bagaimanapun, penyelidik juga telah mendapati kerohanian ini adalah sangat penting

dan ia perlu ada dalam setiap diri individu. Bahkan, setiap unsur kerohanian yang telah ditonjolkan oleh pengarang memberikan keunikan terhadap buku cerita rakyat teks *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan*, oleh sebab kebijaksanaan dan juga kepintaran pengarang yang mempelbagaikan cara penulisan dan juga banyak menerapkan unsur-unsur rohani dalam mengolah cerita-cerita rakyat bagi melihat pemikiran masyarakat yang diluar jangka serta menilai perkara-perkara yang tersurat mahupun yang tersirat yang telah cuba disampaikan oleh penulis melalui karya ini.

Bahkan, bagi melakukan analisis ini juga yang berlandaskan objektif kajian. Malah pengkaji telah memilih untuk mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu yang menjadi tunjang utama bagi melakukan rujukan dan juga dijadikan sebagai garis panduan dalam memastikan penyelidik ini berjalan dengan lancar serta mendapatkan kajian yang sahih. Hashim Awang telah mengemukakan Teori Pengkaedahan Melayu (1989) sewaktu Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu. Oleh hal yang demikian, ini sangat bersangkutan paut dengan kehidupan dan juga kebudayaan bagi masyarakat Melayu seperti sikap, cara, kepercayaan, amalan dan pelbagai lagi.

Malah, sebagaimana yang kita tahu teori Pengkaedahan Melayu (1989) ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Pengkaedahan Alamiah dan juga Pengkaedahan Keagamaan. Selain itu juga, penyelidik juga telah membuat rumusan bahawa teori berkenaan lahir dari nurani beliau. Tambahan pula, beliau juga merupakan seorang yang berpegang teguh dengan Islam. Perkara ini sangat bersangkutan paut dengan teori Pengkaedahan Melayu (1989) kerana ia memiliki daya kreativiti dan sangat bersangkutan paut dengan pemikiran Melayu.

Menurut Hashim Awang (1997) telah menegaskan bahawa masyarakat Melayu ini telah membentuk dan juga sekaligus membina satu pengkaedahan bagi kesusasteraan yang telah memberi gambaran, mencerminkan jati diri dan juga menjadi lambang kepada masyarakat Melayu. Sebagaimana yang kita tahu bahawa alam dan juga masyarakat saling bersangkutan paut dan tidak dapat dipisahkan serta ia juga memberi pengaruh yang

besar terhadap karya-karya Kesusasteraan Melayu. Tuntasnya teori Pengkaedahan Melayu ini acap kali digunakan oleh pengkarya-pengkarya sastera dan akan menghasilkan satu penulisan yang sangat kreatif yang memberi gambaran terhadap budaya fikiran dan juga akal budi masyarakat Melayu.

Kesimpulannya, unsur rohani ini sangat kaya dengan nilai-nilai yang baik sekaligus ia memberikan pengajaran dan juga kesan kepada para audiens. Bahkan, dengan penerapan unsur-unsur rohani ini dalam diri individu akan mengeratkan hubungan silaturrahim antara satu sama lain, berkasih sayang, saling bantu membantu dan sebagainya boleh diterapkan dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh, di negara kita Malaysia sememangnya kaya dengan sikap masyarakat yang sopan santun, hormat menghormati dan juga bantu membantu antara satu sama lain. Maka, jelaslah bahawa dengan cara penerapan unsur-unsur rohani dalam diri akan melahirkan masyarakat yang patuh dalam agama, sering melakukan kebaikan tanpa rasa terpaksa, sentiasa redha dengan setiap ketentuan Ilahi serta mendapat rahmat daripada Allah SWT.



### 5.3 Cadangan

Pada bahagian cadangan ini, pengkaji banyak memberikan pendapat berkaitan dengan beberapa cadangan yang munasabah bagi golongan tertentu. Hal ini demikian kerana, cadangan ini merupakan aspek yang sangat penting bagi mengusulkan sesuatu perkara yang berkaitan dan mereka boleh mengambil perhatian dan juga mempertimbangkan kesemua nasihat dan juga cadangan yang telah dikemukakan. Malah, paling penting sekali pengkaji telah memperkenalkan topik-topik kerohanian ini kepada masyarakat tanpa mengira peringkat umur, bangsa, pangkat dan lain-lain lagi sama ada ia secara langsung ataupun tidak.

Cadangan yang pertama adalah diajukan kepada para penyelidik pada masa akan datang. Sebagaimana, merujuk semula kepada segala hasil analisis dan juga perbincangan yang telah dilakukan penyelidik. Penyelidik telah pun mengemukakan unsur-unsur kerohanian yang terdapat dalam cerita rakyat di seluruh jajahan Kelantan tersebut. Bahkan, pengkaji juga telah menggunakan sebanyak 20 buah cerita rakyat yang telah disertai pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah memberi saranan supaya kajian yang berkaitan dengan unsur kerohanian ini akan dijalankan oleh para pengkaji pada masa akan datang supaya kajian yang berkaitan unsur tersebut terus berkembang.

Selain itu juga, bagi penyelidik yang baru berjinak-jinak untuk melakukan penyelidikan terhadap unsur kerohanian ini adalah amat disarankan kerana ia mampu meningkatkan jumlah penggunaan bagi buku-buku cerita rakyat ini. Dengan peningkatan penggunaan cerita ini ia akan berjaya menghasilkan analisis yang tepat dan sangat jelas. Walau bagaimanapun, mereka juga boleh menggunakan karya-karya sastera yang berlainan antaranya seperti cerpen, novel dan lain-lain lagi. Di samping itu, pengkaji juga turut menyarankan pada masa akan datang para pengkaji yang baharu ini menggunakan ataupun mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu dalam penyelidikannya walaupun setiap penggunaan prinsip-prinsip berkenaan berbeza-beza. Tuntasnya,

diharapkan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan akan ada penambahbaikan kajian-kajian yang terdahulu yang banyak memberikan idea, pendapat, kefahaman dan juga hujahan dengan mendalam dan ia juga adalah sangat jelas menerusi penulisan yang telah dihasilkan oleh para pengkaji yang terdahulu dan sekaligus ia akan memberi sumbangan iaitu kemudahan kepada pengkaji-pengkaji yang lain untuk melakukan kajian.

Seterusnya adalah cadangan ini diajukan kepada pengurus terbitan bagi karya terutamanya karya sastera. Pengkaji juga telah memberi pendapat kepada pihak berkenaan bagi mempelbagaikan lagi karya-karya sastera khususnya yang hanya menyentuh berkaitan unsur kerohanian sahaja yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat dan lain-lain. Namun demikian, penerbitan karya tersebut bukan bermakna mereka perlu menjelaskan unsur kerohanian semata-mata tetapi ia juga perlu menitikberatkan dari aspek pengolahan dalam pengajaran dan juga nilai-nilai yang memberi manfaat. Contohnya, kerohanian yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut banyak membuka mata kita mengenai segala kebaikan yang dilakukan oleh masyarakat yang terdapat dalam jalan cerita berkenaan. Di samping itu, para audiens yang membaca buku-buku ataupun karya-karya sastera ini dapat mencontohi segala kebaikan dan juga perbuatan masyarakat yang terdahulu. Bahkan, sekiranya karya-karya berkenaan berjaya diterbitkan, pengkaji turut mahu mencadangkan bahawa buku-buku ataupun karya-karya sastera seperti itu diperluaskan lagi pasarannya dan memasuki pasaran di kedai-kedai buku antaranya MBS, SMO Bookstores, Popular, dan pelbagai lagi kedai buku yang berhampiran.

Selain itu juga, kita haruslah menggunakan segala kemudahan teknologi yang sedia ada terutamanya gajet-gajet pada masa kini seperti telefon bimbit. Dengan penggunaan telefon bimbit juga dapat mempromosikan serta menjual karya-karya tersebut secara atas talian. Dengan adanya cadangan-cadangan ini, sedikit banyak ia akan membantu masyarakat untuk mendapatkan buku-buku ataupun karya-karya tersebut dengan lebih

mudah. Malah, apabila buku-buku tersebut diterbitkan lalu dijual kepada masyarakat sudah pastinya akan ada yang berminat dengan buku-buku tersebut lalu mereka akan membelinya. Tambahan pula, dengan cara yang tidak sengaja telah mendedahkan berkaitan dengan unsur kerohanian kepada umum pada peringkat awal. Di samping itu juga, saranan seperti ini juga sekaligus memberikan kefahaman yang sangat mendalam terhadap minda masyarakat supaya para audiens bijak dalam membuat kritikan bagi sesebuah karya.

Tuntasnya, pengkaji sangat berharap segala cadangan yang diusulkan, pihak yang bertanggungjawab dapat memberikan perhatian dan juga mempertimbangkannya kerana ia akan memberikan kesan-kesan yang positif kepada khalayak. Pengkaji juga berharap agar cadangan yang diberikan juga berupaya bagi memperkenalkan berkaitan dengan unsur kerohanian yang boleh dicontohi dalam kehidupan seharian. Bahkan, dengan menerapkan unsur kerohanian dalam diri akan menjadikan kehidupan kita lebih aman damai, sentiasa dilimpahkan rezeki yang meluas, berbahagia bersama keluarga yang tersayang, kehidupan diredhai oleh Allah SWT dan sebagainya.

#### 5.4 Penutup

Sebagai penutup yang terakhir dalam kajian yang dijalankan ini, pengkaji telah mendapati setiap kajian yang dijalankan oleh para pengkaji dalam pelbagai konteks penyelidikan banyak memberikan nilai-nilai yang berharga dalam kehidupan bagi seseorang pengkaji begitu juga dengan diri pengkaji ini sendiri. Tambahan pula, ia dikatakan nilai yang berharga kerana apabila kajian yang dijalankan berhasil, ilmu tersebut dapat dikongsikan kepada masyarakat yang lain. Malah, ini jelas menunjukkan bahawa kajian yang dihasilkan ini akan memberikan serba sedikit pengetahuan yang mendalam terutamanya dalam bidang kesusasteraan Melayu. Di samping itu, pengkaji turut berharap supaya kajian yang dihasilkan ini memberi manfaat dan juga gambaran awal bagi para pengkaji pada masa yang akan datang. Akhir kata, pengkaji juga turut berharap bahawa kajian yang berunsurkan kerohanian ini mendapat perhatian yang mendalam oleh para pengkaji yang baharu supaya unsur ini dapat diperluaskan terutamanya dalam bidang pendidikan.

## RUJUKAN

- Ali Ahmad. (1994). *Pengantar Pengajian Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Jauziyah, I.A. 2006. *Kemuliaan Sabar dan Keagungan Syukur*. Yogyakarta: Mitra Pustaka.
- Asniza Zakaria. (2019). Mahsuri Dan Puteri Lindungan Bulan, Lagenda Kedah Dan Motif Darah Putih. *Jurnal IPDA*, 26(1), 203-211.
- Azhariah Abdul Kadir. (2010). *Ketaatan Rakyat Malaysia Terhadap Kepimpinan Negara Ditinjau Menurut Perspektif Teori Ulu Al-Amr*. Ijazah Sarjana Syariah. Jabatan Siasah Syar'iyah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Che Abdullah Che Ya. (2018). Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 17(2), 328-342.
- Chong Ah Fok. (2018). Prinsip dan Konsep Teori Moral Alamiah Dalam Novel SA.B.A. *Journal of Malay Literature*, 31(2), 311-331.
- Clarice Gallus & Low Kok On. (2016). Tangon Dusun Liwan: Satu Analisis Tema *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 6, 27-54.
- Dilah Tuah. (2022). *Sastera Rakyat Daripada Perspektif Kearifan Tempatan Dan Potensinya Kepada Pelancongan Budaya Di Sarawak*. *Akedemika*, 92(2), 153168.
- Ding Choo Ming. (2013). Sentuhan Intelektual Membaca Karya-Karya Agung Melayu. *Informika: Jurnal Peradaban Informasi dan Ilmu*, 2, 1-20.
- Ezzah'afifah Nasrudin & Che Ibrahim Salleh. (2015). Pemikiran Melayu Dalam Cerita Lipur Lara. *Journal of Business and Social Development*, 3(2), 63-79.
- Fadzil Yusoff (2017) *Pemaknaan Kosmologi Biotik Dalam Kumpulan Puisi Salasilah Karya Zurinah Hassan Dari Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Fifi Anak Rinyuk. (2017). *Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian*. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan (Kesusasteraan Melayu). Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Florina Jumil & Norjietta Julita Taisin. (2017). *Nilai Pendidikan Dalam Tangon-Tangon Masyarakat Kadazandusun*. *PENDETA*, 8, 36-46.
- Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd. (2022). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(4), 1-11.
- Hamka. (1990). *Tasauf Modern*. Jakarta: Pustaka Panji Mas.
- Hamka (1999), *Tafsir Al-Azhar*. 10 j., c. 3. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Hashim Awang. (1999). *Teori Sastera Sendiri: Pengkaedahan Melayu*. *Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

- Hashim Awang. (1993). *Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kajian dan Kritikan Kesusasteraan. Tanah Air*. Dewan Sastera. Februari: 52-57.
- Hashim Awang. (2002). *Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya*. Kertas Kerja Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka, Riviera Bay Resort, Melaka.
- Hashim Awang. (1994). *Metodologi Kesusasteraan Islam: Kaedah Penilaian*. Dewan Sastera, Februari, 10-15.
- Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21 Serdang*: Penerbit Universiti Putra Malaysia. Selangor.
- Hazrul Mazran Rusli. (2018). *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat Cerita Jenaka Melayu Dalam Karya Seni Cetakan Kontemporari*. Tesis Ijazah Sarjana Seni. Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Hazrul Mazran Rusli & Muhammad Abdullah. (2022). Tujuan Dan Fungsi Dalam Konteks Kesusasteraan Rakyat Dan Cerita Jenaka Melayu. *Ideology Journal*, 7(2), 146-153.
- Hazrul Mazran Rusli. (2020). *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) Dalam Karya Seni Cetakan*. *Ideology Journal*, 5(1), 43-56.
- Ibnu Katsir. (2013). *Tafsir Ibnu Katsir*. Jakarta: Pustaka Imam Syafii.
- Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid. (2021). Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang Di Sabah: Heroism Values In Selected Tangon Of The Kimaragang Community In Sabah. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB0)*, 32(1), 175.
- Johari Yahaya (2015) menerusi *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Sastera, Universiti Sains Malaysia, Penang.
- Kamus Dewan. (2005). Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan. (2010). Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan. (2015). Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan. (2016). Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan. (2017). Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1992). *Pukul Latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Minah Sintian. (2015). *Personaliti Ibu Bapa Dalam Teks Cerita Rakyat Kadazan Dusun*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Miskahuddin. Konsep Sabar dalam Perspektif al-Qur'an. 2020. *Jurnal Imiah Al-Mu'ashirah* 17(2): 196-207.
- Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2015). Hikayat Awang Sulung Merah Muda Dari Perspektif Pendekatan Pengurusan: Hikayat Awang Sulung Merah Muda From The Perspective Of The Management Approach. *Jurnal Pengajian Melayu/Journal of Malay Studies (JOMAS)*, 26(1), 95-116.
- Mohd Ali Hashimi. 1992. *Keperibadian Muslim*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn.Bhd.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza ABD Rahim. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Sosial Development*. 4(2), 45-57.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2016). *Impak Cerminan Seni Budaya Berfikir Masyarakat Melayu Ke Arah Kemajuan Multimedia Menerusi Cerita Rakyat, Seminar Budi Dan Nilai Murni*. Falkuti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. 22- 2.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*, 4(2), 48-57.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2016). Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 5(2), 94-107.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab.Ghani, Shahariah Norain Shahrudin & Siti Nur Anis Muhammad Apani. (2017). Cerminan Moral Positif Dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 6, 35-44.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2017). Penggunaan Multimedia Ke Arah Memartabatkan Cerita Rakyat Masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 5(2), 21-35.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2017). Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Melalui Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia Diselenggara Oleh Aripin Said & Othman Puteh. *Journal of Business and Social Development*, 5(2), 67-74.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2018). Penerapan Konsep Menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Creative Futures and Heritage (TENIAT)*, 91-97.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(2), 1-12.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan. (2021). *The Values Of Heroism In Tok Tangok*

*Folklore As A Symbol Of Personality And Identity Of Malay Community: Research On The Perception Students In University Malaysia Kelantan Through Kahoot Application*. Carnival of Research And Innovation (CRI2021) (pp.592- 597). Research Management Innovation Centre (RMIC), Universiti Malaysia Kelantan.

Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Akal Budi Dalam Cerita Rakyat Di Tumpat Kelantan: Satu Penelitian Terhadap Pengkaedahan Alamiah. *Jurnal Melayu*, 21(1), 129-144.

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah. (2017). Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Melalui Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia Diselenggara Oleh Aripin said & Othman Puteh. *Journal Of Business and Social Development*. 5 (2), 67-74.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Suriatini Ismail, Daeng Haliza Daeng Jamal, Sahrudin Mohamed Som, Farrah Atikah Saari & Nasirin Abdillah. (2022). Kajian Mengenai Nilai Murni Melalui Keunikan Dialek Kelantan Dalam Cerita Rakyat Melayu Di Kelantan. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 10(1), 15-32.

Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). *Nilai-Nilai Murni Dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penenlitian Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Doktor Falsafah, Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan (UMK).

Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop. (2015) Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 3, 91-100.

Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Pengaplikasian. Sastera Warisan. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 6(2), 101–120.

Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). Kesan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Penelitian Teori Konseptual Kata Kunci. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*,6(2), 121–143.

Mohd Fairuz & Ng Perng Jeu. (2018). A Malaysian Folklore Game Design As A Tool Of Culture Preservation And Entertainment: Toyol. In 3rd International Conferencer on Media, Design and Technology (REKA 2018). *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*. Atlantis Press, 207, 198-202.

Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintang & Nor Asia Muhamad. (2017). Cerita Rakyat 164 Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(4), 26-30.



- Mohd Saberi Muda. (2017). Puisi Ke Teater: Transformasi Karya Marzuki Ali. *Jurnal Melayu*. 16 (1).
- Muhd Mu'inudinillah Basri. (2008). *Indahnya Tawakal*. Penerbit Indiva Pustaka.
- Muhammad Irfan Waquiuddin Hasanudin, Mohd Affiq Affandy Azlizan & Muhd Norizam Jamian. (2021). Cerita Rakyat Bawang Putih Bawang Merah Versi Malaysia & Indonesia: Perbandingan Latar Budaya. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(3), 1-21.
- Muhammad Izzat Farhan Mohamad. (2021). Kedinamikan Citra Masyarakat Dalam Novel-Novel Remaja Terpilih: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan (Doctoral Dissertation, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)).
- Mumtaz Begam Abdul Kadir, Norzaini Azman & Mohammed Sani Ibrahim. 2010. *Pengaruh integriti kepemimpinan terhadap pelaksanaan pengurusan kualiti menyeluruh di Institusi Pendidikan Tinggi MARA*. *AKADEMIKA* 78: 67-75.
- Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin. (2019). Pendidikan Anak-Anak Menerusi Suruh Luqman Dalam Novel Ayahanda: Child Education Through Suruh Luqman in Ayahanda Novel: MANU. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (Ppib)*, 103-129.
- Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob & Abdul Latif Abu Bakar. (2023). *Cerita Rakyat Kelantan Himpunan Seluruh Jajahan*. Penerbit: Universiti Malaysia Kelantan.
- Nik Noorafifah Binti Roziman & Nur Afifah Vanitha Abdullah. (2020). Struktur Dramatik Tangan-Tangan Yang Tinggal Oleh Siti Jasmina Ibrahim. *Jurnal Wacana Sarjana*.
- Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Awang Azman Awang Pawi. (2016). *Nilai sosiobudaya Dalam Cerita Kanak-Kanak Pilihan*. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan*, 3, 2-15.
- Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2016). Pengurusan Konflik Dalam Cerita Rakyat Nusantra AbadKe-19. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 4 (2), 37-43.
- Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Makmur Harun & Farra Humairah Mohd. (2019). Unsur Mitos Berdasarkan Teks Sastra Melayu Tradisional. *International Journal Humanities, Philosophy and Language*, 2(6), 78-87.
- Norfarizah Mohd Bakhir, Mohamad Omar Bidin & Ahmad Amirul Abdul Aziz. (2018). *Preserving And Promoting Malay Folklores And Legends Using Interactive. Motion Comic: The Fang King (Bersiong)*. In SHS Web of Conferences. EDP Sciences. 45, 1-5.
- Normaizatul Anis Ahmad & Halis Azhar Mohd Hanafiah. (2019). Pemikiran Islam dalam Konteks Sosioekonomi Dalam Kumpulan Cerpen Cahaya Pelita Nurani. *Jurnal Pengajian*, 31(1).
- Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat & Nor Shahila Mansor (2016). Wacana Cerita Rakyat Melayu Dalam Kalangan Pelajar Korea. *Jurnal Kemanusiaan*, 14 (1), 12-21.

- Normaliza Abd Rahim, Awang Azman Awang Pawi & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi . (2018). Integration Of Values And Culture In Malay Folklore Animation. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 26(1), 359- 374.
- Norazimah Zakaria & Mazarul Hasan Mohamad Hanapi. 2019. *Mitos Dalam Kepercayaan Masyarakat Melayu Tradisi Berdasarkan Teks Sastera Melayu Tradisional*. International Conference on Humanities, Education and Society (ICHES 2019) (pp. 419-427). Edusage Network.
- Noorzaatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal & Nasirin Abdillah. (2021). Ritual Dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia. *International Journal Creative Future and Heritage (TENIAT)*. 18-29.
- Noraini Abd. Shukor. (2016). Padi Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu. *Jurnal Melayu: Pendekatan Firasat*. Tesis Sarjana Muda Pengajian, Akedemi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Norzatul Iqma & Mohd Nor. (2020). Nilai Kemelayuan Dalam Himpunan Drama Melayu Popular Terpilih di Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*.
- Nur Ezatul Fadtehah Hedel & Mari Fatimah Subet. (2020). Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat “Hikayat Nakhoda Muda”: Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 147-160.
- Nurmasitah Mat Hassan, Azyantee Mohd Zawawi & Nordiana Ab. Jabar. (2022). *Kisah Sang Kancil Dan Harimau Sebagai Penerapan Nilai Budaya Tinggi Dalam Kalangan Kanak-Kanak*. International Conference On Malay, Arabic and English Literature (ICMAEL 2022) (pp. 403- 412). Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA.
- Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2021). Citra Masyarakat Dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Development*, 9(1), 93-106.
- Nur Safiah Mohmad Zakir. (2020). *Nilai-Nilai Kepahlawanan Menerusi Cerpen-Cerpen Terpilih Dalam Seuntai Rindu Firdaus Karya Ana Balqis: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. (Doctor dissertation, University Malaysia Kelantan).
- Nur Shahirah Othman. (2020). Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*.
- Nur Suhada Binti Md Ariffin & Kamariah Binti Kamarudin. (2017). Personaliti Islam Menurut Perspektif Al-Ghazali dalam Novel Tuhan Lebih Sainifik karya Farhan Hadi. *Jurnal Pusat Panataran Ilmu dan Bahasa (MANU)*, 25(1), 1-15.
- Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan. (2020). *Analisis Dakwah Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 49-59.
- Othman Puteh & Aripin Said. (2008). *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Edisi 7. Nor Azah Abd Aziz & Faridah Shamsudin @ Sani (Peny.). Kuala Lumpur: Utusan Publications Distributors Sdn. Bhd.

- Pg Haji Yakub Pg Ahmad & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2018). *Sajak-Sajak Badaruddin H.O Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah*. Jurnal Pengajian Melayu. Jurnal Wacana Sarjana. 2(4), 1-15.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 1988. *Nilai-nilai murni dalam KBSM: Cabaran untuk pendidik*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Qurratul 'Ain Abdul Rahim dan Mawar Safei (2018) berdasarkan *Introspeksi Dalam 77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan*.
- Rahimah Hamdan & Alya Batrisyia Anuar. (2020). *Perspektif 'Melayu Malas' Dan 'Melayu Bodoh' Oleh Barat Serta Kebenarannya Berdasarkan Cerita Jenaka Melayu*. Jurnal Dan Pengurusan, 2(371-82).
- Roslina Abu Bakar & Aone Van Engelenhoven. (2016). *Alam Dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka*. Journal of Business and Social Development, 24(1), 23-49.
- Roslina Abu Bakar. (2013). *Komunikasi Dua Hala Terancang Satu Aplikasi Dalam Penyampaian Cerita Rakyat Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa. (2019). *Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat Di Malaysia*. Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, 12(2), 291-319.
- Sesilia Seli. (2016). *Kearifan Tempatan Dalam Cerita Rakyat Dayak Kanayatn: Kajian Hermeneut* Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Akademik Pengajian Melayu. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Shihab Q. 2013. *Secercah Cahaya Ilahi*. Bandung. Mizan.
- Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2021). *Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu*. PENDETA, 12(2), 67-79.
- Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar & Arbai'e Sujud. (2019). *Kisah Sang Kancil Dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan Dalam Kalangan Kanak-Kanak*. Jurnal Kesidang, 4(1) 77-89.
- Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). *Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur Dalam Cerita Rakyat Untuk Kanak-Kanak*. Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman), 4(1),93- 103.
- Siti Zuhaidah Zakeria. (2015). *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih dalam Majalah Dewan Pelajar*. Tesis Ijazah Sarjana Master Sastera. Fakulti Bahasa Modendan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Suhaini Md Noor & Mohd Faizal Musa. (2021). *Fungsi Makanan Dalam Interaksi Sosial Masyarakat Melayu: Satu Kajian Teks Cerita Rakyat*. International Journal of the Malay World and Civilisation, 9(2), 59 - 67.
- Sundari. 2018. *Konsep Sabar dalam Surat al-Kahfi dan Implikasinya dalam Pendidikan Islam (Kajian Tafsir Ibnu Katsir)*. Tesis Dr. Fal, Jabatan Pendidikan Agama Islam, Institut Agama Islam Negeri (IAIAN) Curup.
- Syaidul Azam Kamarudin & Arba'ie Sujud. (2017). *Jati Diri Melayu Dalam kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu*.


*International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 7(1), 47-63.

- Tajul Ariffin Noordin dan Nor'Aini Dan. 1992. *Pendidikan Dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- Tjetjep Rosmana. (2010). Mitos Dan Nilai Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Lampung. Patanjala: *Journal of Historical and Cultural Research*. 2(2), 191- 206.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Interaksi Sosioekonomi Dalam Cerita Rakyat Kilatan Emas Mencetus Revolusi Kepemimpinan Terhadap Kanak- Kanak Dan Remaja. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*, 9(1), 68-80.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Unsur Kebudayaan Dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Cultural Elements In Folk Narratives At Lembangan Sungai 170 Pengkalan Datu, Kelantan. *International Journal of Language Education and Applied Linguistic*, 12(1), 27-37.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Akal Budi Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* 11(2), 126-140.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Rakyat Di Kota Bharu, Kelantan Terhadap Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak: Satu Pendekatan Moral*. Malay, Arabic and English Literature (ICMAEL 2022) (pp. 422-434). Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA .
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). *Kajian Pendidikan Moral Dalam Cerita Rakyat Melayu Terhadap Kanak-Kanak: Satu Penelitian Falsafah Pendidik Kebangsaan*. Malay, Arabic and English Literature (ICMAEL 2022) (pp. 435-447). Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nur Samsiah Mazlan. (2021). *Keberkesanan Unsur Watak Dan Perwatakan Dalam Cerita Rakyat Dalam Kalangan Kanak-Kanak Dan Remaja Melalui Media Animasi*. *Jurnal Melayu*, 20(2), 230-246.
- Wan Khairul Faiz Wan Kamarul Ariffin. (2019). *Analisis Cerpen-Cerpen Terpilih Di Dalam Kumpulan Cerpen Bidadari Burung Dengan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)).
- Wan Nurzafirah Wan Zain. (2019). *Analisis Cerpen Terpilih A. Samad Said Menggunakan Pengkaedahan Melayu*. (Doctor dissertation, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)).
- Yusmilayati Yunos, Muammar Ghaddafi Hanafiah, Muhd Norsizan Jamian, Zubir Idris. (2017). Komunikasi Bukan Lisan: Alamat Kedutan (Denyutan) Berdasarkan Mujarrobot. *Jurnal Melayu Isu Khas 2017*, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zaitul Hassan. (2015). *Manifestasi Citra Alam Dalam Novel Ombak Bukan Penghalang: Suatu Penelitian Firasat Melayu*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Pengajian Bahasa Melayu Kontemporari, Universiti Utara Malaysia. Kedah.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

## BIODATA PENULIS



Nama diberi Nuraina Shuhada Binti Rozman. Berusia 24 tahun dan dilahirkan pada 21 Julai 2000 di Hospital Mentakab. Kini menetap di Temerloh, Pahang. Penulis merupakan anak sulung daripada lima orang adik beradik yang terdiri daripada tiga orang perempuan dan dua orang lelaki. Nama bapa ialah Rozman Bin Awang Kechil dan ibu ialah Faziatul Azimah Binti Musa. Seterusnya, penulis mendapat pendidikan rendah pada tahun 2007 di Sekolah Kebangsaan Tanjung Perang dan telah menamatkan pengajian di peringkat sekolah rendah pada tahun 2012. Setelah itu, penulis meneruskan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Tengku Ampuan Afzan, Chenor bermula pada tahun 2013 sehingga tahun 2017. Pada tahun 2018, penulis telah melanjutkan pengajian ke tingkatan enam hingga dapat menamatkan pengajiannya pada tahun 2019. Kini, penulis sedang meneruskan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Malaysia Kelantan dalam bidang Kesusasteraan Warisan. Akhir kata, matlamat hidup yang ingin dicapai oleh penulis adalah untuk membahagiakan orang sekeliling dan juga membina negara bangsa demi melahirkan warga yang berpengetahuan serta memiliki jati diri terulung sebagai membina masyarakat bertamadun.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN